

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Kewajipan berdakwah menjadi tuntutan ke atas setiap individu muslim. Arus perubahan masyarakat, menggesa para pendakwah menggunakan metode yang mampu dicernakan oleh masyarakat dan secara tidak langsung membawa perubahan. Zaman globalisasi ini, yang banyak cabaran, keimanan manusia tergugat dan kepakaran para pendakwah tercabar. Tanggungjawab seorang pendakwah adalah memberi penjelasan dan pemahaman yang menyeluruh tentang Islam supaya dakwah yang dibawa mampu menyelesaikan pelbagai masalah keruntuhan.

Membangunkan masyarakat Islam kini yang sedang bergolak dengan pelbagai kancan kerosakan dalam segala aspek kehidupan bukan suatu perkara yang mudah. Tugas para pendakwah untuk mengajak manusia kembali kepada amar makruf nahi mungkar sememangnya menuntut banyak kesabaran dan pengorbanan. Pendakwah perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan kelebihan mengikut keperluan masyarakat kini yang sentiasa terdedah kepada perkara-perkara yang merosakkan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Para pendakwah perlu kreatif seperti kata-kata daripada Dato' Dr. Siddiq Fadhil yang merupakan presiden ABIM yang ketiga tahun 1984 melalui ucapan dasarnya bertajuk 'Da'i Pembina Akidah Pembangunan Ummah'. Katanya,¹

'Dakwah tidak seharusnya membeku dalam bentuk seruan-seruan retorika semata-mata. Amr Ma'ruf harus lebih banyak digarap secara Lisan al-Hal – dengan khidmat amal bakti dengan model teladan, dengan sarana dan program konkrit. Amr Ma'ruf harus ditingkatkan kepada bentuk problem solving, penyediaan sarana dan jawapan praktis kepada persoalan-persoalan semasa. Demikian pula halnya dengan Nahi

¹ Badlihisam Mohd Nasir, "Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Dato' Dr. Siddiq Fadhil," *Jurnal Usuluddin* 27 (2008), 70.

Munkar yang harus digarap bukan dengan hanya memuntahkan kalimah-kalimah yang menghina dan provokatif, bukan dengan membelasah penuh emosi, semacam mendapat nikmat besar apabila timbul isu yang boleh dieksploitasi. Nahi Munkar seharusnya kritik yang jujur dan membina dengan hujah-hujah yang dilengkapi data, fakta dan angka, dilafazkan dalam nada bahasa da'i yang lunak kerana para da'i adalah berbicara kepada akal dan fitrah manusia. Sesungguhnya da'i adalah penyelamat bukan pelaknat dan bukan tukang sorak pemulang paku buah keras. Da'i adalah penyeru bukan penyerang, bukan pembangkang melulu dan bukan pula penyokong melulu, mereka adalah al-Amiruna bi al-ma'rif wa 'annahura 'an al-Munkar-Penyeru kabaikan dan pencegah kemungkaran.

Pendakwah yang mengikut cara yang betul ialah pendakwah yang sentiasa memikirkan tentang keberkesanan dakwahnya dengan memikirkan bentuk metode (manhaj), kaedah atau *uslub* yang paling sesuai digunakan untuk sasarannya. Di dalam al-Quran, Allah SWT menggunakan pelbagai bentuk metodologi dakwah kerana merujuk kepada kumpulan sasaran yang berbeza dari pelbagai aspek. Metodologi dakwah yang dibuat secara teratur dan sistematik membolehkan sasaran menerima sesuatu dakwah atau mendapat keberkesanannya.² Keberkesanan sesuatu dakwah adalah penting dalam usaha memperbaiki masyarakat, menghilangkan faktor-faktor kerosakan dan kehancuran yang berada di antaranya. Komunikasi dakwah adalah bertujuan untuk mengajak manusia ke arah amar makruf nahi mungkar di samping menjalankan tanggungjawab seorang muslim terhadap agama.³

1.1 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN KAJIAN

Proses komunikasi menyumbang 50 peratus daripada waktu “jaga” manusia. al-Quran dan al-Sunnah banyak mengajar manusia tentang komunikasi berlandaskan Islam. Komunikasi dakwah atau komunikasi Islam merupakan komunikasi yang memiliki nilai kebenaran, bermatlamat, prinsip, media, kaedah dan mesej yang bertujuan mengajak manusia ke arah kebaikan kehidupan dunia dan akhirat serta berpandukan kepada

² Ab. Aziz Mohd Zain, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2001), 2 - 7

³ Drs.Toto Tasmara, *Komunikasi Dakwah* (Indonesia: Cv Gaya Media Pratama, 1987) , 47

wahyu dan sunnah rasulullah.⁴ Dakwah adalah proses pembangunan dan penyampaian maklumat kepada masyarakat melalui kaedah yang bersesuaian untuk membentuk, membimbing, menerapkan nilai-nilai murni. Proses dakwah dan hubungannya dengan komunikasi adalah perkaitan yang membawa kepada keberkesanan dalam mesej yang disampaikan.

Lantaran itu, pendakwah perlu mempunyai kualiti komunikasi yang mampu mempengaruhi umat Islam kerana keberkesanan dalam penyampaian dapat membawa perubahan yang besar kepada masyarakat. Proses komunikasi ini mesti mencakupi aspek kuantiti yang mencukupi dalam maklumat yang hendak disampaikan, menjaga kepercayaan kumpulan sasaran, jangan berdusta dan menyembunyikan maklumat, meremehkan perkara yang penting dan tidak tunjuk minat.⁵

Kini, gejala keruntuhan akhlak khususnya di kalangan remaja di Malaysia kian meningkat, semakin serius dan merumitkan. tenaga pengajar Pendidikan Islam dan Moral Reliti masyarakat kini sedang menghadapi krisis keruntuhan akhlak yang amat membimbangkan. Nilai-nilai kemanusiaan semakin hilang, media massa yang setiap hari melaporkan berita-berita yang menggugat nilai kebaikan masyarakat seolah-olah masyarakat telah hilang pertimbangan dan pedoman hidup yang berlandaskan lunas-lunas Islam yang sebenarnya. Fenomena ini juga seolah-olah menggambarkan mesej penyampaian ilmu Pendidikan Islam yang berlaku di semua peringkat masyarakat khususnya di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi tidak mencapai objektif dan kurang berkesan dalam mengubah masyarakat ke arah kebaikan. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Azlina Binti Muhammad Mohd Ali Bin Hashim dalam kajian

⁴ Ghazali Sulaiman, “Komunikasi Islam,” dalam *Islam dan Komunikasi*, ed.S.Salahudin Suyurno *et al.*(eds) (Shah Alam : Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2007), 1-2

⁵ Profesor Abdullah Hassan, *Komunikasi Untuk Pendakwah* (Pahang : PTS Pub & Dist Sdn. Bhd, 2002), 34-36

Disertasi peringkat Sarjana yang bertajuk “Peghuni Raudhatus Sakinah: Kajian terhadap Latar Belakang Dan Faktor Salahlaku ”.⁶ Kajian ini telah merumuskan, walaupun di Malaysia menurut Akta Pelajaran 1961 pendidikan Islam wajib diajar di sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan secara formal namun gagal memberi impak yang sewajarnya kepada pembentukkan akhlak pelajar.

Hasil kajian yang dilakukan ke atas 89 responden peghuni Raudhatus Sakinah membuktikan 86.5% (77 orang) responden pernah mendapat pendidikan Islam secara formal di sekolah dan hanya 13.5% (12 orang) yang tidak pernah. Keadaan ini jelas menunjukkan para remaja tersebut mendapat pendedahan dan memiliki ilmu pengetahuan agama tetapi masih terlibat dengan pelbagai kesalahan tingkahlaku. Keadaan ini berlaku disebabkan sikap tidak minat terhadap subjek pendidikan Islam, tidak ada *khudwah hasanah* daripada para ustaz dan ustazah, mengikut kehendak dan keinginan nafsu walaupun memahami konsep suruhan dan larangan dalam agama. Pengkaji mencadangkan supaya mutu pengajaran pendidikan Islam dipertingkatkan dari aspek teori, amali, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta guru sebagai model perubahan pelajar.

Selain itu, sikap pensyarah atau guru Pendidikan Islam yang hanya bertindak sebagai pengajar bukan pendidik sedikit sebanyak memberi kesan kepada sikap pelajar. Objektif Pendidikan Islam untuk membentuk generasi yang seimbang dari aspek jasmani , emosi, rohani dan intelek (JERI). Menerusi Pendidikan Islam, dapat membentuk sahsiah dan akhlak yang baik dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian (Islam sebagai ‘Way Of Life’).Masalah keruntuhan akhlak yang

⁶ Azlina Binti Muhammad , “ Peghuni Raudhatus sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang Dan Faktor Salahlaku” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 144-145

berlaku dalam masyarakat khususnya para pelajar Islam semakin menjadi-jadi walaupun mereka mengikuti kursus Pendidikan Islam secara formal di sekolah atau Institut Pengajian Tinggi (IPT). Mengikut Saedah, masalah kerutuhan akhlak remaja Malaysia yang saban hari dipaparkan di media massa membuktikan moral remaja begitu kritikal. Dari sudut pendidikan, permasalahan ini berpunca daripada masalah kerohanian yang sakit dan kosong iaitu tidak berupaya mengisi roh mereka dengan rasa nikmat kepada Allah. Para pelajar perlu diberi rawatan kerohanian yang berkesan. Selain itu beliau juga berpendapat proses pengajaran dan pembelajaran dan kurikulum Pendidikan Islam perlu ada inovasi, strategi yang sesuai supaya dapat memberi kesan kepada perubahan minda dan penghayatan pelajar. Guru pendidikan Islam perlu kreatif dalam penyampaian supaya isi pengajaran mudah dicernakan oleh pelajar. Guru Pendidikan Islam sebagai pendakwah perlu meletakkan pelajar sebagai sasaran dakwah. Para guru seharusnya terlebih dahulu membuat perubahan diri dan minda sebelum mengharapkan perubahan pelajar.⁷

Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Mara pada 22 hingga 23 Oktober 2008 oleh Baharom Mohamad, Ali Suradin dan Za'aba Helmi Khamisan bertajuk "Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti". Kajian yang dilakukan ke atas 275 responden yang terdiri daripada pelajar Politeknik Merlimau, Melaka, Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan dan Polieknik Pasir Gudang, Johor. Dapatan kajian yang menggunakan skor min menunjukkan pemahaman pelajar terhadap kurikulum pendidikan Islam dan Pendidikan Moral adalah tinggi (skor min=4.5 dan 3.99) tetapi pengamalan sahsiah dan nilai terpuji dalam kehidupan pada tahap sederhana (skor min=3.67 dan 3.61). Hasil kajian juga menunjukkan, pensyarah

⁷ Zaharah Hussin & Ab. Halim Tamuri (2010), "Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Pendidikan akhlak" dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, ed. Ab. Halim Tamuri *et al.*(eds) (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 154-161

merupakan individu ketiga yang menyumbang kepada pembentukan akhlak pelajar. Hasil kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan Siti Mariam Samad ke atas sebuah politeknik, mendapati pihak pengurusan politeknik tersebut telah melakukan pengawalan yang tinggi untuk mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar. Situasi ini berlaku akibat daripada sikap pentadbiran institusi-institusi pendidikan dan pensyarah yang lebih mengutamakan kecemerlangan akademik berbanding berusaha untuk membentuk sahsiah pelajar.⁸

Permasalahan semakin meruncing apabila saluran komunikasi yang pelbagai memperlihatkan rancangan berbentuk hiburan menguasai saluran-saluran media khususnya televisyen berbanding rancangan berunsur dakwah dan keagamaan. Mengikut Rahman Hashim, dalam kehidupan ini, termasuk Malaysia, peralatan seumpama televisyen sudah bertindak sebagai institusi sosial yang cukup berpengaruh. Pendorinasian televisyen sebagai saluran media utama, mampu mencorak, menyubur dan mengukuhkan sikap serta perlakuan masyarakat yang telah tersedia terbentuk. Ia juga bertindak sebagai medium pengubah gaya hidup seseorang, corak hubungan keluarga, jiran tetangga, rakan sekerja malahan masyarakat sejagat. Gejala keruntuhan akhlak yang hebat dengan kesanggupan manusia melakukan pelbagai maksiat dan pelbagai perkara larangan Allah seolah-olah mereka tidak takut dengan hukuman Allah. Kini, terlalu banyak bahan-bahan hedonistik serta kebebasan bergaul tanpa batas tersiar di televisyen menambahkan lagi kerosakan moral dan akhlak masyarakat. Situasi ini menggesa para pendakwah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang merangkumi pelbagai aspek seperti sejarah Islam, ilmu sejarah, sastera, bahasa, sains kemanusiaan, sains tabi'i dan persekitaran. Kemampuan pendakwah dalam menguasai

⁸ Bharom Mohamad, Ali Suradin dan Za'aba Helmi Khamisan, "Peranan Pendidikan Islam Dan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti". (makalah, Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 oktober 2008), 1-2

komunikasi yang sesuai dengan mad'u dapat mengelakkan salah faham terhadap mesej dakwah yang dibawa.⁹

Selain itu, Rahmah Hashim dalam kajian 'Industrialisasi Dan Globalisasi: Cabaran Teknologi Komunikasi Dan Kesannya Terhadap Kelangsungan Pendidikan Generasi' merumuskan bahawa perkembangan teknologi baru yang semakin canggih dan merentasi batas literasi dan geografi menuntut masyarakat lebih bijak memilih dalam penggunaannya. Format multimedia yang bersifat global, banyak membantu dalam kepantasan mencari maklumat. Kajian ini mendapati, globalisasi media komunikasi yang terlalu pesat mampu membawa masyarakat kepada ketagihan menonton. Sebagai sebuah institusi sosial yang cukup berpengaruh, televisyen banyak membentuk personaliti masyarakat disamping mampu mengubah dan mengukuhkan sikap yang sedia ada. Menurut Gerbner et.al iaitu Sarjana Komunikasi Amerika Syarikat, radio, video dan televisyen menggalakkan masyarakat berhibur di rumah sendiri setiap hari. Penyelidik menegaskan, persaingan dalam dunia multimedia dan komunikasi serta dasar penswastan menjadikan teknologi dan komunikasi semakin mengkhayalkan. Perkara ini sekiranya dibiarkan berterusan akan merugikan ummah sejagat.¹⁰

Selain itu, isu-isu akhlak yang melibatkan para remaja umumnya dan khususnya pelajar PSA sendiri menambahkan lagi kepentingan terhadap kajian ini. Isu akhlak di kalangan pelajar telah menjadi isu nasional dan sering mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dalam masyarakat. Akhlak bermaksud budi pekerti, kelakuan, perangai,

⁹ Zakaria Stapa, "Cabaran Era Globalisasi Dan Proses Penyediaan Diri Serta Ketrampilan Para Pendakwah" (makalah, Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Malaysia -Indonesia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 9-16

¹⁰ Rahmah Hashim, "Industrialisasi Dan Globalisasi : Cabaran Teknologi Komunikasi Dan Kesannya Terhadap Kelangsungan Pendidikan Generasi", *Jurnal Pendidikan Islam* 3 (2008), 49-66

watak atau tabiat.¹¹ Menurut Kamus Dewan akhlak bermaksud budi pekerti, kelakuan atau tabiat¹² manakala dalam bahasa Inggeris akhlak diertikan sebagai *character* atau *morals*.¹³ Menurut Ibnu Taimiyah, akhlak berkait rapat dengan keimanan kepada Allah dengan melahirkan rasa keyakinan Allah sebagai pencipta, mengenal Allah dan mencintai Nya, mengharapkan keredaan dan menjauhi sifat mazmumah dalam diri seterusnya menghasilkan perilaku yang baik.¹⁴

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah memiliki jumlah pelajar hampir 5000 orang. Sebagai sebuah institusi pengajian yang sentiasa mementingkan kecemerlangan dan kualiti dalam pelbagai aspek khususnya akademik, pihak pengurusan sentiasa memandang serius terhadap isu-isu yang berkaitan dengan permasalahan akhlak dalam kalangan pelajar. Berdasarkan jumlah pelajar yang ramai, sememangnya PSA menghadapi permasalahan ini dan sentiasa menanganinya sebaik mungkin. Beberapa isu akhlak pelajar PSA yang sering berlaku seperti masalah kehadiran pelajar kurang 80%, kes peniruan di dewan peperiksaan, masalah disiplin dan masalah sosial.

Permasalahan kehadiran pelajar kurang 80% akan berlaku pada setiap semester dan melibatkan semua jabatan dan modul. Walaupun pelajar telah diberi penjelasan di awal semester berkaitan dengan kehadiran, permasalahan ini tetap akan berlaku disebabkan pelbagai faktor.¹⁵ Pada sesi Jun 2012 terdapat seramai 135 pelajar pendidikan Islam dan bahasa Inggeris yang menghadapi masalah kehadiran kurang 80% dan bagi sesi Disember 2012 89 orang menjadikan jumlah keseluruhan 224 orang

¹¹ Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd, 1995),32, entri "akhlak."

¹² Kamus Dewan, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000),21,entri"akhlak."

¹³ Intelek Malay-English Dictionary (Kuala Lumpur: Arus Interlek Sdn Bhd, 1996),6, entri "character"

¹⁴ Mahmud al-Misri Abu Ammar, *Ensiklopedia Akhlak Muhammad SAW*, ed. Ke-2, terj. Abdul Amin, M.Abidun Zuhri, Hunainah M. Thahir Makmun dan Mohamad Ali Nursidi (Jakarta: Pena Pundi Aksara, 2011),6

¹⁵ Azlina Muhammad (Ketua Unit Peperiksaan Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual denga penulis , 25 April 2013

sepanjang tahun 2012.¹⁶ Menurut Pegawai Peperiksaan jabatan, terdapat pelbagai faktor yang mendorong ketidak hadiran pelajar ke kelas antaranya tidak minat dengan modul tersebut, malas, penat, jadual pembelajaran yang padat, faktor cuaca, sakit yang berpanjangan dan pengaruh kawan. Pelajar yang terlibat dengan permasalahan ini akan digagalkan sekiranya tidak membuat rayuan atau rayuan ditolak dan seterusnya akan mengambil modul yang sama pada semester akan datang.¹⁷

Kes peniruan di dewan peperiksaan juga merupakan isu yang amat dipandang serius oleh pihak pengurusan kerana ia mampu menggugat kredibiliti PSA sebagai salah sebuah Politeknik Premier yang mensasarkan produk yang berkualiti pada setiap pengeluaran.¹⁸ Menurut pegawai peperiksaan PSA, walaupun jumlah kes peniruan di dewan peperiksaan hanya 25 kes sepanjang 2012,¹⁹ namun sebagai sebuah institusi pengajian yang sentiasa mementingkan kecemerlangan pelajar khususnya dalam pencapaian akademik, Unit Peperiksaan PSA sentiasa meningkatkan kawalan pada setiap semester bagi memastikan kes peniruan pelajar di dewan peperiksaan tidak berlaku. Pelajar yang disabitkan dengan kesalahan akan diberi amaran atau dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan beri nilai mata 0.00 atau dikenakan tindakan tatatertib pelajar 1976 di bawah akta 174 (Rujukan: Buku Panduan Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian 2009)²⁰

Masalah disiplin di kalangan pelajar PSA merupakan isu permasalahan akhlak yang paling ramai melibatkan pelajar dalam pelbagai bentuk kesalahan. Menurut pegawai disiplin PSA, pelajar yang disabitkan dengan kesalahan akan dikenakan denda mengikut kategori kesalahan yang telah ditetapkan. Secara umumnya, pelajar telah

¹⁶ Sumber data: Unit Peperiksaan Jabatan Pengajian Am

¹⁷ *Ibid*

¹⁸ Junnaini Johan (Pegawai Peperiksaan Politeknik Sultan salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual dengan penulis, 4 Mac 2013

¹⁹ Sumber data: Unit Peperiksaan PSA

²⁰ *Ibid*

ditaklimatkan tentang peraturan kampus pada minggu orientasi dan disertakan dengan buku panduan pelajar. Selain itu unit disiplin akan membuatkan “sportcheck” secara bersepadu dua kali setahun bersama pihak polis trafik dan operasi dalaman empat kali satu semester. Permasalahan disiplin tetap berlaku kerana sikap pelajar yang suka melanggar peraturan.²¹

Statistik masalah disiplin pelajar PSA bagi sesi Jun 2012 dan Disember 2012 adalah sebanyak 1752 kes yang melibatkan pelbagai kesalahan seperti rupa diri, masalah kad matrik, perlakuan, kamsis dan lalu lintas . Walaupun pada sesi Disember 2012 menunjukkan penurunan sebanyak 254 kes (749 kes), namun terdapat kategori kesalahan yang meningkat secara mendadak seperti kesalahan kad matrik yang menunjukkan peningkatan sebanyak 374 kes yang hanya melibatkan 28 kes pada sesi Jun 2012. Situasi ini menggambarkan sikap pelajar yang cenderung melakukan kesalahan dan sengaja melanggar peraturan.²²

Masalah sosial pelajar yang lebih bersifat peribadi melibatkan Unit Kaunseling dan Bimbingan PSA dalam menangani permasalahan ini. Secara umumnya, pelajar yang bermasalah tidak berminat untuk berkongsi dan merujuk permasalahan mereka kepada kaunselor. Pelajar lebih cenderung untuk berkongsi masalah dengan rakan sebaya. Unit Kaunseling dan Bimbingan akan menjadi pilihan terakhir dalam membantu mereka menyelesaikan masalah.²³ Sepanjang tahun 2012 terdapat statistik menunjukkan hanya 39 orang pelajar yang terlibat dengan sesi kaunseling sepanjang tahun 2012 yang melibatkan isu peribadi dan sosial, isu keluarga, isu pembelajaran dan isu kerjaya.²⁴

²¹ Ishak Hasan (Pegawai Disiplin Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 5 Mac 2013

²² Sumber data: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (Unit Disiplin)

²³ Muhammad Faizal Fadly Shaari (Kaunselor Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 6 Mac 2013

²⁴ Sumber data: Unit Kaunseling dan Bimbingan PSA

Kebanyakan kes yang dirujuk atas cadangan daripada penasihat akademik dan pensyarah demi kebaikan pelajar.

Merujuk kepada permasalahan ini, keperluan penghayatan komunikasi dakwah di kalangan pensyarah terhadap pelajar perlu dipertingkatkan. Oleh yang demikian keperluan komunikasi dakwah dalam penyampaian amat penting agar lebih berkesan di jiwa masyarakat. Sesuatu perlu dilakukan bagi memastikan setiap pendakwah dapat bertindak sebagai agen penyampai maklumat dan seterusnya membawa perubahan kepada masyarakat. Komunikasi bertindak sebagai agen sosialisasi masyarakat yang menyumbang kepada pelbagai impak dalam proses perubahan gaya hidup masyarakat itu sendiri.²⁵

1.2 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah konsep komunikasi dakwah dalam proses pengajaran oleh pensyarah?
2. Bagaimana pelaksanaan komunikasi dakwah oleh pensyarah terhadap pelajar?
3. Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan konsep komunikasi dakwah dalam proses pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah.
2. Mengenal pasti bentuk pelaksanaan komunikasi dakwah oleh pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
3. Mengenal pasti penerimaan pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terhadap komunikasi dakwah oleh pensyarah pendidikan Islam

²⁵ Aminudin Basir@ Ahmad, Mohamad Sabri Haron, & Nik Yusri Musa , “KebebasanMedia Komunikasi Menurut Perspektif Islam,” *Jurnal Hadhari* 2 (2009), 82

1.4 DEFINISI TAJUK

Definisi Komunikasi : Perkataan **komunikasi** berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu “communication” yang membawa maksud perhubungan.²⁶ Menurut Webster’s New Collegiate Dictionary komunikasi sebagai suatu proses penyampaian maklumat sesama manusia dengan menggunakan simbol isyarat atau perangai. Komunikasi juga medium yang dapat mendekatkan diri kepada masyarakat dan menjaga batas-batas yang membawa dalam komunikasi adalah dituntut dalam Islam.²⁷ Komunikasi dari perspektif Islam iaitu penekanan ke atas nilai, sosial, agama dan kebudayaan serta terhadap penyelidikan secara penglibatan. Konsep pendekatan penyelidikan secara penglibatan merupakan satu aspek teori komunikasi interpersonal yang mengarah kepada sosio agama dan budaya.. Komunikasi interpersonal merangkumi bidang perhubungan dengan ucapan, gaya percakapan, perlakuan sosial, serta sains tentang idea bidang retorik adalah perlu untuk mengekalkan satu order sains yang adil dan asas penyusunan cara hidup Islam menurut al-Quran.²⁸

Definisi dakwah :Perkataan “dakwah” mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.²⁹Menurut Dr. Yusuf Al-Qaradawi , dakwah adalah kegiatan dan usaha untuk mengajak dan menyeru kepada Islam, mengikut segala petunjuk Allah, menegakkan dan mengukuhkan sistem hidup Islam di muka bumi, beribadah kepadaNya, memohon pertolongan dan mentaatiNya, tidak taat kepada yang selainNya, membenarkan dan meyakini apa yang dibenarkan olehNya, menjauhi apa yang dilarang

²⁶ *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* , ed. Ke- 4, (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd, 2008),76, entri “komunikasi.”

²⁷ Dr.Danial Zainal Abidin, *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden Edisi Kedua* (Kuala Lumpur :PTS Publication & Distributor Sdn.Bhd, 2003), 117-118

²⁸ Mohd Yahya Mohamed Ariffin, *op.cit.* h. ?????

²⁹*Kamus Dewan* , ed. Ke 3 (Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka ,2002) 871, entri “dakwah,”

olehNya, menyuruh kepada yang makruf, mencegah perkara yang mungkar dan berjihad dengan ikhlas ke jalan Allah.³⁰ Berdasarkan pengertian tersebut, dakwah merupakan satu kegiatan yang dijalankan oleh segolongan manusia untuk menyeru manusia kepada mentaati Allah SWT dan Rasulullah SAW di samping menegah manusia daripada melakukan kemungkaran serta menyeru manusia yang melakukan kemungkaran agar kembali ke jalan yang benar.

Definisi komunikasi Dakwah : Komunikasi Dakwah suatu proses penyampaian dan pertukaran maklumat dengan menggunakan prinsip dan kaedah yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith. Proses ini adalah untuk mendidik masyarakat tentang hakikat kebenaran Islam dan meletakkan al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber rujukan utama dalam menjalankan segala aktiviti kehidupan sama ada dari aspek akidah, ibadah dan muamalah. Secara umumnya para ilmuan Islam mentakrifkan komunikasi dakwah iaitu menjaga kebenaran tentang mesej yang di bawa, baik dari segi berita, perkhabaran atau perkataan, bersifat realiti iaitu bersesuaian dengan fitrah manusia bagi memenuhi keperluan jasmani dan rohani, menggunakan medium yang sesuai dengan keupayaan intelektual kumpulan sasaran dan merangkumi semua cabang kehidupan manusia sesuai dengan ajaran Islam.³¹

Definisi guru atau pensyarah: Orang yang mengajar, pendidik, pengajar, pengasuh³². Menurut Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, guru bermaksud pendidik, pengajar, pengasuh secara formal.³³ Menurut Ahmad Mahmood Musanif, guru bermaksud pendidik, pengajar secara formal. Guru mengikut perspektif Islam mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan akhlak iaitu sebagai *murabbi* (a trainer

³⁰Dr. Yusuf Al-Qaradawi (1978), *Thaqafah al-Da'iyah* (Beirut: 1978), 3

³¹ Zulkiple Abd. Ghani, *Islam, Komunikasi Dan Teknologi Maklumat* (Kuala Lumpur :Utusan Publication& Distributor Sdn.Bhd, 2001), 3-4.

³² *Kamus Dewan* , edisi ke-3 (Kuala Lumpur,:Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), 420, entri ”guru.”

³³ *Kamus Bahasa Melayu*, (Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd, 2008), 278

of souls and personalities) dan bukan semata-mata sebagai *mu'allim* (a transmitter of knowledge).³⁴ Pensyarah iaitu mereka yang menyampaikan pembelajaran atau memberi kuliah menerusi syarahan³⁵

Definisi Pendidikan Islam: Pendidikan Islam merupakan modul yang bertindak sebagai alat untuk mengajak manusia ke arah kebaikan. Pendidikan dalam bahasa arab bermaksud *tarbiyyah, tarbib, ta'dib, tadrīs, taklim* dan *riyadah*. Dari aspek istilah pendidikan Islam ialah proses pendidikan untuk mendidik seseorang supaya memiliki akhlak yang mulia, menjauhi sifat terkeji, membimbing manusia ke jalan yang lurus, mengislahkan amal untuk mencapai kebahagiaan kehidupan di dunia dan di akhirat.³⁶

Definisi pelajar : Pelajar adalah penuntut yang kebiasaannya umur melebihi 16 tahun. Pelajar juga merupakan golongan mahasiswa yang berminat untuk mendalami tentang ilmu secara rasmi.³⁷ Pelajar atau lebih sinonim sebagai golongan remaja adalah generasi yang bakal mencorak warna masyarakat. Secara kronologinya, tahap remaja bermula pada usia 9 tahun. Pada usia ini, remaja mengalami tempoh perubahan daripada dunia kanak-kanak ke alam dewasa. Kematangan emosi, fizikal, rohani dan intelek remaja diukur berdasarkan kemampuan melihat perkara secara objektif dan matang. Semakin matang individu pada sendiri dan persekitarannya membuktikan mereka memiliki kesejahteraan mental dan permulaan alam remaja.

³⁴ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran* (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 80.

³⁵ *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, ed. Ke- 4 (Shah Alam Oxford Fajar Sdn.Bhd, 2008), 233, entri “pensyarah.”

³⁶ Kamarul dan Ab. Halim, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Ibid.*, 1-9

³⁷ *Kamus Dewan Bahasa –Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1246, entri “pelajar.”

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) merupakan salah sebuah pusat pengajian tinggi yang menawarkan pengajian di peringkat diploma dan *advance* diploma kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. PSA terdiri daripada enam jabatan akademik iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Perdagangan, Jabatan Pengajian Am dan Jabatan Matematik Sains dan Komputer. Jabatan Pengajian Am (JPAM) merupakan salah satu jabatan sokongan di dalam struktur Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). JPAM bertanggung melahirkan pelajar PSA yang bukan sahaja mahir dalam bidang teknikal mereka tetapi dilengkapi juga dengan ilmu fardu ain dan fardu kifayah supaya menjadi graduan yang holistic. Dikenali sebagai ‘politeknik super active’ dan mendapat pensijilan MSISO 9002:1994 daripada SIRIM pada September 2002 dan beralih kepada sistem kualiti baru MSISO 9001:2000. Berpegang kepada VISI, PSA Adalah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Dan Latihan Yang Disegani dan MISI Membudayakan Kerja Cemerlang Dalam Membangunkan Modal Insan serta MOTTO PSA Politeknik Pilihan Utama.³⁸

1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan terhadap semua pensyarah Pendidikan Islam seramai 16 orang dan 240 orang pelajar semester tiga yang akan diambil secara rawak meliputi empat jabatan induk daripada 573 jumlah (jumlah terkini pada Jun 2013) pelajar keseluruhan yang mengambil modul Tamadun Islam. Kajian yang dilakukan ke atas komunikasi dakwah secara lisan dan bukan lisan dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar Politeknik Sultan

³⁸ “Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,” dikemaskini 9 Oktober 2012, dicapai 12 Disember 2012, www.PSA.edu.my/

Salahuddin Abdul Aziz Shah seterusnya kajian ke atas aspek penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah. Tempoh kajian ini adalah dari Jun 2012 hingga Jun 2013. Kedua-dua aspek kajian ini kemudian dianalisa bagi memperolehi maklumat dalam membantu penambahbaikan dalam perancangan, penyusunan dan pelaksanaan para pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran (P&P).

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Komunikasi adalah medium dakwah yang amat penting dan luas penggunaannya dalam penyampaian. Komunikasi dakwah merupakan komunikasi khusus dan bermatlamat iaitu untuk mengajak manusia ke arah kebaikan, kebenaran dan memberi perubahan sikap terhadap salah laku masyarakat. Secara umum, kajian ini dilihat amat penting di dalam mempromosikan kelebihan komunikasi dakwah di kalangan masyarakat secara teori dan praktikal.

Penemuan dari kajian ini dapat membantu para pendidik, ibu bapa dan masyarakat menggunakan pendekatan komunikasi dakwah dalam usaha menerapkan dakwah kepada pelajar, anak-anak dan kumpulan sasaran masing-masing. Kajian ini juga dapat meningkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan komunikasi dakwah dalam mencorak diri serta kumpulan sasaran mengikut kaedah dakwah yang lebih berkesan.

Kepentingan kajian kepada pihak politeknik, iaitu dapat mengetahui bentuk komunikasi dakwah yang banyak membantu meningkatkan sahsiah di kalangan pelajar seterusnya membantu mengatasi masalah keruntuhan akhlak pelajar. Selain itu, pihak

pengurusan dapat mengenal pasti faktor pelajar kurang mengaplikasikan isi pengajaran Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian. Di pihak pensyarah pula, kajian ini mampu untuk dijadikan sumber informasi penting dalam mengenal pasti kelemahan dan kekurangan komunikasi dakwah yang digunakan dan penemuan kajian dapat membantu pensyarah merangka kaedah yang lebih dekat dengan jiwa pelajar.

Akhirnya, kajian ini akan memberi panduan kepada pengkajian ilmu yang berkaitan dakwah dan komunikasi serta pendidikan. Maklumat-maklumat yang diperolehi dapat membantu institusi pendidikan, institusi-institusi yang berkaitan dengan dakwah, Kementerian Pengajian Tinggi dan JAKIM dalam menerapkan kaedah komunikasi dakwah dalam agenda masing-masing dengan lebih sistematik dan praktikal demi kepentingan masyarakat terutamanya golongan sasaran.

1.7 KAJIAN LEPAS

Ab. Aziz bin Mohd Zin dalam artikel yang bertajuk ‘ *Minhaj Dakwah Masakini: Satu Pengenalan* ‘ mengatakan komunikasi interpersonal (bersemuka) yang melalui tempoh masa yang cukup dan dapat memberi penerangan yang jelas tentang permasalahan yang dihadapi oleh sasaran, mampu mengubah pemikiran dan menyelesaikan masalah. Dakwah Rasulullah SAW di Mekah pada peringkat awalnya adalah dengan menjalin hubungan peribadi supaya dakwah yang disampaikan lebih berkesan dan lebih mudah diterima. Pendakwah mestilah menunjukkan minat dan kesungguhan dalam penyampaian supaya sasaran terbuka dalam dan menerima mesej yang disampaikan.³⁹ Perkara ini turut diakui Salasih Binti Hanin Hamjah dalam penulisan tesis beliau yang bertajuk ‘ Pendekatan Da’wah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali: Satu Kajian di

³⁹ Aziz bin Mohd Zin ,” *Minhaj Dakwah Masakini: Suatu Pengenalan*,” *Jurnal Usuluddin* bil 3 (1995),80.

Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan berkomunikasi dengan pendekatan Al-Irsyad Al-Nafsiyy iaitu mengajak dan membimbing manusia ke arah kebaikan yang meletakkan komunikator (pendakwah) sebagai agen yang mampu memberi penjelasan kepada sasaran tentang perkara yang berkaitan dengan suruhan dan larangan Allah. Dakwah yang dilakukan secara bersemuka adalah lebih efektif kerana merupakan komunikasi dua hala yang membuka ruang kepada kedua-dua pihak (pendakwah dan sasaran) dalam meluahkan segala isi hati dan berkongsi idea serta pemikiran.⁴⁰

Faridah Binti Mohd Sairi dalam disertasinya '*Komunikasi Dakwah Kepada Golongan Remaja di Kampung Kanchong Darat Banting Selangor*' telah mengklasifikasikan sumber komunikasi para remaja di Kampung Kanchong Darat Banting Selangor mengikut keutamaan iaitu guru, ibu bapa dan buku yang bertindak sebagai agen penyampai maklumat. Elemen komunikasi dakwah iaitu penyampai (sender) dan mesej (message) dan hasil kajian mendapati responden meletakkan ibu bapa sebagai penyampai mesej dakwah yang terbaik kerana ketinggian keperibadian mereka. Kajian menunjukkan responden menghadapi masalah proses komunikasi dari sudut fizikal dan psikologikal, namun tahap kefahaman mereka terhadap perkara asas agama, ibadah dan akidah sangat tinggi. Hasil kajian juga membuktikan komunikasi dakwah dari sudut akhlak agama agak berkesan dan aktiviti dakwah yang paling mendapat sambutan iaitu Sambutan Maulidur Rasul, manakala aktiviti yang paling kurang mendapat penyertaan iaitu program Anti Dadah. Merujuk kepada hasil kajian

⁴⁰ Salasiah Binti Hanin Hamjah, "Pendekatan Dakwah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali: Satu kajian Di Pusat Kaunseling majlis Agama Islam Negeri Sembilan" (tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia, 2008), .2-8.

yang dibuat, penulis mencadangkan supaya penyampai (sender) lebih kreatif dalam menggunakan media dakwah yang lebih dekat di hati remaja supaya lebih efektif.⁴¹

S. Salahudin Bin Suyurno dalam tesisnya bertajuk '*Akhlak Komunikasi Islam Dan Penghayatan Kehidupan Beragama: Kajian Kes Di Universiti Teknologi Mara Pantai Barat Semenanjung*' merumuskan bahawa Komunikasi Islam sama ada melalui lisan atau bukan lisan amat penting kerana sikap tidak berakhlak dalam komunikasi boleh menyebabkan perpecahan dan salah faham dalam masyarakat. Komunikasi Islam menekankan prinsip-prinsip komunikasi berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah dalam penyampaian maklumat dan perkongsian idea. Prinsip ini perlu dijaga kerana melibatkan hubungan manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam. Komunikasi merupakan alat untuk menyampaikan dakwah dan komunikator perlu memastikan setiap mesej yang disampaikan tepat dan mengikut kemampuan diri. Kajian yang dijalankan memfokuskan tentang akhlak komunikasi Islam secara lisan dan bukan lisan di kalangan kakitangan akademik dan bukan akademik di Universiti Teknologi Mara Pantai barat semenanjung. Kajian mendapati kakitangan akademik lebih memiliki akhlak komunikasi Islam, penghayatan Rukun Islam dan Rukun Iman berbanding kakitangan bukan akademik. Kajian membuktikan iman dalam diri seseorang berperanan dalam pembentukan komunikasi Islam sama ada secara lisan atau bukan lisan.⁴²

⁴¹ Faridah Binti Mohd Sairi (2006), "Komunikasi Dakwah Kepada Golongan Remaja Di Kampung Kanchong Darat Banting Selangor" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2006), 115-135

⁴² S. Salahudin Bin Suyurno, "Akhlak Komunikasi Islam Dan Penghayatan Kehidupan Beragama: Kajian Kes Di Universiti Teknologi Mara Pantai barat Semenanjung" (tesis Ph D Usuluddin, Jabatan Akhidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 216-226.

Menurut Rahmah Hashim, komunikasi dakwah adalah proses penyampaian maklumat yang bertujuan iaitu mengubah masyarakat kepada mentaati Allah SWT. Pendakwah perlu mempunyai strategi yang mampu mempengaruhi masyarakat dengan mengambil kira peribadi dan sahsiah pendakwah. Pendakwah perlu memiliki segala sifat yang mampu mempengaruhi dan memperolehi kepercayaan daripada mad'u dan memahami mad'u dengan membawa pendidikan yang bersesuaian dengan situasi dan masalah mereka. Mad'u perlu dilihat dari sudut umur, budaya, pendidikan dan lokasi supaya tidak wujud percanggahan dalam pemikiran yang menyebabkan dakwah tidak diterima. Saluran komunikasi yang pelbagai, memberi kelebihan kepada pendakwah untuk memilih kaedah yang paling efektif untuk digunakan berdasarkan kemahiran yang dimiliki. Pendakwah juga perlu kreatif dalam penyampaian supaya sesuai dengan era globalisasi dan perubahan masa.⁴³ Menurutny lagi, keberkesanan komunikasi dalam penyampaian dakwah adalah merujuk kepada keperibadian, sifat takwa, berwibawa memiliki pengetahuan yang luas dan pendakwah perlu bijak menggunakan kaedah yang sesuai mengikut sasaran yang berbeza dalam semua peringkat masyarakat.⁴⁴

Ab Aziz Mohd Zin dalam artikel bertajuk "*Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*" pula mensasarkan beberapa metode yang membantu mempermudah penyampaian dan pemahaman dakwah terhadap golongan OKU. Metode yang digunakan seperti konsep mudah, konsep *rahmah* dan *syafaqah*, konsep hidup sebagai ujian, konsep hubungan dakwah berdasarkan layanan untuk mempengaruhi dan konsep kelebihan orang cacat. Tujuan dakwah adalah membawa perubahan dan penggunaan metode dakwah yang bersesuaian akan memberi impak yang maksimum terhadap

⁴³ Rahmah Hashim, "Ilmu Komunikasi: Kaedah Dan Teknik Dalam Dakwah Islamiah" (Seminar Dakwah Dan Kepimpinan Peringkat Kebangsaan, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), 1-7

⁴⁴ Rahmah Hashim, "Komunikasi: Kaedah Dan Teknik Dalam dakwah Islamiah," dalam *Prinsip Dan Kaedah Dalam Pembangunan Malaysia*, ed. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat, Ideris Endot (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 144-145

kelompok sasaran. Hasil kajian ke atas beberapa institusi latihan, bengkel terlindung dan sekolah pendidikan khas mendapati kegiatan dakwah terhadap OKU masih kurang memberangsangkan dan kebanyakan silibus yang digunakan belum mampu mencapai objektif sebenar kerana ketidakupayaan pelajar OKU dalam memahami pengajaran dan pembelajaran serta kelemahan silibus itu sendiri. Para pengkaji mencadangkan agar mewujudkan Metode Pendidikan Agama Sekolah Berkeperluan Khas yang melibatkan fasa Moderasi khas soalan Pendidikan Islam KBSR dan KBSM, silibus panduan bahasa isyarat dan guru pendidikan Islam Khas, manakala Amali Ibadat OKU menyediakan panduan ibadat OKU, kelas agama berstruktur dan sistematik dan kem motivasi ibadat OKU. Unit dakwah Khas untuk OKU bagi merancang dan melaksana program yang bersesuaian dengan mereka.⁴⁵

Selain itu, dalam permasalahan pendidikan Islam ke arah membentuk akhlak pelajar penulisan Ahmad Zabidi bin Abdul Razak dan Fathiah binti Saini dalam artikel bertajuk ‘*Kepimpinan Pengajaran Daripada Perspektif Islam Ke Arah Pembentukan Komuniti Sekolah Yang Cemerlang*’ meletakkan pendidikan melalui nasihat dan bimbingan berlandaskan al-Quran untuk mengingatkan Allah, memperingati tentang perkara kebaikan adalah sangat efektif malah mesej yang hendak disampaikan lebih mudah terkesan dalam diri individu sekiranya penyampaian dibuat dengan penuh keikhlasan.⁴⁶ Manakala Zaharah binti Hussin meletakkan peranan guru sebagai agen dakwah dalam pembentukan akhlak pelajar dengan memfokuskan tiga bentuk pendekatan utama iaitu *mua’llim* bermaksud mengajar dan mendidik pelajar menjadi manusia yang baik. Guru juga mesti berilmu, ikhlas dalam penyampaian dan sentiasa memberi rangsangan kepada pelajar untuk melakukan kebaikan. Kaedah kedua guru

⁴⁵ Ab Aziz Mohd Zin et al, *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009), 134-161

⁴⁶ Ahmad Zabidi bin Abdul Razak dan Fathiah binti Saini, “*Kepimpinan Pengajaran Daripada Perspektif Islam Ke Arah Pembentukan Komuniti Sekolah Yang Cemerlang*,” *Masalah Pendidikan*, Universiti Malaya, 2006), 9-10.

sebagai *murabbi* iaitu berusaha mendekati, menyayangi dan mewujudkan hubungan yang erat dengan pelajar sehingga menimbulkan kepercayaan antara satu sama lain serta bersedia membimbing pelajar menjadi individu yang taat kepada suruhan Allah. Seterusnya *muaddib* iaitu guru melalui proses muhasabah diri dalam memperbaiki dirinya untuk menjadi contoh terbaik kepada pelajar dengan meletakkan perkara yang baik dalam agama kepada dirinya sebelum disampaikan kepada orang lain. Kaedah seterusnya guru sebagai *mursyid* iaitu kesediaan guru untuk menjadi mentor atau pembimbing yang ikhlas kepada pelajar bagi mencapai kecemerlangan dunia dan akhirat.⁴⁷

Menurut Mohd Ali bin Hashim dalam tesisnya bertajuk ‘ *Islam Dan Elektif Pengajian Islam Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Kajian Terhadap Pembentukan Dan Pencapaian Objektifnya*’, Pendidikan Islam bermatlamat untuk membentuk generasi Islam yang seimbang dari sudut jasmani, emosi rohani dan intelek (JERI). Menerusi Pendidikan Islam, seseorang individu dapat membentuk sahsiah dan akhlak yang baik dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian (Islam sebagai ‘The Way Of Live’). Memahami Islam sebagai addin, dapat mencorak pembangunan secara menyeluruh iaitu pembangunan diri, masyarakat, alam sekitar dan Negara. Kajian berbentuk deskriptif analisis (kajian kes) ke atas dokumen Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Akta Pendidikan 1996, Persidangan Sedunia Pertama Pendidikan Islam 1977, Seminar Falsafah Dan Matlamat Pendidikan Untuk Malaysia 1983 Dan Peringkat Nasional, Surat Pekeliling dan minit mesyuarat. Hasil kajian yang dilaksanakan mendapati Pendidikan Islam dan elektif Pengajian Islam dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Para guru mampu menjalankan pendekatan pengajaran dengan baik seperti kesepaduan, kaedah

⁴⁷ Zaharah Hussin, “Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam,” *Masalah Pendidikan*. Universiti Malaya, 2005, 85-87.

kumpulan dan individu, teknik *talaqqi* dan *musyafahah*, *halaqah* dan latihan amali. Pendekatan-pendekatan yang digunakan telah berjaya membantu para pelajar memperoleh pencapaian yang baik dalam peperiksaan yang dijalankan. Namun begitu, hasil kajian juga mendapati para pelajar masih terlibat dengan gejala sosial yang berpunca daripada diri, keluarga, rakan, media massa, kurang didikan agama dan tiada matlamat hidup. Penulis telah menyarankan supaya pihak yang bertanggungjawab membuat pengubahsuaian kurikulum supaya lebih efektif, merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan membentuk bimbingan dan pendidikan berterusan.⁴⁸ Permasalahan dalam pendidikan turut dikupas oleh Mohd Lutfi Ahmad dalam kajiannya bertajuk ‘ Sekolah Menengah Teknik Kajang, Selangor: Kajian Tentang Metode Pengajaran Pendidikan Islam’. Kajian ke atas 72 pelajar yang bertindak sebagai responden mendapati metode pengajaran yang pelbagai iaitu metode soal jawab, latihan tubi, hukuman/dendaan, pujian dan tunjuk cara dalam pengajaran guru menjadi pilihan utama pelajar iaitu 98.6% manakala metode hukuman dan dendaan merupakan metode yang paling tidak disukai oleh pelajar iaitu 26.4%. Secara keseluruhan, kajian ini dapat mengenal pasti metode pengajaran yang digunakan oleh guru pendidikan Islam mampu memberi impak positif dalam proses pengajaran di dalam kelas. Penggunaan dan pemilihan metode yang sesuai mengikut situasi mendorong minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dan guru sebagai medium percambahan ilmu perlu peka terhadap keperluan pelajar supaya konsep ‘give and take’ (memberi dan menerima) dapat diaplikasikan sepanjang proses pengajaran berlaku.⁴⁹

⁴⁸ Mohd Ali Bin Hashim, ”Pendidikan Islam Dan Elektif Pengajian Islam Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kajian Terhadap Pembentukan Dan Pencapaian Objektifnya” (tesis Ph D, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2001), 214-230.

⁴⁹ Mohd Lutfi Ahmad, “Sekolah Menengah Teknik Kajang, Selangor: Kajian Tentang Metode Pengajaran Pendidikan Islam” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 49-83.

Usaha penyampaian dakwah juga meletakkan da'i sebagai agen pengubah masyarakat. Muhammad Tolha Al-Khairi dalam bukunya bertajuk 'Teladan Sepanjang Zaman Peribadi Nabi Anugerah Suci' meletakkan sifat utama Rasulullah SAW iaitu Sidiq, Amanah, Tabligh dan Fatonah dalam penyampaian dakwah menyempurnakan karisma dan ketokohan baginda sebagai pemimpin agung. Pendekatan dakwah baginda dengan tutur kata yang lemah-lembut, penuh hikmah, sentiasa mengetengahkan sesuatu yang menarik minat masyarakat dan memakai pelbagai kaedah bersesuaian dengan tahap pemikiran sasaran supaya mesej dakwah terkesan dalam jiwa.⁵⁰ Hal ini turut ditegaskan oleh Syarifah Hanifah Binti Syed Mohd Zain yang bertajuk dalam disertasinya 'Konsep Guru Mursyid: Analisis Terhadap Kefahaman Masyarakat Melayu Di Kota Bharu Kelantan'. Kajian ini memperjelaskan peranan guru sebagai mursyid iaitu menunjuk, mengajar, dan memimpin masyarakat ke jalan yang benar. Guru juga merupakan golongan yang sentiasa menjadi *role model* serta mendapat kepercayaan dan penghormatan yang tinggi dalam masyarakat. Kajian mendapati 71% responden memahami ilmu agama melalui guru secara formal dan majoriti (79%) mereka memahami konsep guru mursyid dalam Islam. Selain itu, mereka juga mengakui guru mursyid melaksanakan pengajaran berlandaskan konsep pendidikan Rasulullah SAW dan kajian juga membuktikan sikap hormat dan kepercayaan terhadap guru mursyid amat tinggi walaupun terdapat di kalangan mereka pernah membuat kesalahan dan kesilapan.⁵¹

Penulisan tesis oleh Hayyun Bin Haji Nawawi bertajuk "*Metodologi Dakwah Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Kepada Pesalah Jenayah Syariah (USAT). Kajian Kes Di Daerah Melaka Tengah*" menetapkan metode

⁵⁰ Shiekh Abu Muhammad Tolha Al-Khairi, *Teladan Sepanjang Zaman Peribadi Nabi Anugerah Suci* (Selangor: Thinker's Library Sdn.Bhd,2009),53-54

⁵¹ Syarifah Hanifah Binti Syed Mohd Zain, "Konsep Guru Mursyid: Analisis Terhadap Kefahaman Masyarakat Melayu Di Kota Bharu Kelantan" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 162-247.

mencegah/menyekat dengan menjayakan lima bentuk program yang berbeza dalam usaha menangani permasalahan jenayah di Daerah Melaka Tengah. Program yang dijalankan iaitu:

1. Majlis taklimat mengenai maksiat yang melibatkan Pengarah Undang-undang syariah Melaka. Program dilaksanakan di sekolah-sekolah dan tempat-tempat yang berisiko tinggi kegiatan maksiat seperti di kilang dan Institut Pengajian Tinggi di Melaka.
2. Pengedaran risalah mengenai Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah dan dihantar ke jabatan-jabatan kerajaan, swasta, kilang-kilang, sekolah dan masjid.
3. Penerangan ringkas sebelum khutbah Jumaat iaitu imam akan membaca beberapa peruntukan Enakmen Jenayah Syariah Melaka.
4. Tajuk-tajuk khas mengenai enakmen yang menyatakan tentang maksiat dalam khutbah Jumaat bertujuan untuk memupuk kesedaran dan mengwar-warkan kepada masyarakat.
5. Program islah bertujuan untuk memulihkan kerohanian mereka dengan membuat tangkapan dan penahanan sementara pesalah, seterusnya dibuat pendakwaan dan dijatuhkan hukuman. Kursus bina diri diadakan dan JAIM mewujudkan Pusat Bimbingan dan Pemulihan.

Dalam kajian yang telah dilaksanakan dapat dirumuskan bahawa metodologi dakwah yang digunakan oleh JAIM dalam mencegah/menyekat golongan ‘USAT (golongan melakukan maksiat) telah mencapai dua matlamat besar iaitu untuk mencegah dan menyekat umat Islam berbuat maksiat dan mengislah iaitu membentuk pesalah ke arah kebaikan.⁵²

⁵² Hayyun Bin Haji Nawawi, ”Metodologi Dakwah Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Kepada Pesalah Jenayah Syariah (‘USAT).Kajian Kes Di Daerah Melaka Tengah” (tesis Sarjana,Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001), 36-137.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bermaksud pengetahuan tentang pelbagai cara kerja yang disesuaikan dengan objek studi ilmu-ilmu berkaitan. Metodik (metode-metode) itu merupakan jalan atau cara yang digunakan secara lebih mendalam.⁵³ Metodologi kajian adalah satu cara dan kaedah yang sistematik untuk memperoleh dan mengumpul data-data yang tepat dan bersesuaian berkaitan dengan tujuan kajian⁵⁴. Data merupakan segala bentuk maklumat yang dikumpulkan untuk tujuan dianalisis. Dalam penyelidikan sebahagian besar kekuatannya terletak pada kualiti faktanya.⁵⁵ Dalam menyempurnakan penulisan ini, kajian akan menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan proses pengumpulan maklumat dengan memilih dan menggunakan kaedah alat pengumpulan data yang bersesuaian dengan permasalahan kajian, strategi penyelidikan di samping jenis dan kewujudan sumber data.⁵⁶

a) Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan digunakan adalah untuk mengumpulkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Perpustakaan yang terlibat adalah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Awam Shah Alam dan Perpustakaan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Mengetahui dengan lebih mendalam tentang konsep komunikasi dakwah dan penggunaannya dalam penyampaian. Data-data diperolehi

⁵³ Fuad Hassan & Koentjaraningrat, *Beberapa Asas Metodologi Ilmiah*. c.2, (Jakarta: T.P,1976), 8

⁵⁴ S. Hadibroto, *Metode Research*. 5

⁵⁵ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor:Kamil & Shakir Sdn.Bhd, 2009), 67.

⁵⁶ Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan :Esei, Proposal,Tesis* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd,2005), 59.

daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal, dokumen, disertasi yang berkaitan dengan kajian.

b) Kajian Lapangan

Kajian lapangan iaitu membuat pemerhatian dan mencatat tingkah laku individu atau kumpulan subjek kajian dalam keadaan semula jadi.⁵⁷ Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan data-data secara terus daripada responden. Cara ini akan menghasilkan suatu persoalan terkini dan lebih menepati objektif kajian. Kajian lapangan boleh dibahagikan kepada dua kaedah iaitu:

i) Metode Temu bual

Temu bual iaitu interaksi antara penemu bual (interviewer) dengan yang ditemu bual (interviewee) secara lisan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan fakta yang berkaitan dengan kajian sebanyak mungkin daripada subjek kajian.⁵⁸ Temu bual akan dilakukan ke atas:

a) Pensyarah Pendidikan Islam

Pensyarah Pendidikan Islam sebagai subjek utama dalam kajian ini. Temu bual secara berstruktur dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan dan pelaksanaan komunikasi dakwah 16 orang pensyarah Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Kaedah temu bual telah dilakukan secara individu ke atas 16 orang pensyarah selama empat hari bertempat di Jabatan Pengajian Am dan sebanyak 25 soalan yang berkaitan dengan pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar telah diajukan.

⁵⁷ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua. Malaysia*, 155

⁵⁸ *Ibid*, 128

b) Pelajar

Temu bual tidak berstruktur dilakukan ke atas 5 orang pelajar yang mengikuti kelas Tamadun Islam untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut dari borang soal selidik yang berkaitan dengan perhubungan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar dari segi penerimaannya. Temu bual dilakukan sebaik sahaja pelajar telah selesai menjawab soalan soal selidik yang diedarkan. Pemilihan pelajar dibuat secara rawak.

ii) Metode Observasi berstruktur

Observasi berstruktur adalah pemerhatian yang dilakukan untuk membolehkan penyelidik mengumpul data berdasarkan tingkah laku yang diperhatikan bagi memahami secara lebih mendalam tentang perkara yang dikaji dan mencatat dapatan dalam borang pemerhatian.⁵⁹ Observasi memberi peluang kepada penyelidik melihat sendiri secara langsung dengan situasi yang dikajinya disamping menyokong dapatan soal selidik. Dalam kajian ini observasi akan dilakukan ke atas:

a) Pensyarah Pendidikan Islam

Maklumat kajian juga dikumpul melalui pemerhatian pelaksanaan dan perjalanan kelas pensyarah dan perjumpaan dengan pelajar secara tidak formal. Kaedah ini dapat membantu penyelidik mendapat maklumat yang lebih mendalam berdasarkan perkara sebenar tentang aplikasi komunikasi dakwah.

b) Pelajar

Pelajar yang sedang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran daripada pensyarah pendidikan Islam di dalam kelas dan tingkah laku atau perlakuan di luar kelas.

⁵⁹ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua. Malaysia* , 164

iii) Borang soal selidik

Dalam kajian ini, pengkaji menyediakan set soal selidik yang diedarkan kepada 240 orang pelajar yang menghadiri kelas Tamadun Islam. Tujuan soal selidik ini adalah untuk melihat tahap penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Jumlah 240 orang pelajar telah diambil secara rawak daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mengikuti kelas Tamadun Islam sesi Jun 2013 seramai 573 orang. Penentuan saiz sampel ini merujuk kepada pengiraan Krejcie dan Morgan (1970).⁶⁰ Jumlah keseluruhan pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz adalah seramai 4773 orang.

Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan yang melibatkan tujuh kelas di empat jabatan induk. Pelajar telah ditaklimatkan terlebih dahulu dan diberi masa 10 minit untuk menjawab. Setelah tamat masa menjawab, borang soal selidik terus dikutip untuk tujuan pemprosesan data.

Sementara itu sebanyak 30 orang pelajar pendidikan Islam di Politeknik Banting, Selangor telah dipilih sebagai peserta untuk kajian rintis terhadap soal selidik ini. Data-data hasil daripada kajian rintis ini kemudiannya diuji dengan analisis keesahan (Reliability Analysis) bagi memperolehi nilai Alpha Cronbach's. Hasil dapatan kajian didapati nilainya adalah 0.984 iaitu nilai yang tinggi. Oleh yang demikian, ini menunjukkan soalan soal selidik yang digunakan untuk kajian ini memiliki tahap keesahan yang tinggi.

⁶⁰ Chua Yan Piaw, *Kaedah Pemyelidikan*, ed. Ke-2, (Malaysia: McGraw-Hill Sdn.Bhd, 2011), .210-211

1.8.2. Analisis Data Analisis data adalah proses menghuraikan masalah kajian berasaskan persoalan kajian bagi menjelaskan objektif kajian yang telah disasarkan.⁶¹

Semua data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif.

i) Kaedah kualitatif

Analisis data dengan kaedah kualitatif akan dibuat hasil daripada dokumen ,temu bual dan observasi yang dijalankan dalam memahami pelaksanaan komunikasi dakwah dalam penyampaian pensyarah Pendidikan Islam dan hubungannya dengan respon pelajar. Pemikiran yang kritis diperlukan bagi melihat secara induktif dan deduktif data yang ada serta melakukan perbandingan (komparatif) antara data-data yang diperolehi bagi mendapatkan satu kesimpulan dalam memahami pelaksanaan kajian.

Temubual secara berstruktur yang dijalankan ke atas 16 orang pensyarah pendidikan Islam melibatkan 25 item yang perlu dijawab. Penganalisan secara menyeluruh akan dilakukan terhadap hasil jawapan daripada temubual yang dijalankan bagi mendapatkan pengesanan tentang pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar. Kaedah pengesanan dilaksanakan dengan mengumpul semua data temubual bersama pensyarah dan proses penaakulan perlu dilakukan semasa menganalisis jawapan-jawapan tersebut bagi mengesan bentuk pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Semasa proses ini, penyusunan data temubual dibuat bagi memetik aspek komunikasi pensyarah yang dipilih merujuk kepada soalan temubual berstruktur yang digunakan mengikut pembahagian yang telah ditetapkan. Proses pengambilan data ini berlaku secara manual sebelum diproses menggunakan perisian *Atlas.ti* iaitu merupakan satu

⁶¹ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, 94

perisian yang membolehkan data kualitatif diproses dalam bentuk kuantitatif. Perisian *Atlas.t7* ini digunakan bagi memproses data adalah untuk kemudahan dan penyusunan ketika menganalisis data.

ii) Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif juga digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam mendapatkan data kajian. Sebanyak 240 borang soal selidik diedarkan kepada pelajar yang mengikuti kelas Tamadun Islam di empat jabatan induk bagi sesi Jun 2013 yang telah dipilih secara rawak. Seterusnya 240 orang pelajar tersebut perlu menjawab 50 item tetap dalam borang soal selidik mengenai tahap penerimaan mereka terhadap komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam. Data soal selidik yang diperolehi adalah untuk mengenalpasti tahap penerimaan, bentuk dan halangan komunikasi dakwah di kalangan pelajar. Data yang telah dikumpulkan kemudian akan diproses dengan menggunakan *Statistic Package Survey System (SPSS.V 21)*.

1.9 KESIMPULAN

Diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak khususnya para pensyarah yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi dakwah yang berkesan merupakan komponen yang amat penting dalam penyampaian kerana Islam untuk didekati bukan dijauhi. Da'i yang sentiasa mengambil kira keadaan mad'u dalam proses penyampaian pasti akan mencapai objektif dalam usaha dakwahnya. Usaha dakwah sentiasa mencabar dengan keadaan masyarakat kini yang semakin jauh daripada roh Islam.

BAB KEDUA

KOMUNIKASI DAKWAH PENSYARAH TERHADAP PELAJAR

2.0 PENGENALAN

Komunikasi tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Komunikasi adalah penghidupan dan untuk berkomunikasi dengan berkesan, seseorang itu perlu memiliki kemahiran berkomunikasi. Keupayaan dalam berkomunikasi dapat membantu seseorang mencipta kecemerlangan dan meningkatkan potensi diri di samping memberi nilai tambah dalam kualiti kehidupan.¹ Menurut Jack G. McAuley, komunikasi manusia boleh berlaku dalam tiga tahap iaitu Tahap Intraperibadi iaitu manusia berkomunikasi dengan diri sendiri, Tahap Antara Peribadi bermaksud komunikasi yang melibatkan dua orang atau kumpulan kecil seperti berdialog dan Tahap Individu dengan Kumpulan iaitu apabila seseorang mengemukakan idea, perasaan dan maklumat tanpa gangguan kepada satu kumpulan yang lain.²


Menurut Mary Munter, komunikasi memerlukan strategi bagi memastikan setiap maklumat yang disampaikan memenuhi kehendak pendengar. Terdapat lima strategi komunikasi yang diaplikasikan oleh Munter iaitu strategi komunikator (communicator strategy), strategi penerima komunikasi atau pendengar (audience strategy), strategi maklumat yang disampaikan (message strategy) strategi pilihan saluran (channel choice strategy) dan strategi budaya (cultural context). Komunikasi juga menuntut seseorang komunikator menekankan aspek objektif komunikasi, gaya komunikasi dan kredibiliti

¹ Zukifli Yusof, *Sukarkah Komunikasi Anda? Seni Berhubung Dengan Orang Lain* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2000), 8-9.

² Jack G. McAuley, *Komunikasi Antara Manusia Ciri-ciri Penting Dalam Komunikasi Peribadi dan Komunikasi Awam*, terj. Mohd. Safar Hashim dan Fatimah Yusooof (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999), 11-12.

komunikator.³ Strategi komunikasi oleh Mary Munter dijelaskan melalui rajah di bawah:

Rajah 2.1: Strategi Komunikasi



Sumber: Mary Munter (2006)

Rajah 2.1 menunjukkan kitaran proses strategi komunikasi yang diaplikasikan oleh Munter iaitu melibatkan lima elemen utama iaitu pemberi (communicator) menyampaikan mesej kepada penerima (audience). Seterusnya mesej (message) yang difahami penerima akan dikembalikan kepada pemberi (response) dan proses ini berlaku melibatkan penggunaan saluran penyampaian mesej (channel choice) yang bersesuaian dan persekitaran yang membantu proses komunikasi (cultural context).⁴

Strategi komunikasi yang berkesan juga telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW sehingga mampu menarik minat orang kafir Quraish terhadap Islam. Rasulullah SAW sebagai komunikator yang sering membuatkan kaum musyrik terdiam, tenang dan mendengar dengan penuh perhatian meskipun sebenarnya mereka sering menentang

³ Mary Munter , *Guide To Managerial Communication. Effective Business Writing And Speaking – 7th. Edition.* (America:PEARSON Prentice Hall,2006) h. 1-2

⁴ *Ibid*, 2

dakwah Rasulullah SAW. Keperihatinan Rasulullah dalam memahami budaya sesebuah masyarakat dan menyampaikan dakwah mengikut jalan fikiran mad'u serta menggunakan intonasi yang dapat memberi kesan terhadap masyarakat menunjukkan Islam memiliki cara tersendiri dalam berkomunikasi.

Berdasarkan fakta dan peristiwa di atas, para pendakwah perlu melengkapkan diri dengan ilmu komunikasi supaya dakwah yang disampaikan memberi kesan dan membawa perubahan terhadap masyarakat yang mengalami kerosakan dan keruntuhan dari aspek akhlak dan moral. Dalam Islam proses komunikasi bermula sejak zaman Nabi Adam a.s lagi. Al-Quran dan As-Sunnah juga banyak membicarakan tentang komunikasi terutama dalam usaha berdakwah.

2.1 KONSEP KOMUNIKASI

2.1.1 Konsep Komunikasi Barat

Di Negara barat, bidang komunikasi berkembang pesat pada abad ke 20 iaitu selepas Perang Dunia Kedua dan menjadi bidang pengajian penting. Pada peringkat awal, komunikasi tertumpu kepada perkembangan rangkaian televisyen, telefon, satelit, perkembangan komputer dan politik dunia. Perkembangan ini memberi inspirasi kepada para penyelidik Amerika dan Eropah untuk mengkaji tentang psikologi sosial berkaitan kesan komunikasi daripada pelbagai bentuk kepada kanak-kanak dan masyarakat.⁵

Menurut Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II, komunikasi merupakan proses perhubungan antara manusia yang melibatkan perkongsian idea, maklumat dan perasaan. Komunikasi bukan sekadar percakapan dan penulisan malah segala perkara

⁵ Saodah Wok, Narimah Ismail dan Mohd. Yusof Hussain , *Teori-Teori Komunikasi*, cet. Ke-2, (Selangor:PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd,2005), 23-25

yang memberi makna terhadap maklumat yang hendak disampaikan seperti bahasa badan, gaya dan tingkah laku seseorang. Semua manusia perlu kepada komunikasi untuk menjalinkan perhubungan, memaklumkan sesuatu, perkongsian idea dan mengetahui sesuatu. Kajian yang telah dibuat oleh Diamond, mendapati lebih 1000 fakulti dari pelbagai bidang bersetuju bahawa asas kemahiran dan kelayakan yang perlu dimiliki oleh mahasiswa adalah kemahiran komunikasi, kemahiran interpersonal, bekerja secara berkumpulan dan mampu mengetuainya dan mampu menerima pembaharuan dan perubahan. Komunikasi berkesan mampu memberi perubahan pada diri seseorang ke arah yang lebih baik da'i segi pemikiran dan kehidupan. ⁶

Menurut pandangan sarjana-sarjana komunikasi barat, komunikasi secara umum merupakan proses untuk menyampaikan maklumat, memberi kesan dan pertukaran idea serta pandangan sesama manusia.⁷ Menurut kajian Robbin dan De Cenzo, komunikasi adalah proses perpindahan maklumat komunikator kepada audien dan segala informasi itu dapat difahami dengan jelas. Menurut mereka lagi, komunikasi berlaku dalam pelbagai bentuk iaitu melalui tulisan, bahasa isyarat, bahasa badan, gambar dan idea.⁸ Menurut D.Lawrence Kincaid dan Wilbur Schramm, komunikasi adalah 'penggunaan bersama' bermaksud dua orang atau berkumpulan membuat perkongsian idea, perasaan dan tindakan. Proses ini menuntut mereka memerlukan antara satu sama lain. Suasana sekeliling mempengaruhi bentuk komunikasi yang berbeza dan komunikasi tidak terbatas antara manusia sahaja malah boleh berlaku dalam semua perkara yang memerlukan interaksi bersama.⁹ Selain itu, Craig mengatakan bahawa komunikasi merupakan proses menghantar dan menerima maklumat dan proses ini berlaku

⁶ Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II, *Communicating Effectively*, ed. Ke-7 (New York, 2004), 7-9.

⁷ Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd. Yusof Hussain, 6-7

⁸ Zainuddin zakaria & Zaiadatul Hidayah Zakaria, *Komunikasi Efektif* (Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd, 2006), 3.

⁹ D.Lawrence Kincaid & Wilbur Schramm, *Asas-Asas Komunikasi Antara Manusia*, terj.' Ronny Adhikarya (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1976), 3-5.

sekurang-kurangnya melibatkan dua orang secara berterusan seterusnya memberi kesan antara satu sama lain.¹⁰

2.1.2 Konsep Komunikasi Islam

Komunikasi dakwah atau komunikasi Islam merupakan komunikasi yang memiliki nilai kebenaran, bermatlamat, prinsip, media, kaedah dan mesej yang bertujuan mengajak manusia ke arah kebaikan kehidupan dunia dan akhirat serta berpandukan kepada wahyu dan sunnah Rasulullah.¹¹ Dakwah adalah proses pembangunan dan penyampaian maklumat kepada masyarakat melalui kaedah yang bersesuaian untuk membentuk, membimbing, menerapkan nilai-nilai murni. Proses dakwah dan hubungannya dengan komunikasi adalah perkaitan yang membawa kepada keberkesanan dalam mesej yang disampaikan. Komunikasi berlaku dalam pelbagai bentuk iaitu sehala, dua hala atau pelbagai hala. Dalam zaman globalisasi ini, teknologi komunikasi yang semakin hebat dapat membantu masyarakat dalam penerimaan maklumat yang pantas dan tuntas.¹² Komunikasi dalam Islam suatu proses penyampaian dan pertukaran maklumat dengan menggunakan prinsip dan kaedah yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith. Sejarah dakwah Rasulullah SWT juga menekankan prinsip komunikasi yang bersesuaian dengan perkembangan masyarakat dari semasa ke semasa. Baginda menggunakan komunikasi secara hikmah kepada masyarakat yang telah terdidik dengan amalan-amalan nenek moyang mereka. Baginda mendidik masyarakat dengan akhlak yang dimiliki (*qudwah hasanah*).¹³ Prinsip komunikasi Islam di dalam al-Quran berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 263 Allah SWT meletakkan nilai

¹⁰ Owen Hargie dan David Dickson, *Skill Interpersonal Communication-Research, Theory and Practic*, ed. Ke-4 (New York: Routledge Taylor & Francis Group,2004), 1-5.

¹¹ Ghazali Sulaiman, „*Komunikasi Islam* ,” dalam *Islam dan Komunikasi* ,ed. S.Salahudin Suyurno et al (Shah Alam : Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara,2007), 1-2.

¹² Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat, Ideris Endot, *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*.(Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,1998),141

¹³ Roziyah Sidik, *Genius Muhammad Bin Abdullah* (Pahang:PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd,2004), 151-152

kebaikan kepada manusia yang sentiasa mengucapkan sesuatu yang baik dan berfaedah
ayatnya iaitu

﴿ قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ يَتَّبِعُهَا أَذَىٰ ۗ وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴾


Surah al-Baqarah 2 : 263

Terjemahan: (Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan memaafkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati. dan (ingatlah), Allah Maha Kaya, lagi Maha Penyabar.

2.1.3 Elemen Komunikasi Barat

Proses komunikasi memerlukan beberapa unsur atau elemen merupakan perkara-perkara yang membantu proses komunikasi¹⁴ dan semua elemen ini bertindak antara satu sama lain bagi memastikan segala yang diharapkan dalam berkomunikasi mencapai matlamatnya. Menurut Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II, proses komunikasi melibatkan enam elemen penting iaitu pemberi dan penerima mesej, mesej, saluran, maklum balas, halangan dan persekitaran. Gambar rajah di bawah menunjukkan perkaitan antara elemen-elemen tersebut dalam proses komunikasi.¹⁵

Rajah 2.2: Elemen Komunikasi



Sumber: Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II (2004), *Communicating Effectively*- 7th Edition. New York

¹⁴ Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd. Yusof Hussain, *Teori-Teori Komunikasi*, 10.

¹⁵ Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II, *Communicating Effectively*, 9

i. Penghantar dan Penerima (Sender - Receiver)

Elemen komunikasi yang utama ialah komunikator iaitu penghantar dan penerima maklumat. Kedua-dua elemen ini merupakan tempat permulaan proses komunikasi. Penerima terdiri daripada individu, kumpulan atau orang ramai yang menjadi sasaran mesej.¹⁶ Proses komunikasi juga boleh berlaku secara dua hala iaitu pemberi maklumat akan bertindak sebagai penerima maklumat dalam masa yang sama dan sebaliknya.¹⁷

ii. Mesej dan Maklum balas (Message – Feedback)

Menurut D. Lawrence Kincaid dan Wilbur Schramm, mesej merupakan tanda atau symbol yang dihasilkan oleh seseorang dengan menggunakan saluran tertentu bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud kepada orang lain.¹⁸ Mesej terhasil daripada perkongsian idea dan perasaan pemberi dan penerima maklumat. Mesej terdiri daripada simbol yang verbal dan simbol bukan verbal. Simbol verbal seperti idea atau benda dan simbol bukan verbal digambarkan melalui memek muka, intonasi suara, kedudukan tubuh badan dan pengalaman.¹⁹ Abdullah Hassan mengatakan, mesej terdiri daripada dua bentuk iaitu secara lisan dan bukan lisan. Mesej lisan iaitu maklumat yang disampaikan dengan menggunakan medium bahasa pertuturan manakala mesej bukan lisan maklumat disampaikan tanpa menggunakan pertuturan.²⁰

Komunikasi yang efektif dapat menyampaikan mesej dengan baik dan menerima maklum balas yang positif. Maklum balas iaitu respon yang diperolehi daripada

¹⁶ Saodah Wok, Narimah Ismail dan Mohd. Yusof Hussain, *Teori-Teori Komunikasi*, 10.

¹⁷ Hybels dan Richard L. Weaver II, *Communicating Effectively*, 9.


¹⁸ D. Lawrence Kincaid & Wilbur Schramm, *Asas-Asas Komunikasi Antara Manusia*, terj. Ronny Adhikarya, 177

¹⁹ *Ibid.*, 9-10

²⁰ Abdullah Hassan Ainon Mohd, *Komunikasi Untuk Pemimpin* (Pahang: PTS PROFESSIONAL Publishing Sd. Bhd, 2005), 47-48.

penerima terhadap sumber. Maklum balas juga berlaku dalam bentuk verbal (bersuara) dan tidak verbal (tidak bersuara).²¹ Komunikasi merupakan perkongsian idea dan perasaan serta bertujuan. Oleh yang demikian, maklum balas terhadap mesej yang diberi membuktikan proses komunikasi sedang berlaku.²² Menurut D.Lawrence Kincaid & Wilbur Schramm, maklum balas menentukan sama ada mesej yang disampaikan difahami atau sebaliknya. Maklum balas yang diperolehi, memberi peluang kepada komunikator untuk menukar haluan mesej dan saluran dalam bentuk yang berlainan dengan persetujuan bersama agar lebih difahami dan memenuhi keperluan komunikasi.²³ Model maklum balas komunikasi oleh D.Lawrence Kincaid & Wilbur Schramm dijelaskan melalui gambar rajah di bawah,

Rajah 2.3: Model Maklum Balas Komunikasi



Sumber: D.Lawrence Kincaid & Wilbur Schramm (1976),

Gambar rajah 2.3 menunjukkan model maklum balas komunikasi yang melibatkan komunikasi dua hala dan berlaku proses enkod dan dekod. Enkod iaitu perkataan tertentu yang digunakan oleh penghantar mesej untuk menyampaikan maksud dan

²¹ Saodah dan Mohd, Narimah Ismail. Yusof Hussain, *Teori-Teori Komunikasi*, 11.

²² Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II, *Communicating Effectively*, 11

²³ D.Lawrence Kincaid & Wilbur Schramm *Asas-Asas Komunikasi Antara Manusia*, terj. Ronny Adhikarya, 185

penerima mesej akan membuat interpretasi terhadap maklumat yang diterima. Seterusnya penerima mesej akan mengenkod mesej baru dan memberi maklum balas kepada penghantar mesej. Penghantar mesej akan bertindak sebagai penerima mesej baru dan mendekod maklumat yang diberikan dan proses seterusnya adalah sama. Komunikasi dua hala ini menjadikan mesej adalah subjek penting untuk difikirkan bersama (penghantar dan penerima) dan mewujudkan suasana komunikasi lebih aktif. Gambaran ini juga menunjukkan komunikasi tidak sekadar menyebarkan maklumat tetapi merupakan proses penggunaan mesej bersama-sama.²⁴

iii. Saluran (Channel)

Saluran atau medium yang digunakan sepanjang proses komunikasi adalah penting bagi memastikan mesej yang disampaikan lebih efektif. Penggunaan jenis saluran komunikasi yang pelbagai bergantung kepada situasi. Contohnya, televisyen, telefon, internet, VCD semua bentuk media masa manakala komunikasi bersemuka iaitu suara, telinga, mata dan deria sentuh.²⁵ Saluran komunikasi iaitu segala cara yang digunakan untuk menyampaikan maksud mesej yang dibawa oleh komunikator (penghantar dan penerima).²⁶ Mesej yang hendak disampaikan oleh komunikator perlu menggunakan saluran komunikasi yang mampu difahami bersama-sama. Menurut pakar-pakar komunikasi, proses komunikasi yang berkualiti tinggi adalah komunikasi yang dapat dilakukan berdasarkan semangat bersama-sama dan mewujudkan kepercayaan antara satu-sama lain.²⁷

²⁴ *Ibid.*, 188

²⁵ Abdullah Hassan dan Aion Mohd, *Komunikasi Untuk Pemimpin*, 48.

²⁶ Abdullah Hassan dan Aion Mohd, *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari* (.Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd, 2000), 2.

²⁷ Abdullah Hassan dan Aion Mohd., *Seni Bercakap-cakap & Berbual-bual*, (Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributots Sdn. Bhd, 2001), 29-31.

iv. Gangguan (Noise)

Segala perkara yang menghalang proses komunikasi sama ada berbentuk dalaman, luaran mahupun semantik. Gangguan berbentuk dalaman iaitu gagal memberi fokus dan memikirkan perkara lain ketika proses komunikasi berlaku manakala gangguan luaran melibatkan keadaan persekitaran seperti kebisingan, suasana yang tidak kondusif. Gangguan semantik terhasil melalui reaksi emosi terhadap penggunaan bahasa yang melahirkan perasaan sedih, marah atau gembira.²⁸ Gangguan merupakan penghalang untuk memahami mesej yang hendak disampaikan oleh komunikator (penghantar dan penerima)²⁹

v. Persekitaran (Setting)

Suasana tempat komunikasi berlaku mempengaruhi proses komunikasi. Keadaan tempat seperti suasana bilik, cahaya, warna semuanya meninggalkan kesan kepada komunikasi.³⁰ Bentuk komunikasi akan berubah mengikut situasi sama ada komunikasi itu berlaku secara formal atau tidak formal dan semuanya melibatkan kaedah penyampaian yang berbeza bagi menjamin keberkesanan mesej yang hendak disampaikan.³¹

2.1.2 Elemen Komunikasi Islam

Komunikasi dalam Islam merupakan proses untuk menyampaikan maklumat melalui pendekatan *habluminallah*, *hablulminannas* dan *muhasabah*. Proses ini juga adalah interaksi sosial bagi mewujudkan jalinan silaturahim dan mengandungi hikmah . Oleh

²⁸ Saodah & Mohd Wok, Narimah Ismail. Yusof Hussain, *Teori-Teori Komunikasi*, 11-12.

²⁹ Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II, *Communicating Effectively*, 11.

³⁰ *Ibid.*, 12.

³¹ *Ibid.*, 12.

yang demikian, dakwah berperanan sebagai alat interaksi sosial yang bertanggungjawab untuk merangsang orang lain untuk menjalinkan hubungan yang baik.³²

i. Punca atau sumber maklumat

Punca atau sumber maklumat merupakan perkara asas dalam proses komunikasi. Ketepatan, kesahihan dan kebenarannya memberi kesan yang besar kepada orang lain.³³ Komunikator perlu memelihara kebenaran maklumat yang digunakan dan maklumat yang diterima supaya tidak menimbulkan masalah gangguan komunikasi.³⁴

ii. Mesej

Mesej yang hendak disampaikan perlu memenuhi syariat Islam iaitu mengajak manusia ke arah kebaikan, amar makruf nahi mungkar, berpesan-pesan kepada kebaikan dan nasihat yang baik.³⁵ Pendakwah perlu memperkatakan tentang ganjaran kebaikan ini berkali-kali untuk menimbulkan perasaan minat, berkeinginan dan berkehendak dalam diri sasaran. Metode ini mampu menyuburkan dan meningkatkan kesedaran tentang kewajipan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.³⁶

iii. Sasaran

Komunikasi Islam mensasarkan orang yang lebih hampir dengan komunikator dalam proses penyampaian maklumat.³⁷ Kelompok sasaran yang hampir ini adalah mereka yang sering berhubung dengan komunikator dalam urusan harian.³⁸

³² Lokman Ab. Rahman (1997), *Pengurusan Islam :Etika, Komunikasi dan Motivasi* (Melaka:Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), 1997), 31-32.

³³ *Ibid*, 33.

³⁴ Ghazali Sulaiman, “Komunikasi Islam” dalam *Islam dan Komunikasi*, ed. S.Salahudin Suyurno et al, 6

³⁵ *Ibid*.

³⁶ Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1996), 33

³⁷ Lokman Ab. Rahman, *Pengurusan Islam :Etika, Komunikasi dan Motivasi*, 40

³⁸ Ghazali Sulaiman, “Komunikasi Islam” dalam *Islam dan Komunikasi* , ed. S.Salahudin Suyurno et al, 7

iv. Maklum balas

Maklum balas merupakan reaksi hasil daripada proses komunikasi.³⁹ Proses ini merupakan tahap yang amat penting dalam komunikasi kerana dapat mengetahui sejauh mana maklumat dapat difahami untuk tindakan seterusnya. Segala maklumat yang diperoleh perlu dikumpulkan berasaskan fakta sebelum bertindak. Interaksi sosial ini dapat mendekatkan diri komunikator dengan sasaran.⁴⁰

2.1.4 Prinsip Komunikasi

Prinsip merupakan suatu kebenaran atau ajaran yang digunakan sebagai dasar pemikiran atau panduan untuk bertindak.⁴¹ Dalam usaha memastikan proses komunikasi mencapai matlamatnya, komunikasi Islam mahupun komunikasi Barat meletakkan beberapa prinsip yang perlu dipatuhi. Prinsip komunikasi Barat bertunjangkan lima prinsip utama iaitu kesedaran (aware), mesej lisan (verbal) dan bukan lisan (nonverbal), mendengar dan maklum balas (listen and respons) dan penyesuaian (adapt).⁴² Prinsip komunikasi Islam yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat adalah bersandarkan komunikasi yang dijelaskan dalam al-Quran. Prof. H. Abu Bakar mengatakan komunikasi Islam adalah komunikasi dakwah iaitu seruan kepada manusia supaya beriman kepada Allah. Prinsip-prinsip komunikasi Islam iaitu benar, bercakap dengan lemah-lembut, menggunakan perkataan yang baik, menggunakan hikmah dan nasihat yang baik, menyesuaikan bahasa dan isi percakapan dengan tahap kecerdasan akal, berbahas dengan baik, menyebut perkara penting berulang kali dan mengotakan apa yang dikatakan.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Lokman Ab. Rahman, *Pengurusan Islam :Etika, Komunikasi dan Motivasi*, 41.

⁴¹ Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, ed. Ke-4 (Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2008), 138, entri "prinsip".

⁴² Steven A.Beebe Susan J.Beebe dan Diana K.Ivy, *Communication Principles For A Lifetime*, ed. Ke-3 rev. (Amerika:Person Education,Inc. ,2007), 17-18.

i. Prinsip Komunikasi Barat

Menurut Barat, semua perkara yang merentasi kehidupan manusia adalah komunikasi. Persefahaman dalam berkomunikasi akan menghasilkan kejayaan terhadap matlamat dan tujuan sesuatu komunikasi yang berlaku. Barat juga meletakkan beberapa prinsip tertentu dalam berkomunikasi.

Kesedaran bahawa komunikasi adalah dengan diri sendiri dan orang lain

Komunikasi menuntut hadirnya perasaan dan penghargaan di antara komunikator (sender & receiver) sepanjang proses komunikasi berlaku. Komunikasi yang berkesan melibatkan pemikiran, perasaan dan persepsi tentang diri sendiri dan orang lain. Oleh yang demikian, komunikator yang dapat memberi fokus yang sepenuhnya terhadap mesej yang disampaikan, mampu memberi maklum balas yang baik.⁴³ Penghantar mesej perlu mentafsir maklumat dengan lebih kreatif supaya lebih mudah difahami serta mengambil kira tahap pemahaman penerima (audience) dan elakkan memberi maklum balas berdasarkan kebiasaan diri tetapi perlu mengikut rentak penerima.⁴⁴

Berkesan untuk menjelaskan mesej secara lisan (verbal)

Mesej secara verbal melibatkan bahasa, perkataan dan bunyi yang meliputi idea dan benda. Semua mesej yang diterima secara verbal ini perlu ditafsir dengan penuh berhati-hati setelah membuat pengamatan yang tinggi supaya tidak menyimpang daripada maksud yang sebenar serta dapat difahami antara satu sama lain. Penggunaan perkataan yang bersesuaian memberi pengaruh yang besar dalam mencapai matlamat komunikasi.⁴⁵

⁴³ *Ibid.*, 19.

⁴⁴ D. Lawrence Kincaid dan Wilbur Schramm, *Asas-asas Komunikasi*, 16

⁴⁵ Steven A. Beebe Susan J. Beebe dan Diana K. Ivy, *Communication Principles For A Lifetime*, 19

Berkesan untuk menjelaskan mesej tanpa lisan (nonverbal)

Mesej tanpa lisan terbentuk melalui nada suara, memek muka, kedudukan tubuh badan dan hubungan mata. Oleh yang demikian, mesej tanpa lisan perlu diberi perhatian yang teliti supaya lebih mudah difahami kerana ia bersifat sangat luas dan perpindahan maklumat berlaku tanpa menggunakan perkataan.⁴⁶

Mendengar dan memberi respon dengan baik

Komunikasi merupakan proses perpindahan maklumat. Penghantar dan penerima maklumat akan memberi ekspresi dan maklum balas secara serentak terhadap mesej yang diperolehi. Dalam menjayakan proses komunikasi, kedua-dua komunikator perlu memberi fokus dan mendengar dengan teliti kandungan mesej yang disampaikan dan seterusnya maklum balas yang diberikan perlu mengambil kira perasaan dan sentiviti antara satu sama lain.⁴⁷

Membuat penyesuaian mesej antara komunikator

Mesej yang diterima perlu diformatkan semula bersesuaian dengan audien sebelum memberi maklum balas. Perkara ini penting kerana dapat meningkatkan tahap pemahaman audien dan proses komunikasi akan mencapai matlamatnya. Komunikasi tidak akan berlaku sekiranya mesej yang disampaikan gagal untuk difahami.⁴⁸

Komunikasi adalah proses yang bersifat memilih (selektif) terhadap semua perkara yang menyumbang kepada proses komunikasi itu sendiri khususnya maklumat yang digunakan secara bersama.⁴⁹

⁴⁶ Stewart L. Tubbs, *Human Communication: Principal And Contexts*, ed. Ke-10 (New York: Mc Graw . Hill, 2006), 13-14.

⁴⁷ Steven A. Beebe Susan J. Beebe dan Diana K. Ivy, *Communication Principles*, 21.

⁴⁸ *Ibid.*, 21

⁴⁹ D. Lawrence Kincaid dan Wilbur Schramm, *Asas-asas Komunikasi*, 17

ii. Prinsip Komunikasi Islam

Islam adalah agama yang *syumul* dan lengkap dengan peraturan demi menjamin keharmonian umatnya malah dalam berkomunikasi, Islam menetapkan beberapa prinsip yang perlu dipatuhi agar memperoleh kebaikan dan terhindar daripada permusuhan.

Prinsip komunikasi yang digariskan dalam Islam adalah:-

Kebenaran

Prinsip kebenaran iaitu sesuai dengan kriteria al-Quran, as-Sunnah dan ilmu. Islam melarang manusia berdiskusi tanpa merujuk kepada bukti dan bahan bacaan. Al-Quran menegaskan, mengatakan kebenaran merupakan pra-syarat untuk membangunkan masyarakat.⁵⁰ Dalam usaha membawa kebenaran, Islam melarang hambanya daripada memperkatakan sesuatu yang sia-sia. Mendingkan diri adalah lebih baik daripada memperkatakan sesuatu yang mendatangkan dosa dan ghibah.⁵¹ Menghindarkan sesuatu perkara yang tidak relevan adalah kunci kesempurnaan dalam berdakwah kerana Allah meninggikan darjat bagi mereka yang tidak memperkatakan perkara yang tidak berfaedah.⁵² Firman Allah dalam surah al-Mukminun ayat 1-4

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ
اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾

Al-Mu'minun 17:1-4

Terjemahan: Sesungguhnya berjayalah orang-orang Yang beriman, Iaitu mereka Yang khusyuk Dalam sembahyangnya; . dan mereka Yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan Yang sia-sia; dan mereka Yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu);

⁵⁰ S.Salahudin Suyurno, Mohd Yadman Sarwan & Aini Faedah Ramlan , “ Prinsip Dan Etika Islam Dalam Komunikasi ” dalam *Islam dan Komunikasi*, ed. S.Salahudin Suyurno (Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2007), 56-57.

⁵¹ H.M.Tuah Iskandar, *Mengislamisasikan Komunikasi Warta*, Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur, 1997), 77.

⁵² Dr.Muhamad Al-Ghazaliy/Ir.Achmad Norerz, *Risalah Bandung*, (Bandung, 1985)

Menurut Imam Al-Ghazali lisan adalah halangan kepada perkara kebaikan yang hendak dilakukan. Berlebih-lebih dalam percakapan adalah memperkatakan sesuatu yang tidak berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah dan tidak bertujuan untuk *amar makruf nahi mungkar*.⁵³ Rasulullah SAW berdakwah dengan menggunakan *jawami 'ul kalim* iaitu kata-kata yang ringkas namun padat dengan isi, tidak berlebih atau kurang agar mudah terkesan dalam jiwa sasaran.⁵⁴ Menurut H.M.Tuah Iskandar, menyampaikan maklumat-maklumat dengan tepat, padat dan ringkas serta tidak dikuasai dengan emosi dan pendapat peribadi. Semua tindakan mestilah bersandarkan niat semata-mata kerana Allah, menguntungkan agama, masyarakat dan Negara. Kesilapan para pendakwah dalam menyampaikan fakta sepanjang proses penyampaian dakwah mampu merosakkan ramai masyarakat dan akidahnya.⁵⁵

Mengotakan perkara yang diperkatakan

Pendakwah perlu menjadi role model kepada sasaran dengan mempersiapkan diri dengan asas yang kukuh dalam kandungan penyampaian dakwah sebagai usaha untuk memberikan pemikiran dan pandangan semasa bagi sesuatu isu. Pendakwah perlu melakukan terlebih dahulu perkara yang diperkatakan sebelum menyampaikan kepada orang lain. Etika ini amat penting dalam membangkitkan semangat dan keinginan sasaran dalam menerima dakwah yang dibawa.⁵⁶ Menurut Abdullah Ibnu Abbas berfikir sebelum bertindak dalam perkara-perkara kebaikan akan memperolehi ganjaran pahala maksudnya pendakwah perlu melihat kemampuan diri dalam mengaplikasikan segala perkara yang diperkatakan.

⁵³ Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin & Al-Qasimi Ad-Dimasqi/Penel Penterjemah, *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali* (Selangor: Illusion Network, 2007), 653

⁵⁴ *Ibid.*, 576

⁵⁵ H.M.Tuah Iskandar, *Mengislamisasikan Komunikasi Warta*, 120

⁵⁶ Shaikh mohd Saifuddin Shaikh Mohd Salleh, *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi* (Kuala Lumpur, :Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000), 84

Gaya bahasa yang indah

Penggunaan gaya bahasa yang indah dan menarik mampu menarik minat sasaran menerima sesuatu dakwah. Kebijaksanaan pendakwah dalam menggunakan gaya bahasa dapat mendekatkan masyarakat kepada perubahan daripada faktor-faktor keruntuhan. Penggunaan bahasa yang kesat boleh merosakkan imej Islam di mata masyarakat. Pendakwah juga perlu menjauhi hujah yang beremosi dan bahasa yang kaku serta mempelbagaikan bentuk gaya bahasa mengikut kumpulan sasaran yang berbeza. Gaya bahasa yang indah atau *mau'izah hasanah* mampu mewujudkan ukhuwah antara da'i dan mad'u disamping mampu mengubah sikap masyarakat ke arah kebaikan.⁵⁷ Nabi SAW telah bersada:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، قَالَ:
حَدَّثَنِي أَبُو التَّيَّاحِ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:
يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا، وَبَشِّرُوا، وَلَا تُنْفِرُوا

Telah diceritakan kepada kami Muhammad Ibnu Bashar, berkata telah dikabarkan kepada kami Yahya Ibnu Said berkata dan diceritakan kepada kami Shua'ibah katanya telah dikhabarkan kepadaku Abu Attayyah daripada Anas Ibnu Malik: Sabda Rasulullah sallallah 'alaihi wa sallam: Permudahkan dan jangan menyusahkan dan khabarkan berita gembira dan janganlah menakut-nakutkan.⁵⁸

Kekerasan dan kelembutan

Seterusnya para pendakwah perlu bijak menggunakan prinsip kekerasan dan kelembutan dalam penyampaian. Kesilapan dalam menggunakan dua unsur penting ini menyebabkan usaha dakwah sukar mencapai objektifnya. Menggunakan kekerasan yang tidak bersesuaian pada tempat dan waktunya kadang-kala menyebabkan sasaran terus melakukan kejahatan dan mempertahankan kesilapan. Kelembutan dalam berdakwah dapat membuka hati sasaran untuk berubah dan membuat kebaikan. Allah pernah

⁵⁷ Akmal Hj. Mhd.Zain , *Bimbingan Berdakwah Pendekatan Yang Berkesan Di Alaf Baru* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2001), 34-35.

⁵⁸ Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab Sohih al-Bukhari, Bab Makan Nabi sallallah 'alaihi wa' sallam, no hadith 69.

memerintahkan Nabi Musa dan Nabi Harun supaya berbicara dengan lemah-lembut ketika berhadapan dengan Firun.⁵⁹ Firman Allah dalam Surah Taha ayat 43-44

﴿ ٤٣ ﴾ أَذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿ ٤٤ ﴾ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لِّعَلَّهِ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Taha 16: 43-44

Terjemahan: "Pergilah kamu berdua kepada Firaun, Sesungguhnya ia telah melampaui batas Dalam kekufurannya. "Kemudian hendaklah kamu berkata kepadaNya, Dengan kata-kata Yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".

Menurut Hassan Al-Bana komunikasi dengan lemah-lembut dan tidak memanjangkan perbicaraan dalam masa yang singkat merupakan unsur dakwah yang berkesan.⁶⁰ Manusia dijadikan dengan tabiat yang cenderung kepada kebesaran dan kemuliaan serta banyak terikat dengan adat kebiasaan. Oleh yang demikian untuk mengajak manusia ke arah kebaikan perlu menggunakan perkataan yang lemah-lembut.⁶¹ Pendakwah juga perlu bertutur kata yang lemah-lembut kerana ia mampu merangsang, mempermudah dan menanam kesukaan sasaran kepada penyampaian.⁶²

2.2 PERBANDINGAN ANTARA KOMUNIKASI ISLAM DAN KOMUNIKASI BARAT

Komunikasi adalah alat penggerak manusia dalam sesebuah komuniti. Manusia yang memiliki kemahiran berkomunikasi menjadi nilai tambah untuk memajukan diri. Segala prinsip dalam komunikasi memberi kesan kepada pencapaian matlamat komunikasi, saluran yang digunakan memberi kesan kepada mesej yang disampaikan dan persekitaran memberi kesan kepada saluran yang digunakan malahan persekitaran yang sesuai dengan situasi akan menghasilkan komunikasi yang baik. Oleh yang demikian,

⁵⁹ Ibnu Qasim dan Abu M.Baqir, *Bagaimana Menyuru Kepada Islam*, terj. Al-Ustadh Fathi Yakan (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1987), 53-56

⁶⁰ Hasan Al-Bana, *Detik-detik Hidupku*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1990), 119

⁶¹ Dato'wan Hussein Azmi, (1988), *Panduan Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka:1988), 72

⁶² Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqh Dakwah*, Pajang Solo: Era Intermedia, 2008), 92

komunikasi Islam mahupun komunikasi barat hakikatnya mempunyai persamaan dari sudut pentakrifannya namun berbeza melalui sumber, komunikator, mesej, pendekatan dan matlamatnya.

Jadual 2.1 Perbandingan antara Komunikasi Islam dan Komunikasi Barat

Perkara	Komunikasi Islam (dakwah)	Komunikasi Barat
Sumber	Bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah	Semua perkara yang membawa kepada proses komunikasi
Komunikator	Para ulama dan semua individu muslim	Semua makhluk
Mesej	Mengikut syariat dan segala yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah	Semua perkara yang memerlukan interaksi dan komunikasi
Pendekatan	Selari dengan saranan dalam al-Quran iaitu dengan penuh hikmah dan kasih sayang	Semua perkara yang membawa kepada kejayaan komunikasi
Matlamat	Perubahan sikap dan tingkah laku ke arah yang lebih baik dan beramal soleh selari dengan al-Quran dan al-Sunnah	Mendapat dan berkongsi maklumat dan bagi mencapai matlamat komunikasi

Sumber: Drs. Toto Tasmara, Komunikasi Dakwah (1987),

Jadual 2.1 menjelaskan perbandingan antara komunikasi Islam dan komunikasi Barat dari lima aspek iaitu sumber, komunikator, mesej, pendekatan dan matlamat. Perbandingan ini merupakan inspirasi daripada sarjana komunikasi barat Harold D. Laswell yang meletakkan aspek who, says what, to whom, in what channel dan effect. Perbandingan yang terdapat dalam jadual 2.1 jelas menunjukkan komunikasi Islam bukan sekadar menitik beratkan pencapaian matlamat komunikasi malah kepentingan

memelihara adab berkomunikasi sejajar dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Sebaliknya, komunikasi Barat lebih memfokuskan kepada semua perkara yang membawa kejayaan proses komunikasi.

2.3 KONSEP DAKWAH

Dakwah merupakan usaha utama dalam membangunkan akhlak masyarakat dan mengangkat martabat ketamadunan Islam. Dalam suasana masyarakat kini yang semakin rapuh dari aspek pegangan agama, mengalami keruntuhan akhlak yang kritikal dan tercemar budaya dan sosialnya, menjadi cabaran yang besar kepada para pendakwah untuk memikirkan metode yang dapat memberi kesan dan membawa perubahan kepada masyarakat. Umat Islam mendapat rahmat daripada Allah SAW dengan diutus setiap kurun seorang yang mentajdidkan agama demi menegakkan kebenaran dan menentang kebatilan.⁶³ Sejarah telah membuktikan kehebatan dan kebijaksanaan Rasulullah dalam merencanakan misi dakwah di kalangan masyarakat jahiliah yang begitu kuat berpegang dengan kepercayaan penyembahan berhala, keberanian Jamaluddin al-Afghani bersama muridnya Syeikh Muhammad Abduh mencanangkan Islam di tengah-tengah peradaban barat, al-Syahid Hassan al-Bana yang memilih sasaran dakwahnya dalam kalangan buruh dan pekerja dan memasuki warung makanan dan Abu al-A'la al-Ma'ud'udi yang kecenderungan dakwahnya dengan mengislamkan orang Islam sendiri.⁶⁴ Usaha mujahid-mujahid dakwah ini perlu diteruskan demi memartabatkan syiar Islam di buka bumi. Setiap pendakwah perlu menyampaikan dakwah mereka dengan jelas dan terang tanpa sebarang helah untuk

⁶³ Mohd. Rumaizuddin Ghazali , *Panduan Berdakwah Kontemporari* (Pahang:PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd, 2003), 94

⁶⁴ Akmal Hj. Mhd.Zain , *Bimbingan Berdakwah Pendekatan Yang Berkesan Di Alaf Baru* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers,2001),16

menyembunyikan fakta atau kebenaran disebabkan perasaan takut menyinggung perasaan golongan-golongan tertentu.⁶⁵

2.3.1 Pengertian dakwah

Dakwah dari sudut bahasa bermaksud melebarkan pengetahuan tentang agama, memberi nasihat yang baik dan menyebarkan agama.⁶⁶ Dakwah bermaksud perjuangan suci untuk mengubah keadaan yang belum Islam kepada situasi yang mempunyai nilai-nilai Islam. Dakwah juga diertikan sebagai kegiatan menyeru dan membimbing serta meyakinkan secara baik dalam usaha mempengaruhi orang lain supaya menyedari, menghayati dan mengamalkan ajaran agama yang sebenar.⁶⁷ Menurut Kamus Dewan, dakwah ialah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan dan patuh kepada ajaran agama Islam dengan lebih sempurna.⁶⁸ Selain itu, dakwah juga bermaksud kegiatan penyebaran agama Islam serta ajarannya supaya berkembang pesat dan mengajak manusia mematuhi ajarannya dengan lebih sempurna.⁶⁹ Seruan iaitu menyeru manusia ke arah kebaikan (al-khayr) dan mentaati segala perintah Allah SWT.⁷⁰ Firman Allah SWT dalam surah Ali- Imran ayat 104

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Surah Ali 'Imran 3: 104

Terjemahannya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

⁶⁵ Wan Hussein Azmi, *Panduan Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 1

⁶⁶ *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, ed. Ke-4 (Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2008), 138, entri "dakwah".⁴⁸

⁶⁷ *Kamus Melayu Global*, ed. Ke-2 (Selangor: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd, 1997), 254 entri "dakwah."

⁶⁸ *Kamus Dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000), 263, entri "dakwah."

⁶⁹ *Kamus Bahasa Melayu*, (Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd, 2006), 651, entri "dakwah."

⁷⁰ Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali , *Dakwah Dan Cabaran De-Islamisasi Di Malaysia* (Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd, 2008), 2

Dakwah dari sudut istilah iaitu usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada satu tahap yang sesuai dengan tabiat semula jadi manusia seterusnya berusaha mengubah situasi manusia kepada lebih baik dalam pelbagai aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi. Selain itu, dakwah bererti usaha dan aktiviti yang dijalankan oleh da'i yang mengandungi mesej dengan menggunakan *uslub* tertentu melalui medium dakwah yang dapat memberi kesan kepada mad'u.⁷¹ Kegiatan dakwah merangkumi penerangan da'i terhadap permasalahan yang dihadapi oleh mad'u. Setiap permasalahan yang diselesaikan merupakan proses pendidikan dan pengajaran bagi mad'u untuk mengubah kehidupan berlandaskan kebenaran.⁷²

Antara tuntutan agama yang mesti dilaksanakan oleh setiap Muslim ialah dakwah. Menurut Ab. Aziz Mohd. Zin, dakwah merupakan keperluan bagi setiap manusia untuk mencapai kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dakwah bermaksud meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru, dan melaung. Dakwah adalah satu program (*barnamij*) yang lengkap, yang kesemua peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap pertunjuk jalan kepada mereka.⁷³ Selain itu, Karim Zaidan mendefinisikan dakwah sebagai satu usaha untuk menyeru manusia ke jalan Allah sehingga mereka memperolehi pertunjuk dalam melaksanakan perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya seterusnya mendapat ganjaran pahala di atas kebaikan yang mereka lakukan. Malahan, usaha dakwah adalah untuk menghalang segala bentuk kemungkaran daripada berterusan.⁷⁴ Tokoh pemikir dakwah terkenal, Muhamad Abd Al-Wahab meletakkan dakwah sebagai

⁷¹ Ab Aziz Mohd Zin et al. , *Dakwah Islam Di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya,2006), 1-2

⁷² Akmal Hj. Mhd.Zain , *Bimbingan Berdakwah Pendekatan Yang Berkesan Di Alaf Baru* , 1-3

⁷³ Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya), (1997),1-2

⁷⁴ Dr'Abdul Kareem Zaidan , *Usul Dakwah* (Baghdad: Maktabah al-Qudsi, 1992), 307-310

satu gerakan bertujuan untuk mengislah masyarakat kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dengan menggunakan metode dakwah secara hikmah, nasihat yang baik dan berbasah seperti mana yang disarankan dalam al-Quran.⁷⁵ Menurut Muhammad al-Ghazali dakwah bukan sekadar mengajak dan menyeru manusia untuk mentaati Allah SWT, malah lebih penting mengetahui bagaimana sesuatu dakwah itu diaplikasikan. Sehubungan itu, dakwah perlu kepada metode, teknik dan pendekatan yang mampu mempengaruhi sesuatu situasi.⁷⁶ Secara umumnya tokoh-tokoh ilmuan berpendapat dakwah ialah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan untuk mengajak manusia melaksanakan dan memahami ajaran Islam dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah.⁷⁷ Firman Allah dalam al-Quran yang menjelaskan tentang maksud dakwah. Ayatnya seperti berikut:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِّلْهُمْ بِأَتْيٰى هِىَ أَحْسَنُ
 إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Surah al-Nahl 14 : 125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbasahlah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Berdasarkan ayat di atas, terdapat tiga metode utama dalam penyampaian dakwah iaitu:

Hikmah: Hikmah bermaksud kebijaksanaan, adil betul dan tepat. Dakwah yang hendak disampaikan perlu menekankan aspek penyesuaian dalam penyampaian. Pendakwah

⁷⁵Zakaria @ Mahmod Daud dan Ahmad Zaki Hj. Ibrahim, "Pemikiran Muhammad 'Abd Al-Wahab Dan Pengaruhnya Kepada Dunia Islam Dalam Bidang Akidah dan politik" dalam *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*, ed. Mohammad Kamil Hj. Ab. Majid (Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990), 29-31

⁷⁶ Robiatul Adawiyah Mohd, Kauthar Abd Kadir, Norzulaili Mohd Ghazali, Abdul Karim Toured an Ihsan M. Hasen "Sunnah Aplikasi Dan Cabaran Semasa" (makalah, Seminar Warisan Nabi, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM di Palm Garden Resort, IOI Putrajaya, 11-12 Julai 2007), 98-102.

⁷⁷ Ab. Aziz, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 1-2

yang bijak akan memastikan setiap penyampaian akan mudah diterima oleh kumpulan sasaran tanpa menyusahkan mereka. Hikmah juga diertikan sebagai lemah-lembut, berilmu dan kasih sayang. Sifat-sifat ini merupakan kekuatan yang mampu mempengaruhi sasaran.⁷⁸ Seperti mana Allah SWT bersifat hikmah dalam menetapkan sesuatu hukum kepada manusia contohnya hukum pengharaman arak yang merupakan minuman kegemaran masyarakat Arab Jahiliah dilakukan secara berperingkat kerana perbuatan yang amat sukar dilakukan oleh manusia adalah meninggalkan kebiasaan dan mengubah tradisi.⁷⁹ Allah SWT menegaskan dalam al-Quran surah Ali ‘Imran ayat 159 firman-Nya

فِيمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَأَنفَضُوا مِن حَوْلِكَ
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ
اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Surah Ali ‘Imran 3: 159

Terjemahan: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila Engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

Seterusnya **Nasihat yang baik** iaitu memberi peringatan, teguran, ucapan yang ikhlas, tidak menggunakan perkataan yang boleh menyinggung perasaan dan memupuk perasaan kasih sayang serta hubungan silaturahim antara sasaran. Berusaha untuk meyakinkan sasaran atas kebaikan nasihat yang disampaikan dan mampu menimbulkan

⁷⁸ Ghazali Darussalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, 28

⁷⁹ Akmal Hj. Mhd.Zain, *Bimbingan Berdakwah Pendekatan Yang Berkesan Di Alaf Baru*, 23-28

perasaan ingin berubah dan sedar kejahilan akhlak buruk dalam diri.⁸⁰ Kepentingan da'i dalam memahami keperluan mad'u seterusnya memberi nasihat dengan penuh lemah-lembut, keikhlasan dan kejujuran dapat merobohkan segala kemusykilan.⁸¹

Metode yang ketiga yang disarankan oleh Allah SWT dalam al-Quran adalah **berbahas atau berdebat dengan cara yang baik**. Kaedah ini perlu dilakukan dengan baik dan mengikut disiplin dalam perdebatan. Dalam perdebatan pendakwah mestilah menjaga menggunakan bahasa yang beradab dan sopan, merendah diri, tidak menunjukkan sikap marah, tidak mengeluarkan kata-kata penghinaan, lemah-lembut, tidak meninggikan suara dan berusaha menarik hati pendengar dengan berkesan. Kaedah ini dapat memberi peluang kepada kedua-dua pihak (pendakwah dan sasaran) untuk berhujah dan memberi pendapat demi mempertahankan pihak masing-masing. Tujuan perdebatan adalah untuk mencari kebenaran dan bukannya menjatuhkan atau mengaibkan di antara satu sama lain.⁸²

Kesimpulannya, pendakwah kini lebih mencabar kerana terpaksa berhadapan dengan umat Islam yang kurang bernilai dan terlibat dengan gejala keruntuhan akhlak yang amat membimbangkan. Suasana politik yang begitu mencengkam, sedikit sebanyak merencatkan usaha berdakwah terhadap masyarakat di samping persaingan hebat dengan mereka yang cuba menyesatkan umat Islam dengan pelbagai ideologi menuntut pendakwah menguasai pelbagai bidang untuk berhadapan dengan masyarakat.⁸³

⁸⁰ Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 10

⁸¹ *Ibid*,

⁸² Ghazali, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, 35

⁸³ Dr. Danial Zainal, *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Muslim*, 140-141

2.4 KOMUNIKASI DAN PROSES DAKWAH

Komunikasi merupakan jaringan yang amat penting dalam proses menyampaikan dakwah. Memiliki kemahiran komunikasi dan kemampuan mempengaruhi, memberi bonus kepada para pendakwah dalam penyampaian. Pendakwah ialah insan yang bertanggungjawab membangun dan membaiki kehidupan manusia terutamanya dalam aspek kemanusiaan. Pelan Strategi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2009-2014 juga menekankan aspek kepentingan komunikasi dengan meletakkan *gerakkan media bersepadu* iaitu memantapkan prasarana teknologi dan maklumat, penggunaan internet secara meluas dalam berdakwah, bersoal jawab secara online dengan masyarakat untuk menyelesaikan masalah. Kaedah ini cepat dan efisien dalam usaha membangunkan masyarakat yang menghadapi pelbagai penyakit keruntuhan dalam pelbagai aspek kehidupan dan dapat bersaing dengan media barat yang pantas dalam menyebarkan pelbagai maklumat untuk mencemarkan Islam.⁸⁴

﴿ قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ يَتَّبِعُهَا أَذَىٰ ۗ وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴾

Surah al-Baqarah 2: 263

Terjemahan: (Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan memaafkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati. dan (ingatlah), Allah Maha Kaya, lagi Maha Penyabar.

Komunikasi dalam Islam menetapkan beberapa prinsip komunikasi yang harus diikuti oleh pendakwah atau pemimpin iaitu bercakap dengan lemah lembut, menggunakan perkataan yang baik, menggunakan hikmah dan nasihat yang baik, bercakap benar, mengotakan apa yang dikatakan, berdialog dengan cara yang baik serta mengambil kira pendapat dan pemikiran orang lain. Prinsip-prinsip ini digunakan oleh

⁸⁴JAKIM , <http://www.islam.gov.my/pelan-strategik-jakim-2009-2014>

Rasulullah SAW dan para sahabat dalam berdakwah dan menyampaikan risalah Islam. Imam Syafie menyampaikan mesej Islam bersumberkan al-Quran, al-Hadith, ijmak' dan qias yang juga berlandaskan al-Quran dan al-Hadith. Kehebatan Imam Syafie sebagai komunikator membolehkan pengaruhnya melalui mazhab yang dibawa menjadi pegangan dan ikutan umat Islam kini termasuk Malaysia.⁸⁵ Setiap individu Muslim adalah komunikator agama atau pendakwah yang bertanggungjawab menyampaikan risalah Allah kepada manusia.⁸⁶ Dakwah juga merupakan proses komunikasi iaitu komunikasi khas daripada komunikator yang menyampaikan maklumat atau mesej yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah bertujuan mengajak manusia ke arah kebaikan dan beramal soleh.⁸⁷

Di dalam ayat ini, konsep komunikasi dakwah iaitu Allah SWT menegah manusia memperkatakan perkataan-perkataan yang keji seperti firman Allah

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوْءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾

Surah an-Nisaa' 4 : 148

Terjemahan: Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. dan (ingatlah) Allah sentiasa mendengar, lagi Maha mengetahui.

Begitu juga firman Allah dalam surah al-Israa' ayat 53 Allah memerintahkan manusia mengucapkan sesuatu yang benar ayatnya iaitu

⁸⁵ Mohd Yahya Mohamed Ariffin, *Komunikasi Imam Shafie Dalam Penyebaran Islam* (makalah, Seminar Pemikiran Islam, Kuala Lumpur, 1993) 3-4

⁸⁶ Zulkiple Abd. Ghani, *Islam Komunikasi Dan Teknologi Maklumat* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2003), 2

⁸⁷ Drs. Toto Tasmara (1987), *Komunikasi Dakwah* (Jakarta: CV Gaya Media Pratama, 1987), 31-32

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ
كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُبِينًا ﴿٥٣﴾

Surah al-Israa' 14 : 53

Terjemahan: dan Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); Sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

Karim Zaidan berpendapat, kewajiban berdakwah iaitu mengajak manusia ke arah mentaati Allah SWT sama ada secara individu atau berkumpulan. Sejarah telah membuktikan kejayaan dakwah Rasulullah SAW bukan sahaja bergantung kepada kemuliaan peribadi baginda, malah kebijaksanaan komunikasi antara masyarakat. Para komunikator perlu lebih mendekati masyarakat dengan mengetahui realiti kehidupan, budaya dan latar belakang mereka bagi memudahkan proses berinteraksi dalam ruang lingkup yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak mad'u.⁸⁸

2.5 KONSEP DAN PERANAN PENSYARAH

Guru atau pensyarah merupakan golongan yang tugasnya adalah menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni.⁸⁹ Menurut Imam al- Ghazali, guru adalah seseorang yang memiliki ilmu pengetahuan, sentiasa mempelajari ilmu baru dan menyampaikan kepada orang lain.⁹⁰ Beliau juga menyifatkan seseorang pendidik perlu memiliki sifat sabar, kasih sayang, tidak takabbur, tawaduk, bersungguh-sungguh dalam penyampaian dan berani mempertahankan hujjah yang benar.⁹¹

⁸⁸ Huzaimah Hj. Ismail & Baterah Alias (2007), "Dakwah Dan Kewajipan" dalam *Islam dan Komunikasi*, ed. S.Salahudin Suyurno et al (Shah Alam : Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara,2007), 22

⁸⁹ Razali Saaran, *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik* (Kuala Lumpur: Mustread Sdn Bhd, 2010), 7-8

⁹⁰ Mohd Azam Mahat, *Guru Pendidik, Pengajar Atau Pendakwah?* (Selangor: Karisma Publication Sdn Bhd, 2009), 11

⁹¹ Razali Saaran, *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik*, 198-199

Profesion sebagai seorang pendidik amat mulia di sisi Islam. Tanggung jawab dan amanah ini menggesa para pendidik sentiasa memperkembangkan diri dalam pelbagai kemahiran dan pengetahuan supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan memberi kesan yang positif kepada pelajar. Peranan pensyarah bukan sekadar menghadirkan diri ke kelas dan menghabiskan silibus yang telah ditetapkan mengikut tempoh-tempoh tertentu tetapi tugas mereka lebih daripada itu iaitu untuk membentuk dan mendidik manusia agar lebih terdidik, beradab dan berakhlak terhadap pencipta dan makhluk.

a) Sentiasa mempertingkatkan ilmu pengetahuan

Tanggungjawab seorang pensyarah ialah sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri khususnya dalam bidang yang diajari. Dunia pendidikan merupakan dunia keilmuan yang menuntut semua pendidik sentiasa melalui proses belajar supaya ilmu yang dimiliki relevan dengan tuntutan semasa. Pensyarah yang memiliki ilmu yang mantap akan menampilkan keperibadian yang unggul dan menyerlah kebijaksanaannya.⁹² Perkara ini penting bagi merealisasikan keperluan pendidikan seiring dengan kehendak semasa. Oleh itu, pensyarah sebagai pendakwah dan agen sosial perlu mempamerkan kemantapan ilmu untuk meyakinkan pelajar (mad'u) terhadap penyampaian mereka.

b) Mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik

Suasana pembelajaran yang menarik mampu mencetus motivasi pelajar untuk belajar. Sesi pembelajaran konvensional yang melibatkan bilik kuliah, meja, kerusi, papan putih sesekali perlu diubah kepada sesi pembelajaran berbentuk realiti. Pembelajaran

⁹² Azhar Hj Walid dan Zawawi Jahya, *Pendidikan Modal Insan* (Perak: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 66-67

berdasarkan realiti iaitu memperbanyakkan aktiviti di luar kelas namun masih berkait dengan silibus dapat memberi pengalaman serta pengajaran tentang kehidupan sebenar. Perkara ini juga bersesuaian dengan sikap pelajar kini yang cenderung kepada pembuktian dalam setiap kenyataan yang disampaikan. Peranan pensyarah bukan sekadar menyampaikan pengajaran, malah perlu memikirkan keperluan pelajar seperti kesediaan, kebolehan dan pengetahuan sedia ada mereka supaya objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.⁹³

c) Menyesuaikan diri dengan kehendak dakwah semasa

Perkembangan dunia pendidikan dan globalisasi teknologi maklumat kini menuntut para pensyarah bijak menyesuaikan diri dengan kehendak pelajar dalam usaha penyampaian dakwah terhadap mereka. Oleh yang demikian para pensyarah perlu menyelesaikan diri dan menghilangkan sedikit *privacy* dengan penggunaan kaedah komunikasi maya terkini sebagai memenuhi kehendak dakwah semasa. Kaedah pengajaran secara virtual juga disarankan supaya memudahkan pensyarah dan pelajar berinteraksi dengan lebih kerap dan kepantasan dalam memberi respon dan maklumat yang diperlukan oleh pelajar. Menurut Khairuddin Hashim “guru perlu menyesuaikan diri dengan pendidikan virtual iaitu pendidikan tanpa bilik kuliah dengan melalui multimedia yang disediakan proses komunikasi akan berlaku di samping pengajaran secara konvensional”.⁹⁴

2.6 KONSEP DAN PERANAN PELAJAR

Pelajar merupakan individu yang berusaha mencari, berpegang dan beramal dengan kebenaran. Menuntut ilmu merupakan jalan untuk mencari kebenaran di samping dapat

⁹³ Hashim Deraman et al., “Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran,” dalam *Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Kepimpinan Pendidikan*, ed. Sulaiman Md Yassin, Mohd Salleh Lebar dan Azlina Abu Bakar (Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd, 2002), 84-85

⁹⁴ Khairuddin Hashim, “*Konsep Virtual Dalam Pendidikan*,” dalam *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat Dan Komunikasi*, ed. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000), 85-89.

mengangkat darjat manusia seterusnya membezakan seseorang daripada seseorang yang lain.⁹⁵ Pelajar merupakan kelompok sasaran dalam penyampaian pensyarah. Kefahaman dan penerimaan pelajar amat penting sebagai kelangsungan pencapaian objektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Ibnu Sahnun, akal pelajar perlu benar-benar bersedia menerima pengisian pengajaran kerana kemampuan berfikir dapat membantu manusia pantas memperolehi pengajaran, pengalaman, kehidupan dan memberi kerjasama yang baik.⁹⁶ Oleh yang demikian, seseorang pelajar perlu memahami peranan mereka sebagai individu yang sedang menajalani proses pembelajaran bagi membentuk diri ke arah yang lebih baik. Menurut Al-Muhasibi, penekanan aspek-aspek keseimbangan fizikal dan spiritual di samping menjaga adab-adab diri khususnya yang merangkumi roh, hati dan nafs mampu menghasilkan individu yang berfikiran positif.⁹⁷

a) Menyedari status mereka sebagai hamba Allah SWT

Sebagai pelajar Muslim, seharusnya mereka mengetahui tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah SWT iaitu melaksanakan segala perkara yang telah ditaklifkan dengan penuh ketaatan dan menjauhi laranganNya. Kesedaran terhadap status ini akan membantu mereka memperbaiki diri dalam meningkatkan kefahaman tentang Islam bukan sekadar teori malah pengamalan dalam kehidupan (way of life). Menurut Prof. Dr. Haron Din, merendahkan diri dan patuh kepada Allah iaitu dengan mematuhi sistem dan peraturan yang telah ditentukan serta mengamalkan cara hidup Islam yang selayaknya untuk manusia dan sesuai dengan kejadian alam bagi menjamin kesejahteraan.⁹⁸

⁹⁵ Hafidzi Mohd Noor, *Ciri-ciri Pelajar Cemerlang* (Kuala Lumpur: Sabha DTP Services Sdn Bhd, 1991), 1-4

⁹⁶ Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam: Ibnu Sahnun, al-Qabsi dan Ibnu Khuldun* (Selangor:PTS Publication & Distributorn Sdn Bhd , 2005), 127-170

⁹⁷ Arena bt Che Kasim, *Pembangunan Manusia Menurut Islam Dan Barat* (Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000),152-160

⁹⁸ Haron Din et al., *Manusia Dan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 40

b) Menyadari status mereka sebagai pelajar

Sebagai individu yang menawarkan diri untuk mengikuti pengajian di sesebuah institusi pendidikan, sewajarnya menyedari tanggungjawab mereka sepanjang memegang status seorang pelajar. Sememangnya sebagai pelajar, mereka akan terikat dengan penjadualan, peraturan dan sistem yang telah ditetapkan oleh pihak institusi. Memiliki ciri-ciri profesionalisma sebagai seorang pelajar seperti bersungguh-sungguh dan berlapang dada dalam mempelajari ilmu mendorong pelajar menghasilkan pembelajaran yang lebih cemerlang seterusnya menjelmakan ketinggian ilmu, sikap, pemikiran dan kemahiran dalam diri mereka tanpa wujud perasaan tertekan dan terpaksa. Perkara ini juga bertepatan dengan konsep menuntut ilmu dalam Islam.⁹⁹

c) Perbetulkan niat

Nilai sesuatu perkara dalam Islam terletak pada niat malah prinsip menuntut ilmu dalam Islam adalah sepanjang hayat. Dalam menjadikan ilmu yang diterima memberi impak positif, pelajar perlu perbetulkan niat iaitu belajar bertujuan untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih baik sebagai seorang individu dan hamba Allah SWT. Niat ikhlas kerana Allah SWT akan melahirkan pelajar yang bertanggung jawab, berakhlak, berdisiplin, cemerlang dan memebentuk personaliti pelajar muslim yang menjadi *role model* dan ikutan.¹⁰⁰

2.7 KOMUNIKASI DAKWAH PENSYARAH TERHADAP PELAJAR

Pendidikan merupakan aset penting dalam menjana pembangunan individu, masyarakat dan Negara. Kecemerlangan umat-umat Islam terdahulu membuktikan kepentingan pendidikan dalam mengangkat martabat ummah. Pendekatan dakwah dan tarbiah yang

⁹⁹ Tajul Ariffin Noordin, *Pendidikan Suatu pemikiran Semula* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 76

¹⁰⁰ Hafidzi, *Ciri-Ciri Pelajar Cemerlang*, 7-8

dilaksanakan Rasulullah SAW dalam pendidikan berjaya mengubah masyarakat yang sebelumnya sering berpecah belah dan melakukan penindasan kepada masyarakat yang bertamadun. Selain itu, Rasulullah SAW juga amat mementingkan komunikasi berkesan dalam penyampaian pengajaran dakwahnya berdasarkan tahap keupayaan dan kefahaman pelajar.¹⁰¹

Kesinambungan dakwah Rasulullah SAW diteruskan oleh para da'i yang sentiasa berusaha memakmurkan dunia ini daripada kejahatan dan kemungkar. Pensyarah atau guru sebagai da'i merupakan golongan profesional yang bertindak sebagai pendidik dan pendakwah dalam masyarakat. Peranan pensyarah adalah untuk menyemai kesedaran tentang kepentingan ilmu, membangunkan ummah, membina akhlak yang baik dan membimbing pelajar supaya menjauhi sifat-sifat *mazmumah*.¹⁰² Pendidikan Islam merangkumi aspek fardu ain dan fardu kifayah dengan menekankan kepentingan individu dan pembangunan ummah.¹⁰³ Seorang pensyarah yang memiliki kemahiran komunikasi, merupakan nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kelebihan ini dapat membantu pensyarah membina hubungan yang baik dan menggarap segala potensi diri pelajar.¹⁰⁴ Komunikasi dakwah boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk saluran. Media komunikasi dakwah merupakan elemen penting dalam usaha pensyarah menyampaikan maklumat, idea, mesej kepada pelajar sama ada

¹⁰¹ Nooraini Sulaiman, Shahrulannuar Mohamed dan Sabariah Sulaiman, "Kurikulum Pendidikan Zaman Rasulullah: Pengaruhnya Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Masa Kini" (makalah, Seminar Warisan Nabi, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM di Palm Garden Resort, IOI Putrajaya, 11-12 Julai 2007), 310-313

¹⁰² Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 996), 157-160

¹⁰³ *Ibid.*, h. 168.

¹⁰⁴ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md. Yusoff, *Kaedah Mengajar & Kemahiran Interpersonal Guru* (Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2007), 89

melalui lisan, tulisan, al-Quran, jemaah atau organisasi, melalui kesenian, perbuatan atau bahasa badan dan audio-visual.¹⁰⁵

Pembelajaran adalah masa depan yang objektifnya untuk mencorak tingkah laku pada satu tahap tertentu selepas tamat sesi pengajaran. Manusia saling mempengaruhi antara satu sama lain sama ada untuk perubahan sikap seseorang terhadap sesuatu subjek atau terhadap pembelajaran itu sendiri. Pensyarah sebagai da'i perlu bersungguh-sungguh memberikan pengaruh kepada pelajar (mad'u) terhadap subjek yang diajar. Kaedah ini dapat memaksimumkan kesanggupan pelajar untuk menggunakan pengetahuan mereka dalam perubahan diri. Situasi ini juga menunjukkan keberkesanan pensyarah dalam penyampaian.¹⁰⁶ Keberkesanan iaitu pertimbangan diri yang dibuat berdasarkan kemampuan untuk melakukan sesuatu perkara atau tindakan tertentu.¹⁰⁷ Metode komunikasi dakwah yang digunakan oleh Rasulullah SAW dengan menggunakan perkataan yang mudah dan jelas bertujuan untuk memudahkan kefahaman masyarakat seterusnya dapat membentuk pembangunan insan yang sejajar dengan matlamat pendidikan Islam untuk mendidik dan membentuk manusia ke arah kebaikan.¹⁰⁸ Sabda Rasulullah SAW dalam hadisnya

حَدَّثَنَا الْعَبَّاسُ بْنُ الْوَلِيدِ الدَّمَشَقِيُّ قَالَ: حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عِيَّاشٍ قَالَ: حَدَّثَنَا سَعِيدُ
بْنُ عُمَارَةَ قَالَ: أَخْبَرَنِي الْحَارِثُ بْنُ الثُّعْمَانَ قَالَ: سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ
يُحَدِّثُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَكْرَمُوا أَوْلَادَكُمْ وَأَحْسِنُوا
أَدَبَهُمْ

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Abbas Ibnu Al Walid Ad Dimasqi, telah diceritakan kepada kami Ali Ibnu A'iyash, telah

¹⁰⁵ Ghazali Sulaiman, "Media Komunikasi Islam" dalam *Islam dan Komunikasi*, ed. S.Salahudin Suyurno et al. (Shah Alam : Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2007), 67-68

¹⁰⁶ Robert F.Mager, *Teknik Mendorong Pelajar Belajar Tanpa Membunuh Semangat Mereka- How To Learners On Without Turning Them Off*, ed. Ke-4, terj. Saad Md Yassin (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2009), 11

¹⁰⁷ *Ibid.*, 85


¹⁰⁸ Kamrul Azmi dan Halim, *Pendidikan Islam –Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*, 44

diceritakan kepada kami Said Ibnu A'marah, dikhabarkan kepadaku Al Haris Ibnu Annu'man, aku telah mendengar Anas Ibnu malik telah berkata, Sabda Rasulullah Sallallah 'alaihi wa' sallam: Muliakan anak-anakmu dan didiklah mereka dengan budi pekerti yang baik.¹⁰⁹

2.7.1 Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar

Komunikasi dakwah yang berkesan akan meninggalkan impak positif kepada diri individu dan masyarakat. Proses penyampaian ilmu melibatkan komunikasi antara manusia dengan manusia, tanpa komunikasi proses penyampaian ilmu akan tergendala. Kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam berkomunikasi dan penggunaan metode yang baik telah membawa kekufuran kepada menyembah Allah SWT.¹¹⁰ Oleh yang demikian, tugas pensyarah bukan sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan malah mendidik dan membimbing pelajar mengikut acuan Islam berpandukan ketetapan syariat. Oleh kerana proses pendidikan memerlukan keberkesanan terhadap pelajar, Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar dibentuk yang menaksirkan komunikasi secara umum dan komunikasi Islam adalah seperti berikut:

Rajah 2.4: Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar



Sumber: Pengubahsuaian daripada Model Retorik Penulisan Dakwah oleh Norrodzoh Siren

¹⁰⁹ Hadith riwayat Ibnu Majah, Kitab Sunan Ibnu Majah, Bab Bar Al-Walad wa al-Ikhsan ila al-Banat, no. Hadith 3671

¹¹⁰ Norrodzoh Hj Siren, "Retorik Penulisan Dakwah," dalam *Dakwa Islam Semasa- Konsep Dan Perlaksanaan*, ed. Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Mohd. Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 65

Gambar rajah 2.4 menjelaskan tentang hubungan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar yang meletakkan pensyarah sebagai da'i dan pelajar sebagai mad'u. Setiap elemen mempunyai hubung kait antara satu sama lain untuk memastikan komunikasi dakwah yang dilaksanakan mencapai matlamatnya dan keseluruhan fungsi dan matlamat komunikasi berpaksikan keredaan Allah SWT. Model komunikasi ini hasil inspirasi daripada Model Retorik Penulisan Dakwah oleh Norrodzoh Hj Siren namun telah diolah mengikut kesesuaian dengan tajuk kajian.¹¹¹ Model komunikasi ini melibatkan beberapa elemen dalam menjayakan komunikasi. Setiap elemen berhubung kait dalam memberi kesan terhadap komunikasi pensyarah terhadap pelajar.

Pensyarah Sebagai Da'i

Elemen pertama iaitu pensyarah sebagai da'i perlu memahami mad'u dari sudut tahap pengetahuan pelajar, psikologi, fisiologi dan keperluan dakwah mereka. Keprihatinan pensyarah dalam memahami keperluan pelajar mampu memberi impak yang besar terhadap personaliti, mental, fizikal dan spiritual mereka.¹¹² Mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu yang diajari memberi kelebihan kepada para pensyarah dalam merancang P&P yang bersesuaian dengan mereka. Keperluan psikologi yang perlu diberi perhatian seperti kasih sayang, penghargaan, perhatian, hubungan yang erat serta memahami tahap pemikiran mereka dari sudut ilmu dan pengetahuan yang dimiliki. Manakala keperluan fisiologi pelajar seperti perihatin tentang masa rehat mereka, kesihatan, kebajikan dan persekitaran pembelajaran yang kondusif iaitu infrastruktur yang mencukupi, ruang pembelajaran yang selesa, persekitaran yang tenang dan pengudaraan yang baik. Pensyarah juga perlu memahami keperluan dakwah pelajar seperti mengadakan aktiviti dan bahan dakwah yang sesuai dengan jiwa pelajar seperti usrah, ceramah dan mendekati pelajar serta membantu

¹¹¹ Norrodzoh, *Retorik Penulisan Dakwah*, 70

¹¹² Abdul salam Yussof, *Idea-idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali dan Konfusius* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010) 60-87

menyelesaikan masalah mereka. Menurut Al-Ghazali, proses pendidikan memerlukan hubungan yang erat antara pensyarah dan pelajar kerana situasi ini mampu mendorong pelajar memberi kepercayaan terhadap guru dan ilmu yang disampaikan.¹¹³

Media

Pada peringkat penggunaan media komunikasi dakwah, pensyarah perlu memilih media yang paling bersesuaian dengan pelajar sama ada berbentuk lisan, tulisan, perbuatan atau audio-visual.¹¹⁴ Keperluan pensyarah dalam penggunaan media yang bersesuaian dengan tujuan membolehkan sesuatu mesej disampaikan dengan tepat, difahami dan mendapat maklum balas.¹¹⁵ Di sini, komunikasi antara pensyarah dan pelajar akan berlaku secara langsung dan tidak langsung. Komunikasi secara langsung akan berlaku ketika penyampaian pensyarah di dalam kelas dengan penggunaan media seperti buku teks, papan tulis, LCD projektor, nota edaran, bahan dari internet dan tayangan interaktif.¹¹⁶ Manakala komunikasi yang berlaku secara tidak langsung di luar kelas dengan perantaraan media yang lebih pantas serta meluas seperti Sistem Pesanan Ringkas (SMS), Facebook, e-learning, WhatsApp dan internet, penulisan artikel dakwah, buletin, ceramah, syarahan, kuliah agama dan program-program agama. Keberkesanan terhadap penggunaan media-media ini oleh pensyarah memberi kelangsungan kepada peningkatan kefahaman pelajar terhadap penyampaian.

Mesej

Seterusnya pada peringkat penyampaian mesej dakwah, pensyarah perlu memberi penekanan kepada tiga aspek utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak yang merupakan

¹¹³ *Ibid*, 89

¹¹⁴ Ghazali Sulaiman, "Media Komunikasi Islam," dalam *Islam Dan Komunikasi*, ed. S.Salahuddin Suyurno, Huzaimah Hj. Ismail dan Aini Faedah Ramlan (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara, 2007), 67-70

¹¹⁵ Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad, *Pengantar Komunikasi* (Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2003), 14.

¹¹⁶ Abd. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran* (Kuala Lumpur: utusan Publication & Distributors sdn Bhd, 2003), 70

asas kepada pembentukan sahsiah pelajar. Mesej akidah berasaskan konsep ketuhanan, kenabian dan hari akhirat. Manakala dalam aspek ibadah, pengisian pengajaran berkait dengan ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus merangkumi ibadah solat, puasa, zakat, haji, sedekah dan sebagainya dan ibadah umum merupakan semua perkara yang dilakukan bertujuan untuk mendapat keredaan Allah SWT dan aspek akhlak yang menekankan tentang nilai-nilai kemanusiaan dan moral.¹¹⁷ Di sini, mesej dakwah yang oleh pensyarah berlaku secara lisan dan bukan lisan seperti bercakap, memberi penjelasan, menyoal, berbincang, menegur dan mengarah, memberi isyarat, tunjuk cara, menghampiri dan mendampingi mereka.¹¹⁸

Uslub

Pengajaran yang baik tanpa gandingan *uslub* yang bersesuaian sukar diterima oleh pelajar.¹¹⁹ Pada peringkat ini memperlihatkan kebijaksanaan pensyarah dalam mempelbagaikan *uslub* dalam penyampaian bagi menarik minat pelajar seperti penyampaian yang jelas dan nyata, berperingkat-peringkat, mudah, berhikmah, nasihat dan berbincang. Selain itu, *uslub mau'izah hasanah* menganjurkan pensyarah supaya bertutur dengan lemah-lembut, menjauhi sifat bongkak, kasar, bangga diri dan menjauhi sifat menyindir. Manakala *mujadalah al-husna* menyeru pensyarah supaya sentiasa membuka jalan perbincangan untuk memperolehi kebenaran. Menurut Sayyid Qutub, pendakwah yang bijaksana akan sentiasa peka dengan taraf masyarakat dalam mempelbagaikan kaedah penyampaian di samping menjaga kualiti material dakwah.¹²⁰ Penggunaan *uslub* yang bersesuaian oleh pensyarah akan meninggalkan kesan positif terhadap diri pelajar.

¹¹⁷ Aziz et al, *Dakwah Islam Di Malaysia*, 86

¹¹⁸ Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar dan Azlina Abu Bakar, *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan* (Selangor: Karisma Publication Sdn bhd, 2002), 86

¹¹⁹ Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 3

¹²⁰ Mohd Sabri bin Ismail, "Konsep Dakwah Dan Strategi Perlaksanaan Menurut Surah An-Nahl:125," dalam *Isu-isu Kontemporari Akidah Dan Dakwah*, ed. Mohd Sabri bin Ismail (Batu Pahat:Penerbit Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn), 12-16.

Halangan Da'i

Dalam setiap penyampaian dakwah, pensyarah pasti menghadapi halangan-halangan tertentu yang merupakan faktor kepada kegagalan komunikasi. Sikap pensyarah yang terlalu beremosi, percakapan yang kurang lancar, kurang memahami pelajar dan kurang pengetahuan tentang topik merupakan halangan yang berlaku secara dalaman dan halangan luaran seperti faktor kepadatan pelajar, saiz kelas, kekangan masa dan fasilitis memberi kesan yang negatif terhadap mesej penyampaian dakwah. Mengenal pasti bentuk-bentuk halangan komunikasi memberi peluang kepada pensyarah untuk memperbaiki kelemahan yang ada dan mengatasinya supaya proses akan lebih berkualiti.

Maklum balas Da'i

Pada peringkat terakhir iaitu pensyarah memberi maklum balas terhadap prestasi dan tingkah laku pelajar. Maklum balas pensyarah berfungsi sebagai pengukuh positif yang mampu meningkatkan kefahaman pelajar seperti berbentuk kata-kata, tingkah laku pensyarah, pemberian, penghargaan dan hadiah.¹²¹ Maklum balas yang positif mempunyai pengaruh yang kuat ke atas motivasi pelajar bagi mengukuhkan sikap, tabiat, tingkah laku dan mampu meningkatkan daya usaha untuk mencapai kejayaan.¹²² Menurut Porter dan Brophy, salah satu sifat guru yang berkesan iaitu sentiasa mencari makna, menyelesaikan masalah, membantu pelajar berfikir serta mengesan kefahaman mereka.¹²³

¹²¹ Abdullah Hassan Aion Mohd., *Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2006), 35

¹²² Salhah Abdullah dan Aion Mohd., *Guru Sebagai Mentor*, cet. Ke-2 (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2007), 144

¹²³ John Arul Phillipis, *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1997), 127.

2.7.2 Teori Penerimaan Komunikasi Dakwah Dalam Kalangan Pelajar

Elemen komunikasi yang efektif dalam sesebuah transaksi akan membawa kepada hubungan komunikasi yang harmoni, terhindar daripada salah faham dan mendorong penerimaan terhadap mesej yang disampaikan malah proses komunikasi yang gagal mewujudkan kefahaman tidak membawa sebarang erti serta tidak mencapai objektif komunikasi. Merujuk kepada gambar rajah 2.4, pelajar sebagai mad'u merupakan kelompok sasaran pensyarah dalam menyampaikan dakwah. Pada peringkat ini, pelajar akan dinilai tahap kefahaman dan penerimaan sama ada positif atau negatif terhadap mesej yang diterima

Pensyarah Sebagai Da'i

Proses yang pertama iaitu berkait dengan penilaian pelajar terhadap tanggungjawab pensyarah sebagai da'i. Dalam usaha menyampaikan risalah Islam, mereka perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang agama, ilmu psikologi supaya mudah menyelami jiwa pelajar, ilmu sejarah yang dapat menjelaskan kepada pelajar tentang sebab dan punca sesuatu perkara berlaku dan ilmu akhlak serta perbandingan agama. Selain itu, pensyarah juga perlu menjaga personaliti dari aspek keterampilan seperti berpakaian kemas, sopan dalam percakapan, memelihara pergaulan dan tingkah laku. Pembangunan keperibadian pensyarah seperti sabar, bersifat kasih sayang, tidak takabbur, tawaduk, pembimbing yang baik dan bersungguh-sungguh dalam penyampaian dapat meningkatkan rasa hormat pelajar seterusnya menghilangkan keraguan terhadap mesej dakwah yang dibawa. Pensyarah yang efektif iaitu mereka yang memiliki kualiti peribadi yang tinggi, peramah, mesra dan berusaha mengenali pelajarinya.¹²⁴ Menurut Karim Zaidan, setiap pendakwah perlu memiliki ilmu pengetahuan yang luas, iman yang teguh, berakhlak, merendahkan diri, mudah didekati dan

¹²⁴ Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel, *Pengurusan Bilik darjah dan Tingkahlaku* (Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2009), 7

menjauhi sifat-sifat mazmumah¹²⁵ serta menjelaskan kebenaran dan memberi rangsangan kepada mad'u untuk mengerjakan kebaikan.¹²⁶

Media

Pada peringkat kedua pelajar akan dinilai tentang kesesuaian media yang digunakan oleh pensyarah dalam penyampaian. Penggunaan media yang bertepatan dengan kehendak pelajar, dapat menarik perhatian mereka seterusnya memberi kesan yang positif terhadap mesej dakwah yang disampaikan.¹²⁷ Di sini, bagi meningkatkan kefahaman dan penerimaan pelajar, media yang digunakan perlu mudah didengar dan dapat dilihat dengan jelas, bahan pengajaran yang relevan dengan objektif pengajaran, bahan yang menarik, kualiti bunyi audio yang memuaskan dan alatan berfungsi dengan baik.¹²⁸ Penerimaan positif pelajar pada peringkat ini memberi kesan kepada peringkat yang seterusnya.

Uslub

Seterusnya penilaian pelajar terhadap *uslub* penyampaian pensyarah. Pelajar akan dinilai sama ada mereka menerima secara positif atau sebaliknya terhadap gaya penyampaian pensyarah. Penerimaan negatif pelajar pada peringkat ini, menggesa para pensyarah meningkatkan kemahiran dan kreativiti mereka supaya dapat mendorong minat pelajar dalam menerima serta memahami mesej dakwah. *Uslub* penyampaian pensyarah seperti menasihati pelajar tentang perkara-perkara kebaikan, sentiasa memberi dorongan dan motivasi, berbincang dalam perkara yang tidak difahami, unsur humor untuk mengurangkan tekanan pelajar dan mampu mengeratkan hubungan antara

¹²⁵ Abdul Karim Zaydan, *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, terj. H.M. Asywadi Syukur LC (Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam, 1982) , 102

¹²⁶ Syeikh Muhammad bin Nashir Al-Abudi, *Al-Quran Sebagai Penawar Tekanan Jiwa*, terj. Muhammad Nashiruddin (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2001), 26

¹²⁷ Sulaiman , Salleh dan Azlina, *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*, 84

¹²⁸ Robert F. Mager, *How To Learners On Without Turning Them Off: Teknik Mendorong Pelajar Belajar Tanpa Membunuh Semangat Mereka*, dirumikan oleh Saat Md Yassin, 85-86

pensyarah dan pelajar, pertuturan yang jelas serta tidak menggunakan perkataan yang kasar dan keji.¹²⁹

Mesej

Jalinan komunikasi bermatlamat untuk menjalin hubungan yang baik dan memenuhi fungsi seseorang.¹³⁰ Keupayaan mad'u memahami mesej yang disampaikan da'i mendorong penerimaan positif terhadap mesej dakwah yang dibawa. Mesej yang berkesan iaitu memiliki gambaran yang jelas, ayat yang tepat, bahasa yang difahami, ringkas, padat dan lengkap.¹³¹ Situasi ini memerlukan pensyarah lebih kreatif dalam penyampaian seperti penggunaan bahasa yang mudah, menggunakan instrumen pengajaran yang mampu menarik minat dan kepelbagaian dalam penyampaian.

Halangan

Halangan dalam komunikasi merupakan punca kepada kegagalan penerimaan sesuatu mesej dengan baik. Di sini, pelajar akan menilai bentuk-bentuk halangan yang berlaku sepanjang proses komunikasi antara mereka dan pensyarah sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Faktor-faktor halangan luaran seperti tulisan yang kurang jelas, kebisingan, kepadatan kelas, saluran komunikasi tidak berfungsi dengan baik, sikap guru yang kurang persediaan, malas dan kurang latihan ikhtisas. Manakala faktor halangan dalaman melibatkan emosi pelajar antaranya kurang tumpuan, tidak minat dengan kursus pendidikan Islam, mengantuk dan persepsi negatif terhadap pensyarah.¹³² Hasil penilaian pelajar pada peringkat ini bukan sahaja memberi peluang kepada pensyarah untuk meningkatkan potensi diri malah kepada pelajar itu sendiri.

¹²⁹ Farah Dina Abd. Manaf dan Huzaimah Hj. Ismail, "Metode Komunikasi Dakwah," dalam *Islam Dan Komunikasi*, ed. S.Salahuddin Suyurno, Huzaimah Hj. Ismail dan Aini Faezah Ramlan (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara, 2007), 159

¹³⁰ Samsuddin A. Rahim, *Komunikasi Asas* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1993), 83

¹³¹ Maimunah Osman, *Komunikasi Berkesan Hubungan Interpersonal* (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, 2000), 11

¹³² Sulaiman , Salleh dan Azlina, *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*, 98-100

Maklum balas mad'u

Peringkat yang terakhir merupakan penilaian maklum balas pelajar iaitu impak terhadap penyampaian pensyarah. Maklum balas berlaku dalam pelbagai bentuk seperti memek muka dan perlakuan yang akhirnya membawa kepada pengakuan, pertanyaan dan tingkah laku.¹³³ Penerimaan pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah memberi impak positif terhadap sikap dan tingkah laku pelajar seperti lebih berakhlak, mendekati diri kepada Allah, rajin beribadat, menjauhi maksiat dan pengetahuan agama semakin bertambah. Hasil penilaian di peringkat ini amat penting kerana dapat memberi gambaran secara keseluruhan penerimaan komunikasi dakwah terhadap pelajar.

Kesimpulannya, Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar yang dihasilkan merangkumi segala aspek penting dalam komunikasi sebagai satu reka bentuk kajian yang sistematik terhadap pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah Pendidikan Islam dan penerimaan pelajar di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Model ini juga menjadi kayu pengukur untuk memastikan proses komunikasi dakwah dapat disampaikan dengan lebih berkesan yang memberi impak positif kepada semua pihak.

2.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, komunikasi merupakan interaksi sosial yang menghubungkan manusia dengan manusia, manusia dengan Allah SWT dan manusia dengan alam bertunjangkan prinsip dan etika yang telah ditentukan. Komunikasi dakwah adalah bertujuan untuk mengajak manusia ke arah amar makruf nahi mungkar di samping menjalankan

¹³³ Baharudin dan Khairie, *Pengantar Komunikasi*, 28.

tanggungjawab seorang muslim terhadap agama.¹³⁴ Para da'i yang jujur akan sentiasa mengangkat syiar yang jelas dan terang berslogankan dakwah dan pendidikan, berdakwah untuk diri sendiri dan menyampaikan kepada orang lain bermatlamat dapat menghilangkan kekaburan dalam masyarakat.¹³⁵ Keberkesanan sesuatu dakwah adalah penting dalam usaha memperbaiki masyarakat, menghilangkan faktor-faktor kerosakan dan kehancuran yang berada di antaranya.

¹³⁴ Drs.Toto Tasmara, *Komunikasi Dakwah*, 47

¹³⁵ Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah*, 66-67

BAB KETIGA

PERLAKSANAAN KOMUNIKASI DAKWAH PENSYARAH PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PELAJAR POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

3.0 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan tentang latar belakang Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), seterusnya menganalisis dapatan temu bual berkaitan dengan pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar berpandukan Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar.

3.1 SEJARAH PENUBUHAN POLITEKNIK MALAYSIA

Sejarah sistem pengajian teknikal dan vokasional Negara bermula dengan penubuhan Sekolah Teknik Treacher di Kuala Lumpur pada tahun 1906 bertujuan untuk melatih juruteknik Jabatan Keretapi dan Jabatan Kerja Raya. Pendidikan teknik dan vokasional Negara telah melalui beberapa fasa perubahan seiring dengan kemajuan Negara. Keperluan kepada kemahiran teknikal, telah mencetuskan penubuhan Sekolah Pertukangan yang pertama pada tahun 1926 yang memberi dimensi baru dalam Pendidikan teknikal dan vokasional bagi memenuhi sumber tenaga kerja.

Sejarah penubuhan politeknik bermula pada tahun 1969, melalui Rancangan Colombo dengan terbinanya politeknik pertama di Malaysia iaitu Politeknik Ungku Omar di Ipoh Perak. Melalui satu resolusi yang telah dipersetujui oleh Jemaah Kabinet dalam Pelan Pelaksanaan Kabinet (1979) dan Pelan Industri Kebangsaan (1985-1995) telah memperkukuhkan lagi penjenamaan politeknik dituruti dengan penambahan bilangan institusi ini pada 1991 dengan penawaran pengajian peringkat sijil dan diploma

bagi memenuhi permintaan tenaga separa professional dalam bidang kejuruteraan, teknikal, reka bentuk dan komunikasi visual, perdagangan dan hospitaliti.¹

Politeknik merupakan pusat pengajian yang menawarkan program pengajian peringkat diploma kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. Jabatan Pengurusan Politeknik (JPP) dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menjenamakan politeknik sebagai institusi yang mampu melahirkan modal insan yang berinovasi dan mempunyai nilai kebolehan pasaran yang tinggi. Sementara itu, aspek misinya adalah untuk menerobos sempadan untuk membina persekitaran pembelajaran transformatif dan kreatif ke arah menjana ekonomi yang dipimpin inovasi dan berpegang kepada visi untuk menjadi penjana utama modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global menjelang tahun 2015. Oleh yang demikian, menyedari hakikat persaingan kebolehpasaran graduan dengan lonjakan ekonomi yang semakin memberangsangkan, JPP mensasarkan keseluruhan objektifnya ke arah mengukuhkan kesesuaian dan responsif program pengajian yang ditawarkan mengikut kehendak pembangunan ekonomi Negara, mengukuhkan penjenamaan politeknik sebagai institusi pengajian pilihan dan menghasilkan graduan yang berkualiti serta berdaya saing. Kini, JPP telah mentadbir 30 buah politeknik di seluruh Malaysia.²

3.2 LATAR BELAKANG POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang lebih dikenali sebagai Politeknik Shah Alam (PSA) merupakan politeknik Malaysia ke-8 yang ditubuhkan pada 1997.

¹ <http://www.politeknik.edu.my/websept07/sejarah.asp> , dikemaskini September 2007, dicapai 4 April 2013

² Jabatan Pengajian Politeknik, <http://politeknik.gov.my/webjpp2/index.php>. dikemaskini 5 Dec 2012, dicapai 5 April 2013

Pembinaan PSA di tapak seluas 112 ekar di Shah Alam dan dilengkapi dengan kemudahan fizikal yang bernilai lebih RM 117 juta. PSA telah memulakan sesi pertamanya pada Julai 1997 dengan pengambilan pelajar seramai 640 orang.³

Rajah 3.1: Logo Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah




Penstrukturan PSA terdiri daripada empat jabatan akademik induk yang terdiri daripada Jabatan kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Perdagangan (JPG) dan dua jabatan akademik sokongan iaitu Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am (JPAM). PSA diterajui oleh tiga tonggak utama dalam peringkat tertinggi pengurusan iaitu Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah Akademik dan Penolong Ketua Pengarah Sokongan Akademik serta didokong lebih kurang 480 staf akademik dan staf sokongan.⁴

³ <http://www.psa.edu.my/portal/index.php?lang=ms> , dikemaskini 7 Oktober 2013, dicapai pada 9 Oktober 2013

⁴ *ibid*

Rajah 3.2: Carta Organisasi PSA dan Jabatan Akademik



Sumber: Portal Rasmi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (2012)

Kedudukan lokasinya yang strategik disertai dengan komitmen dan sikap dedikasi warga kerjanya, telah menjadikan PSA sebuah politeknik yang dinamik dan dikenali selari dengan kemajuan akademik dan pembangunan prasarana. Sepanjang 15 tahun beroperasi, PSA telah mencipta pelbagai kecemerlangan dari aspek pengurusan dan akademik antaranya mendapat persijilan MSISO 9002:1994 daripada SIRIM pada September 2002 dan beralih kepada sistem kualiti baru MSISO 9001:2000. Pada 25 Februari 2010, PSA sekali lagi telah melakar sejarah apabila telah terpilih sebagai salah satu Politeknik Premier daripada 5 buah politeknik yang dipilih di seluruh Malaysia. Selain itu, PSA telah memperolehi persijilan 5'S daripada MPC, mendapat tier 5 dalam polyrate pada 2010, politeknik pertama mendapat pengiktirafan MQA melalui program Diploma Lanjutan Urutan Melayu.⁵

⁵ <http://www.psa.edu.my/portal/index.php?lang=ms> , dikemaskini 7 Oktober 2013, dicapai pada 9 Oktober 2013

Pada sesi kemasukan September 2013, PSA bakal melakar sejarah baru apabila menjadi politeknik pertama menawarkan program di peringkat ijazah pertama iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengurusan Fasiliti dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Perubatan. Program Bachelor of Teknologi (B-Tech) ini berteraskan Work-Base Learning (WBL) berkonsepkan kolaborasi institut pengajian dengan pihak industry (industry-academic). Manakala menjelang 2014, program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembungkusan akan diadakan secara usaha sama dengan pihak UTHM.⁶

3.3 PERLAKSANAAN KOMUNIKASI DAKWAH PENSYARAH PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PELAJAR POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Kaedah Perlaksanaan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam dalam kalangan pelajar diperolehi hasil daripada temu bual yang telah dijalankan ke atas 16 orang pensyarah pendidikan Islam di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Selain itu pengkaji juga melakukan pemerhatian untuk mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan dengan lebih terperinci.


3.3.1 Tugas Pensyarah Sebagai Da'i

Terdapat pelbagai tugas pensyarah yang bertindak sebagai da'i dalam usaha mendidik anak bangsa yang mampu mendokong tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah di muka bumi. Hasil analisa temu bual bersama pensyarah terhadap tugas mereka sebagai da'i ditunjukkan dalam Rajah 3.3, 3.4 dan 3.5.

⁶ *ibid*

a) Memahami Tahap Pengetahuan Pelajar

Rajah 3.3: Pemahaman Pensyarah Tahap Pengetahuan Pelajar



Rajah 3.3 di atas menunjukkan bahawa item 1 iaitu pemahaman pensyarah terhadap pengetahuan pelajar. 10 orang pensyarah mengatakan pelajar kurang penghayatan agama berbanding pelajar kurang pengetahuan agama (empat orang) dan pelajar memiliki pengetahuan asas agama (seorang). Data ini menunjukkan pensyarah memahami bahawa majoriti pelajar hanya mengetahui pengetahuan agama secara teori, tetapi kurang menghayatinya dalam kehidupan seharian.

Menurut Nor Azmin, keadaan ini disebabkan sebahagian besar pelajar adalah daripada pendidikan sekolah menengah dan teknik yang mempelajari agama secara asas sahaja dan mensasarkan lulus dalam peperiksaan. *“Mereka memiliki pengetahuan tetapi gagal dalam mengaplikasi dalam tuntutan diri sebagai hamba Allah.”*⁷ Hal ini diperkukuhkan dengan kenyataan Tengku Sarina Aini, tugas pensyarah sebagai *penta’dib* iaitu mendidik pelajar menjadi manusia yang berpotensi dan memiliki tatasusila serta adab-adab yang diredai Allah.⁸ Oleh itu, pemahaman pensyarah terhadap


⁷Nor Azmin Muhammad Salleh (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

⁸ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Pengajaran Dan Pembelajaran Kanak-kanak Dari Perspektif Islam,” dalam *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Perlaksanaan*, ed. Nor Raudah Hj.Siren, Yusmini Mohd. Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya,2006), 89

tahap pengetahuan agama pelajar akan membantu pensyarah melaksanakan tugas mereka sebagai da'i.

b) Memenuhi Keperluan Dakwah Pelajar

Rajah 3.4: Aktiviti Pensyarah Untuk Memenuhi Keperluan Dakwah Pelajar




Usaha berdakwah akan menjadi lebih mudah sekiranya da'i mengetahui keperluan dakwah mad'u. Merujuk rajah 3.4 iaitu aspek memenuhi keperluan dakwah pelajar, mendapati 100% (16 orang) pensyarah bersetuju penganjuran program dakwah bersama bahagian pendidikan Islam sebagai cara terbaik berdasarkan sambutan dan minat pelajar. Manakala yang lain melalui aktiviti bertemu pelajar di luar waktu pembelajaran untuk melakukan perbincangan (empat orang), melalui aktiviti kaunseling kelompok bagi mendengar dan menyelesaikan permasalahan pelajar (dua orang), menjalankan usrah bersama pelajar (dua orang) dan aktiviti lain seperti menjaga kebajikan pelajar (seorang), mengajar mengaji al-Quran (seorang) dan program khidmat masyarakat juga (seorang).

Bagi memenuhi keperluan tersebut, antara program dakwah yang dijalankan sepanjang 2012 iaitu Program Pengurusan Jenazah, Smart A To Z anjuran bersama Pusat Zakat Selangor bertemakan ‘Ilmu + Iman= Amal dan bermatlamat untuk memupuk semangat cintakan ilmu pengetahuan di kalangan pelajar dan pada bulan April 2013, Program 3i (ilmu, iman dan ihsan) telah diadakan kepada pelajar semester satu berobjektifkan pementapan akidah dan pembentukan akhlak pelajar.⁹ Bagi pensyarah yang menjalankan usrah, program ini bertujuan untuk mentarbiyah pelajar bagi membentuk akhlak yang baik. Menurut Puan Ainoor, program dakwah akan diadakan dua kali seminggu dan beliau menubuhkan kumpulan pendakwah muda bagi menerapkan sifat-sifat da’i dalam diri pelajar seterusnya dapat membimbing rakan sebaya ke arah *amar makruf nahi mungkar*.¹⁰

c) Memenuhi Keperluan Fisiologi Pelajar

Rajah 3.5: Pensyarah Memenuhi Keperluan Fisiologi Pelajar




⁹ Azlina Muhammad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

¹⁰ Ainoor Mahfuzah Ahmad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Memenuhi keperluan fisiologi tidak kurang pentingnya dalam memberi keselesaan kepada mad'u. Berdasarkan Rajah 3.5 menjelaskan aspek keperluan pensyarah memenuhi keperluan fisiologi pelajar. Kajian menunjukkan para pensyarah (lapan orang) memilih untuk menyusun atur kedudukan pelajar di dalam kelas sebagai langkah bagi menambahkan keseronokan pelajar sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan mudah untuk berinteraksi. Menurut Cik Zainab Hanina, menyusun atur kedudukan yang sesuai di dalam kelas mampu meningkatkan minat pelajar terhadap proses P&P dan menghilangkan kebosanan.¹¹ Manakala kaedah-kaedah lain pilihan pensyarah dalam memenuhi fisiologi pelajar iaitu membuat aduan kekurangan fasiliti (dua orang), mempelbagaikan tempat pengajaran (dua orang), menekankan konsep bersyukur (dua orang) dan mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa (dua orang).

c) Memahami Keperluan Psikologi Pelajar

Rajah 3.6: Pensyarah Memenuhi Keperluan Psikologi Pelajar



¹¹ Zinab Hanina Abdull Samad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013


Dalam dunia pendidikan, memahami psikologi pelajar amat penting bagi memudahkan pendidik mendekati pelajar. Rajah 3.6 menjelaskan aspek memenuhi keperluan psikologi pelajar oleh pensyarah iaitu sembilan orang pensyarah mengatakan memberi perhatian sebagai kaedah terbaik dalam memahami jiwa pelajar di samping kaedah lain seperti mendekati pelajar (lima orang), memberi bimbingan (seorang) dan memberi penghargaan (seorang). Menurut Puan Mek Zah, umur pelajar politeknik dalam lingkungan 18-21 tahun merupakan golongan remaja yang suka diberi perhatian dan menarik perhatian orang lain. Perhatian daripada pensyarah memberi impak kepada personaliti dan minat mereka terhadap modul pendidikan Islam seterusnya menjadi pelajar yang lebih berakhlak.¹²

3.3.2 Media yang digunakan dalam komunikasi dakwah pensyarah

Dalam proses pelaksanaan komunikasi dakwah, pelbagai saluran media digunakan untuk menyampaikan maklumat. Rajah 3.7, 3.8 dan 3.9 merupakan analisa hasil temu bual bersama pensyarah berkaitan aspek penggunaan media dalam komunikasi dakwah mereka terhadap pelajar.

a) Bentuk media yang digunakan

Rajah 3.7: Bentuk Media Yang Digunakan




¹² Mek Zah Che Ahmad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 25 April 2013

Analisa kajian mendapati 16 orang pensyarah menggunakan audio visual sebagai media utama dalam penyampaian dakwah di dalam kelas atau media lisan di samping media lain turut digunakan iaitu menggunakan bahan daripada internet (12 orang), *power point* (15 orang) dan syarahan (enam orang). Walau bagaimanapun komunikasi terus berlaku semasa pensyarah di luar kelas apabila terdapat (lapan orang) memilih emel sebagai medium komunikasi, penggunaan telefon bimbit sama ada melalui panggilan atau sistem pesanan ringkas (SMS) (tujuh orang), menggunakan medium komunikasi semasa seperti *whatsapp*, *wechat*, *blackberry Messenger* (BBM) dan sebagainya (dua orang) dan hanya (seorang) pensyarah menggunakan *facebook* sebagai medium komunikasi bersama pelajar di luar kelas. Menurut Puan Nor Yanie, penggunaan audio visual dan *power point* dapat membantu pensyarah memfokuskan subjek pengajaran. Selain itu, kaedah ini dapat menarik minat pelajar dalam memberi tumpuan semasa pengajaran dan memudahkan proses pemahaman. Manakala bagi komunikasi dakwah bersama pelajar di luar kelas beliau gemar menggunakan emel kerana mudah diakses oleh semua pelajar.¹³ Penggabungan pelbagai media dan memperbanyakkan alat bantu mengajar dapat membantu menarik minat pelajar terhadap pendidikan Islam serta memberi keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.¹⁴

b) Faktor penentuan media

Rajah 3.8: Faktor Penentuan Media




¹³ Siti Noryanie Yusof, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

¹⁴ Kamarul dan Halim, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, 111-136

Dalam proses komunikasi terdapat pelbagai terdapat pelbagai faktor yang menentukan penggunaan sesuatu media. Berdasarkan rajah 3.8 menunjukkan faktor penentuan media dalam komunikasi pensyarah. Hasil temu bual yang dilakukan mendapati (sembilan orang) pensyarah mengatakan kesesuaian topik menentukan bentuk penggunaan media manakala faktor lain ialah keadaan pelajar (lapan orang) pensyarah, suasana kelas (empat orang) dan media yang lebih fokus dan menjimatkan masa dipilih oleh (dua orang) pensyarah. Menurut Masitah, penggunaan media yang tepat dan bersesuaian dengan topik pengajaran membantu pelajar memahami dengan lebih cepat dan menjimatkan masa.¹⁵

c) Masalah penggunaan media

Rajah 3.9: Masalah Dalam Penggunaan Media



Media yang baik akan sentiasa berperanan dalam membantu melancarkan proses komunikasi. Oleh itu masalah penggunaan media boleh menjejaskan kualiti komunikasi itu sendiri. Rajah 3.9 menunjukkan aspek masalah penggunaan media iaitu semua pensyarah mengatakan masalah penggunaan media mengganggu proses komunikasi

¹⁵ Masitah Mohd Ali, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013


dalam pengajaran iaitu peralatan rosak, peralatan tidak mencukupi dan terpaksa membawa sendiri ke kelas sebagai permasalahan utama dalam penggunaan media. Faktor-faktor ini sememangnya memberi impak besar dalam proses penyampaian. Menurut Puan Aisyah, pensyarah sentiasa berusaha memberikan penyampaian yang terbaik kepada pelajar, tetapi masalah-masalah yang di luar kawalan seperti hal tersebut telah menjejaskan mutu penyampaian dan melambatkan proses P&P yang telah dirancang.¹⁶

3.3.3 Penggunaan *uslub* dalam penyampaian pensyarah

Penggunaan dan pemilihan *uslub* yang sesuai oleh pensyarah dalam penyampaian mampu meningkatkan minat belajar, fokus dan keberkesanan terhadap mesej yang disampaikan. Peningkatan terhadap minat dan fokus bukan sekadar memberi keberkesanan terhadap pemahaman pelajar, malah kelangsungan terhadap penghayatan pembelajaran dalam kehidupan mereka. Rajah 3.10 dan 3.11 menunjukkan jenis *uslub* yang digunakan oleh pensyarah dalam penyampaian mereka.

a) Jenis *uslub* yang digunakan dalam penyampaian

Rajah 3.10: Jenis Uslub Yang Digunakan



¹⁶ Aisyah binti Abdul Razak (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Penggunaan *uslub* yang bersesuaian dalam proses P&P penting kerana dapat memberi kesan kepada penerimaan pelajar terhadap penyampaian pensyarah. Rajah 3.10 menunjukkan (14 orang) pensyarah menggunakan *uslub* nasihat dalam komunikasi dakwah mereka, manakala *uslub* perbincangan digunakan oleh (13 orang), *uslub* penyampaian secara mudah dan jelas digunakan oleh (lima orang), *uslub* secara lemah lembut oleh (lima orang) di samping *uslub* lain seperti *tarhib* dan *targhib* hanya (seorang). Menurut Puan Zalypah, *uslub* nasihat lebih mudah diterima berikutan faktor usia pelajar politeknik antara 18 hingga 21 tahun dalam kategori remaja yang selesa hubungan yang diwujudkan seperti ibu bapa dan anak-anak.

Uslub perbincangan juga menjadi pilihan pensyarah kerana dapat memberi ruang kepada pelajar untuk berkongsi idea dan masalah di samping suasana pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan kerana berlaku komunikasi dua hala.¹⁷ Hal ini turut disokong oleh Encik Kamaruddin, “*uslub ini sering digunakan dalam penyampaian kerana agama Islam itu sendiri adalah nasihat dan penggunaannya juga mendapat respon yang positif daripada pelajar*”.¹⁸ Manakala bagi Puan Ainor pula, beliau gemar menggunakan *uslub targhib* dan *tarhib* kerana mahukan keseimbangan dalam mendidik pelajar. Menurutnya, pelajar perlu dipandu dan tahu di sebalik ganjaran yang diperolehi pasti ada kesukaran yang perlu ditempuhi.¹⁹


¹⁷ Zalypah binti Hassan (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

¹⁸ Wan Norizan wan Muhammad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

¹⁹ Ainoor Mahfuzah Ahmad , (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

b) Faktor pemilihan *uslub*

Rajah 3.11: Faktor Pemilihan Uslub



Dalam penggunaan *uslub*, terdapat faktor-faktor yang menentukan pemilihannya. Dapatan kajian hasil daripada temu bual yang dilakukan mendapati semua pensyarah (16 orang) bersetuju bahawa keadaan pelajar merupakan faktor utama dalam menentukan jenis *uslub* yang digunakan di samping faktor lain seperti suasana kelas (empat orang) dan waktu pengajaran (tiga orang). Menurut pensyarah Encik Wan Norizan, dalam penyampaian dakwah pensyarah, fokus utama adalah memahami kehendak mad'u (pelajar) sebagai satu tolakan kepada penerimaan mereka terhadap isi dakwah yang disampaikan.²⁰

3.3.4 Mesej dalam penyampaian pensyarah

Menyampaikan mesej atau maklumat yang dapat difahami dan dicernakan oleh pelajar merupakan matlamat utama dalam proses komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam. Kandungan mesej yang berkualiti sekiranya digabungkan dengan kaedah penyampaian yang bersesuaian akan mendorong penerimaan pelajar terhadap mesej

²⁰ Wan Norizan wan Muhammad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

tersebut. Rajah 3.12, 3.13 dan 3.14 menunjukkan mesej dalam penyampaian pensyarah terhadap pelajar.

a) Jenis mesej yang disampaikan

Rajah 3.12: Jenis Mesej Dalam Penyampaian




Kejayaan proses komunikasi bergantung kepada keberkesanan mesej yang disampaikan. Merujuk Rajah 3.12 hasil temu bual yang dijalankan ke atas 16 orang pensyarah pendidikan Islam jelas menunjukkan mereka bersetuju mesej penyampaian dakwah yang disampaikan merentasi ketiga-tiga aspek utama dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Namun, perkara yang membezakan isi penyampaian mesej mereka adalah sudut penekanan terhadap tiga perkara tersebut. Hasil analisa mendapati (lapan orang) pensyarah cenderung memberi penekanan terhadap aspek ibadah dan akhlak secara serentak manakala (tujuh orang) hanya menekankan aspek ibadah sahaja di samping akhlak hanya oleh (seorang) pensyarah. Menurut En. Mohammad Shukri, kehidupan adalah ibadah dan kedua-dua aspek ini amat berkait rapat dengan kehidupan seharian pelajar. Pelajar yang berjaya memelihara ibadah secara langsung memberi kesan kepada pembentukan akhlak dan personaliti yang baik.²¹

²¹ Mohammad Shukri Deraman, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

Menurut Norliza pula, kemantapan aspek ibadah dapat mendorong pelajar ke arah amar makruf nahi mungkar.²² Hanya seorang pensyarah memberikan lebih penekanan kepada aspek akhlak kerana bagi En. Nasharuddin permasalahan keruntuhan akhlak yang semakin kronik dalam masyarakat khususnya golongan remaja menyeru beliau menyentuh pelbagai isu akhlak dalam setiap penyampaian.²³ Semua pensyarah sependapat aspek akidah diterapkan secara tidak langsung dalam setiap penyampaian mereka.

b) Bentuk penyampaian mesej

Rajah 3.13: Bentuk Penyampaian Mesej



Bentuk penyampaian mesej juga penting dalam sesuatu proses komunikasi supaya mencapai matlamat komunikasi itu sendiri. Rajah 3.13 aspek bentuk penyampaian mesej menunjukkan sebahagian besar pensyarah iaitu 14 orang menyampaikan mesej secara lisan dan bukan lisan. Puan Haslina menegaskan penyampaian mesej secara lisan berlaku secara langsung, namun terdapat sesetengah topik pengajaran yang memerlukan


²²Norliza Ab Halim, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

²³ Nasharuddin Zainal Abidin, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

mesej disampaikan dalam bentuk tunjuk cara dan amali.²⁴ Terdapat dua orang pensyarah lebih memfokuskan penyampaian mesej dalam bentuk lisan kerana bagi Encik Mohammad Shukri, penggunaan lisan dalam penyampaian mesej lebih mudah difahami dan jelas. Tambahnya lagi, kaedah ini juga merupakan komunikasi secara langsung antara pensyarah dan pelajar. Walau bagaimanapun penyampaian tanpa lisan dilakukan sebagai pengukuhan.²⁵ Hanya terdapat seorang pensyarah yang gemar menyampaikan mesej kepada pelajar secara sentuhan. Bagi Puan Ainor, penggunaan kaedah ini mewujudkan hubungan akrab antara pensyarah dan pelajar di samping dapat menghilangkan jurang pembezaan antara keduanya.²⁶

c) Penerimaan pelajar terhadap mesej

Rajah 3.14: Penerimaan Terhadap Mesej



²⁴ Haslina Abdullah, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

²⁵ Mohammad Shukri Deraman, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

²⁶ Ainoor Mahfuzah Ahmad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013


Penerimaan pelajar terhadap mesej yang disampaikan adalah kayu pengukur bagi kejayaan sesuatu komunikasi dakwah pensyarah. Dalam aspek penerimaan pelajar, Rajah 3.14 menunjukkan seramai pensyarah (16 orang) mengatakan pelajar menerima secara positif terhadap mesej yang disampaikan dan namun demikian, mereka turut mengakui terdapat segelintir pelajar yang menunjukkan reaksi negatif. Hal ini diakui oleh tujuh orang) pensyarah. Menurut Puan Azlina, walaupun majoriti pelajar menerima secara positif terhadap penyampaian pensyarah, namun terdapat segelintir pelajar menunjukkan reaksi negatif kerana kurang berminat dengan modul pendidikan Islam.²⁷

3.3.5 Halangan dalam komunikasi dakwah pensyarah

Halangan dalam komunikasi boleh menjejaskan kualiti mesej yang hendak disampaikan. Sebaik mana pun mesej yang disampaikan, secanggih mana pun saluran yang digunakan dan sehebat mana pun seorang da'i dalam penyampaian, proses komunikasi akan gagal sekiranya halangan yang berada di dalamnya tidak diatasi. Hasil analisa temu bual bersama pensyarah terhadap halangan yang dihadapi dalam penyampaian ditunjukkan dalam Rajah 3.15, 3.16 dan 3.17.

a) Bentuk halangan yang dihadapi

Rajah 3.15: Bentuk Halangan Yang Dihadapi



²⁷ Azlina Muhammad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

Terdapat pelbagai bentuk halangan dalam komunikasi. Rajah 3.7 menunjukkan halangan utama dalam komunikasi dakwah pensyarah adalah kekurangan fasiliti (8 orang) dan kekurangan ilmu (8 orang). Menurut Puan Azmin, keadaan kelas yang tidak beraircond, kelas yang tidak mencukupi, jumlah pelajar yang melebihi kapasiti dan LCD projektor yang tidak berfungsi sememangnya mengganggu proses P&P dan menjejaskan fokus pelajar.²⁸ Menurut Haliza dan Joy, persekitaran pembelajaran yang kondusif berupaya merangsang pelajar berminat, bersemangat dan sentiasa bermotivasi untuk belajar. Iklim yang positif mewujudkan motif dalam diri pelajar ialah untuk cemerlang dalam pelajaran.²⁹

Masalah kekurangan ilmu juga menjadi faktor halangan dalam komunikasi pensyarah. Menurut Encik Kamaruddin, dalam era globalisasi ini, terdapat pelajar yang memiliki maklumat yang terkehadapan. Situasi ini menuntut para pensyarah sentiasa mempelajari ilmu-ilmu baru khususnya yang berkaitan dengan masalah fiqh selaras dengan kehendak pelajar.


Selain itu, bentuk halangan yang lain dalam penyampaian dakwah pensyarah ialah disebabkan sikap pelajar (lima orang) dan silibus yang sering berubah (seorang). Bagi Puan Mek Zah, sikap pelajar yang kurang fokus dan kurang berminat dengan modul pendidikan Islam sedikit sebanyak mengganggu proses penyampaian pensyarah.³⁰

²⁸ Nor Azmin Muhammad Salleh, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

²⁹ Haliza dan Joy Nesamalar , *Pengurusan Bilik darjah dan Tingkahlaku*,20

³⁰ Mek Zah Che Ahmad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 25 April 2013

b) Kaedah untuk menghadapi halangan



Merobohkan perkara-perkara yang menjadi halangan komunikasi dakwah pensyarah amat penting supaya matlamat komunikasi dapat dicapai. Hasil temu bual yang dilakukan, item 2 iaitu aspek kaedah pensyarah menghadapi halangan mendapati 11 orang pensyarah membuat aduan pelanggan kepada pihak pengurusan berkenaan kekurangan fasiliti yang dihadapi khususnya berkaitan pelaksanaan P&P, manakala 12 orang mengatakan meningkatkan ilmu pengetahuan supaya komunikasi dakwah antara pensyarah dan pelajar menjadi lebih lancar. Menurut Encik Luqman, para pensyarah perlu melalui proses pendidikan yang berterusan dalam usaha mengukuh dan menambahkan ilmu supaya ilmu yang dimiliki lebih sesuai dengan tuntutan semasa.³¹

c) Pendapat pensyarah demi kebaikan



³¹ Mohammad Luqman Mohammad Nasir, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Item 3 iaitu aspek pendapat pensyarah demi kebaikan bersama, Rajah 3.17 menunjukkan 10 orang pensyarah mengharapkan kekurangan fasiliti khususnya yang berkaitan P&P dapat dipertingkatkan kerana bagi Puan Zalypah, fasiliti yang berkualiti dapat melancarkan proses komunikasi dakwah pensyarah dan keselesaan serta kemudahan yang diperolehi sebagai pemudah cara dalam penyampaian pensyarah dan motivasi kepada pelajar.³² Seterusnya tujuh orang pensyarah mengatakan sikap saling bantu- membantu sesama pensyarah amat diperlukan sebagai usaha untuk meningkatkan mutu penyampaian dakwah dan demi melahirkan modal insan yang mengikut acuan Islam.

3.4 KESIMPULAN

Kajian pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar berdasarkan Model Komunikasi Dakwah Pensyarah mendapati para pensyarah berjaya menjalankan tugas mereka sebagai da'i dan berusaha memenuhi keperluan pelajar dari aspek memahami pemikiran, psikologi, fisiologi dan dakwah mereka. Begitu juga dalam aspek penggunaan media, kepelbagaian media telah digunakan bagi memudahkan komunikasi antara pensyarah dan pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlaku. Manakala dalam penggunaan *uslub*, majoriti pensyarah memilih *uslub* nasihat dan perbincangan dalam penyampaian dan faktor pemilihan *uslub* ini banyak dipengaruhi oleh keadaan pelajar itu sendiri. Selain itu, penyampaian mesej pensyarah merentasi tiga aspek utama dalam pendidikan Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Perbezaan hanya berlaku pada sudut penekanan pensyarah antara ketiga-tiga aspek tersebut. Kaedah penyampaian mesej pula majoriti pensyarah memilih berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan seterusnya dapat memberi kesan positif terhadap penerimaan mesej oleh pelajar walaupun lebih separuh daripada pensyarah mengatakan

³² Zalypah Hassan, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

terdapat respon yang negatif terhadap penyampaian mesej mereka. Sementara itu, hasil kajian mendapati pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam terdapat halangan apabila kekurangan fasiliti dan kekurangan ilmu.

BAB KEEMPAT

PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP KOMUNIKASI DAKWAH PENSYARAH

4.0 PENGENALAN

Bab ini membentangkan hasil kajian yang telah dianalisa. Data yang diperolehi melalui soal selidik daripada responden dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan SPSS 2.1. dapatan kajian bagi faktor demografi dianalisis dengan menggunakan kekerapan dan peratusan manakala soalan respon tetap bagi menjawab objektif kajian dinyatakan dalam bentuk min dan kekerapan. Hasil kajian ini akan memperlihatkan bagaimana penerimaan pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).


4.1 Analisis Faktor Demografi terpilih Responden.

Bahagian ini melaporkan analisis latar belakang responden yang terdiri daripada umur, jantina, jabatan pengajian dan soalan yang berkaitan kursus pendidikan Islam item 4 hingga 6. Analisis latar belakang responden seperti yang ditunjukkan dalam jadual dan rajah 4.1 hingga 4.9.

4.1.1 Umur pelajar

Secara umum, syarat kemasukan pelajar ke politeknik adalah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang lingkungan umur mereka antara 18 hingga 25 tahun. Rajah 4.1 taburan umur pelajar.

Rajah 4.1: Taburan Umur Pelajar



Berdasarkan Rajah 4.1, didapati bahawa umur pelajar yang paling ramai antara 18 hingga 19 tahun (169 orang) dan 20 hingga 21 tahun (61 orang). Manakala 22 hingga 23 tahun (sembilan orang) dan 24 hingga 25 tahun (seorang). Perbezaan umur ini disebabkan peringkat semester dan tahun pengajian pelajar yang tidak sama. Responden melibatkan pelajar semester tiga dan enam iaitu pelajar Kursus Tamadun Islam.

4.1.2 Jantina

Pada dasarnya pelajar PSA terdiri daripada lelaki dan perempuan. Jadual 4.1 menunjukkan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina.

Jadual 4.1: Jantina


Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	148	61.7
Perempuan	92	38.3
Total	240	100.0

Berdasarkan jadual 4.1 di atas jumlah responden keseluruhan 240 orang yang terdiri daripada 148 orang (61.7%) pelajar lelaki dan 92 orang (38.3%) pelajar perempuan. Oleh kerana PSA banyak menawarkan program-program berasaskan kejuruteraan, jumlah pelajarinya lebih dimonopoli oleh pelajar lelaki.

4.1.3 Jumlah pelajar mengikut jabatan.

Kajian telah dilakukan ke atas empat jabatan Akademik Induk di PSA. Rajah 4.2 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut jabatan. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) seramai 80 orang, Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) 63 orang, Jabatan Perdagangan (JPG) 51 orang dan Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) 45 orang.

Rajah 4.2: Taburan Jumlah Pelajar Mengikut Jabatan



4.1.4 Minat pelajar terhadap Kursus Pendidikan Islam

Hasil kajian yang dilakukan berkaitan persepsi pelajar terhadap minat mereka dalam pengajian Kursus Pendidikan Islam mendapati Rajah 4.2 menunjukkan 98.3% (236 orang) berminat dengan Kursus Pendidikan Islam dan 1.7% (empat orang) mengatakan tidak minat. Data kajian ini jelas membuktikan majoriti pelajar amat berminat dengan Kursus Pendidikan Islam yang ditawarkan di PSA.

Jadual 4.2: Minat Pelajar Terhadap Kursus Pendidikan Islam

Minat	Bilangan	Peratus (%)
Ya	236	98.3
Tidak	4	1.7
Total	240	100.0

4.1.5 Pencapaian Pelajar Dalam Kursus pendidikan Islam

Item 5 analisis latar belakang pelajar aspek pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam didapati 237 orang pelajar (98.8%) tidak pernah gagal dalam kursus pendidikan Islam dan tiga orang (13%) pernah mengalami kegagalan. Kegagalan ini adalah disebabkan masalah kehadiran tidak mencukupi 80% atau memperolehi markah yang rendah dalam ujian akhir.

Jadual 4.3: Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Pendidikan Islam

Pencapaian	Bilangan	Peratus
Pernah	3	1.3
Tidak Pernah	237	98.8
Total	240	100.0

4.1.6 Masalah kehadiran kelas Kursus Pendidikan Islam

Jadual 4.4 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan masalah kehadiran pelajar kelas Kursus Pendidikan Islam. Data kajian mendapati 91.7% pelajar (220 orang) tidak pernah menghadapi masalah kehadiran kelas manakala 8.3% pelajar (20 orang) pernah

menghadapi masalah kehadiran tidak mencukupi., Menurut Mohd Nasrin, hal ini berlaku kerana sikap malas pelajar untuk menghadiri kelas pendidikan Islam yang kebiasaan bermula pada jam 8.00 pagi, 11.30 pagi atau 2.00 petang walaupun wujud perasaan minat terhadap kursus tersebut. Selain itu, faktor jadual pengajian yang padat sedikit sebanyak menyumbang kepada permasalahan ini.¹ Hal tersebut turut disokong oleh (nama pelajar) yang mengatakan penjadualan pengajian yang padat bermula dari awal pagi sehingga ke petang amat memenatkan. Keadaan ini mendorong pelajar tidak hadir ke kelas walaupun yang terpaksa dihadapi sekiranya jumlah kehadiran kurang 80%.

Jadual 4.4: Taburan Jumlah Masalah Kehadiran Pelajar Kursus Pendidikan Islam

	Bilangan	Peratus (%)
Pernah	20	8.3
Tidak Pernah	220	91.7
Total	240	100.0

4.2 PENERIMAAN KOMUNIKASI DAKWAH PENSYARAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN PELAJAR DI POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Penerimaan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam dalam kalangan pelajar di PSA telah dianalisis melalui kaedah kuantitatif dengan menggunakan program SPSS terhadap soalan soal selidik dan pemerhatian yang dilakukan ke atas pelajar yang mengikuti Kursus Tamadun Islam di sini. Analisis data ini dibuat berpandukan Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar. Penilaian pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah bukan sekadar untuk penganalisan semata-mata malah sebagai kayu pengukur kepada pihak-pihak yang terlibat untuk membuat

¹ Mohd Nasrin Mohd Nor, (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis, 3 Julai 2013

penambahbaikan dan merangka sesuatu yang lebih baik untuk kebaikan bersama. Kajian penerimaan pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah dinilai berdasarkan lima kriteria utama iaitu tugas pensyarah sebagai da'i, penggunaan media, penyampaian mesej, penggunaan *uslub* pengajaran dan maklum balas/respon pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah.

4.2.1 Tugas Pensyarah Sebagai Da'i

Tugas seorang pensyarah bukan sekadar menyampaikan ilmu berdasarkan silibus yang telah ditetapkan malah pensyarah juga bertindak sebagai da'i yang bertanggungjawab membentuk anak didik mengikut acuan Islam dengan mentaati perintah Allah dalam mengharungi kehidupan seharian. Terdapat dua aspek penilaian tugas pensyarah sebagai da'i iaitu kepakaran dan personaliti yang dimiliki. Jadual 4.5 di bawah menunjukkan persepsi para pelajar terhadap tugas pensyarah sebagai da'i.

Jadual 4.5: Penerimaan Pelajar Tugas Pensyarah Sebagai Da'i

Perkara	Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kadang-kadang setuju	Setuju	Amat setuju	Jumlah	Min
Memiliki ilmu pengetahuan yang luas khususnya ilmu agama	2 (0.8%)	2 (0.8%)	29 (12.1%)	118 (49.2%)	89 (37.1%)	240 (100%)	4.21
Memiliki keyakinan terhadap ilmu yang disampaikan	1 (0.4%)	0 (0%)	21 (8.8%)	113 (47.1%)	105 (43.8%)	240 (100%)	4.34
Sentiasa merendah diri	1 (0.4%)	3 (1.3%)	29 (12.1%)	123 (51.3%)	84 (35%)	240 (100%)	4.19
Seorang yang mudah mesra	1 (0.4%)	2 (0.8%)	27 (11.3%)	100 (41.7%)	110 (45.8%)	240 (100%)	4.32
Seorang yang sabar	1 (0.4%)	1 (0.4%)	19 (7.9%)	99 (41.3%)	120 (50%)	240 (100%)	4.4
Seorang yang bersikap lemah-lembut	1 (0.4%)	2 (0.8%)	30 (12.5%)	95 (39.6%)	112 (46.7%)	240 (100%)	4.31

“ Jadual 4.5 sambungan”

Fasih/lancar dalam menyampaikan ilmu	1 (0.4%)	5 (2.1%)	47 (19.6%)	87 (36.3%)	100 (41.7%)	240 (100%)	4.17
Menepati masa	0 (0%)	5 (2.1%)	49 (20.4%)	114 (47.5%)	72 (30%)	240 (100%)	4.05
Seorang yang berdedikasi dan bersungguh-sungguh dalam penyampaian	1 (0.4%)	4 (1.7%)	33 (13.8%)	108 (45%)	94 (39.2%)	240 (100%)	4.21
Seorang yang kreatif dan inovatif dalam penyampaian	0 (0%)	7 (2.9%)	46 (19.2%)	104 (43.3%)	83 (34.6%)	240 (100%)	4.1

Berdasarkan jadual 4.5 menunjukkan bahawa nilai min tertinggi adalah 4.4 iaitu pensyarah seorang yang sabar manakala nilai min terendah adalah 4.05 iaitu menepati masa. Jadual ini menunjukkan 100% mencapai nilai min melebihi 4.0. Penilaian ini menunjukkan pelajar meletakkan kredibiliti pensyarah sebagai da'i pada tahap yang tinggi. Bagi penilaian aspek kepakaran pensyarah, keyakinan pelajar terhadap ilmu yang disampaikan seramai 218 orang iaitu 90.9% mengatakan amat bersetuju dan setuju dengan nilai min 4.34. Sementara itu pensyarah memiliki ilmu pengetahuan yang luas khususnya ilmu agama dengan nilai min 4.21 dan seorang yang kreatif dan inovatif dalam penyampaian dengan nilai min 4.1. Menurut Imam al-Ghazali, untuk menjadi seorang pendidik, memiliki ilmu pengetahuan amat penting kerana guru bersifat memberi dan adalah mustahil guru yang tidak berilmu dapat menyampaikan maklumat dengan baik. Menurutnya lagi, guru perlu beramal dengan ilmu yang disampaikan dan menyayangi pelajar seperti anak mereka sendiri.² Hal ini dapat dibuktikan dengan terdapat empat orang pensyarah yang memiliki kelayakan peringkat sarjana yang

² Mohd Azam Mahat, *Guru Pendidik, Pengajar @ Pendakwah?* (Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd, 2009), 23-24

mampu menjana perkongsian ilmu bersama pensyarah seterusnya penyampaian pengajaran terhadap pelajar menjadi lebih baik dan berkesan.

Manakala bagi aspek personaliti pensyarah, kajian menunjukkan penilaian pelajar paling rendah adalah pensyarah menepati masa iaitu 54 orang mengatakan kurang bersetuju dengan nilai min 4.05. Bagi penilaian tertinggi kajian mendapati seramai 219 orang (91.3%) mengatakan pensyarah seorang yang sabar dengan nilai min 4.4. Seterusnya pensyarah seorang yang mesra nilai min 4.32, memiliki sikap lemah-lembut (4.31), memiliki sikap dedikasi dan bersungguh-sungguh dalam penyampaian (4.21), merendah diri (4.19) dan fasih dan lancar dalam menyampaikan ilmu (4.17). Menurut Salhah dan Ainon, personaliti guru yang baik bukan sekadar memberi kesan kepada proses P&P, bahkan jiwa pelajar. Pengetahuan dan kemahiran interpersonal yang baik membuka ruang kepada pelajar untuk berkongsi masalah.³ Bagi Amir, sikap sesetengah pensyarah yang tidak menepati masa menyebabkan pelajar terpaksa menunggu dan secara tidak langsung menjejaskan kemahuan dan semangat untuk mengikuti proses P&P yang dijalankan.⁴ Hal ini turut disokong apabila kajian pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar, mendapati kesungguhan para pensyarah dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi memenuhi keperluan psikologi pelajar dengan mendekati, membimbing, memberi penghargaan ke arah menarik minat pelajar terhadap kursus pendidikan Islam.

4.2.2 Penggunaan Media dalam Penyampaian

Berdasarkan Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar, peringkat ini penilaian pelajar terhadap media yang digunakan oleh pensyarah dalam berkomunikasi.

³ Salhah Abdullah dan Ainon Mohd, *Guru Sebagai Mentor* (Kuala Lumpur:PTS Publishing Sdn. Bhd, 2007), 55-56

⁴ Amir Aziz, (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis, 3 Julai 2013

Penilaian pelajar merangkumi tiga aspek iaitu bahan pengajaran yang digunakan, peralatan dan medium komunikasi pensyarah dan pelajar.

Jadual 4.6 di bawah menunjukkan persepsi para pelajar terhadap penggunaan media komunikasi pensyarah terhadap pelajar.

Jadual 4.6: Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Media Komunikasi Pensyarah

Perkara	Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kadang-kadang setuju	Setuju	Amat setuju	Jumlah	min
Bahan pengajaran yang bersesuaian dan menarik minat pelajar	0 (0%)	5 (2.1)	72 (30%)	126 (52.5%)	6 (34%)	240 (100%)	3.81
Bahan yang digunakan relevan dengan objektif pengajaran	0 (0%)	1 (0.4%)	34 (14.2%)	155 (64.6%)	50 (20.8%)	240 (100%)	4.06
Tahap kesukaran bahan bacaan bersesuaian dengan pelajar	0 (0%)	4 (1.7%)	51 (21.3%)	139 (57.9%)	46 (19.2%)	240 (100%)	3.95
Peralatan yang digunakan dapat berfungsi dengan baik	1 (0.4)	5 (2.1%)	69 (28.8%)	123 (51.3%)	42 (17.5%)	240 (100%)	3.83
Kualiti audio cukup baik dan dapat didengar oleh pelajar	1 (0.4%)	6 (2.5%)	65 (27.1%)	129 (53.8%)	39 (16.3%)	240 (100%)	3.83
Alat pengajaran yang digunakan mudah dilihat dan didengar	0 (0%)	2 (0.8%)	51 (21.3%)	132 (55%)	55 (22.9%)	240 (100%)	4.00
Mudah didapati oleh pelajar contoh: buku teks mencukupi	1 (0.4%)	2 (0.8%)	52 (21.7%)	113 (47.1%)	72 (30%)	240 (100%)	4.05

“ Jadual 4.6 sambungan”

Mudah diakses oleh pelajar contoh: Facebook, WhatsApp sentiasa diaktifkan	4 (1.7%)	31 (12.9%)	92 (38.3%)	79 (32.9%)	34 (14.2%)	240 (100%)	3.45
Penggunaan peralatan media yang pelbagai dalam kelas contoh: Power point, video, mp3 dan lain-lain.	2 (0.8%)	11 (4.6%)	47 (19.6%)	112 (46.7%)	68 (28.3%)	240 (100%)	3.97

Aspek penilaian pertama berdasarkan bahan pengajaran yang digunakan. Jadual 4.6 menunjukkan bahan yang digunakan oleh pensyarah relevan dengan objektif pengajaran mendapat nilai min tertinggi iaitu 4.06, diikuti tahap kesukaran bahan bacaan bersesuaian dengan pelajar dengan nilai min 3.95 dan bahan yang bersesuaian dan menarik minat pelajar (min=3.81). Seterusnya penilaian aspek penggunaan medium komunikasi pensyarah dan pelajar. Majoriti pelajar tidak bersetuju medium komunikasi elektronik terkini seperti *Facebook* dan *WhatsApp* sentiasa diaktifkan oleh pensyarah. Ini dapat dilihat apabila 127 pelajar (52.9%) mengatakan demikian dengan nilai min 3.45. Menurut Indra Sardi, sikap sesetengah pensyarah yang tidak berminat dengan penggunaan medium komunikasi elektronik terkini menyukarkan pelajar mendapat maklum balas segera terhadap masalah yang dihadapi. Jadual pengajaran pensyarah dan jadual pengajian pelajar yang padat lebih menyukarkan keadaan ini kerana masa untuk perjumpaan secara bersemuka amat terbatas.⁵ Hal ini turut disokong dengan dapatan kajian ke atas pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan terhadap pelajar apabila hanya tiga orang pensyarah menggunakan medium komunikasi elektronik

⁵ Indra Sardi Muhamad, (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis , 3 Julai 2013

terkini tersebut. Selain itu, pelajar bersetuju bahawa nota pengajaran mudah didapati dengan nilai min tertinggi iaitu 4.05 dan mereka juga bersetuju alat pengajaran yang digunakan mudah didengar dan dilihat (min=4.00). Walau bagaimanapun, dapatan kajian pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah mendapati semua pensyarah audio visual dan *power point* sebagai media pilihan kerana berjaya menarik minat dan tumpuan pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, didapati 165 orang (68.8%) bersetuju bahawa peralatan yang digunakan berfungsi dengan baik dengan nilai min 3.83 dan 168 orang (70.1%) bersetuju bahawa peralatan audio yang digunakan dapat didengar dengan nilai min 3.83. Kajian juga mendapati pelajar bersetuju pensyarah menggunakan peralatan media yang pelbagai dalam kelas dengan nilai min 3.97 iaitu seramai 180 orang. Kepuasan pelajar terhadap media yang digunakan oleh pensyarah memberi kelebihan dan tolakan kepada penerimaan mereka terhadap komunikasi dakwah pensyarah. Kajian juga mendapati keupayaan pensyarah menggunakan media-media komunikasi yang bersesuaian mengikut arus semasa dan menepati cita rasa pelajar memberi nilai positif terhadap penyampaian pensyarah. Menurut Drs. Pawit M. Yusup, fungsi media amat penting dalam menggambarkan idea dan kehendak penyampai maklumat. Di samping itu, media juga berpengaruh merancang sasaran supaya sentiasa bermotivasi untuk mendengar mesej yang disampaikan dan seterusnya meningkatkan kefahaman pelajar serta menghindarkan guru berlebihan dalam penyampaian.⁶

4.2.3 Bentuk Penyampaian Mesej Pensyarah

Penyampaian dan penerimaan sesuatu mesej dalam proses komunikasi amat penting bagi menjayakan matlamat komunikasi itu sendiri. Terdapat pelbagai perkara yang perlu

⁶ Drs. Pawit M. Yusup, *Komunikasi Pendidikan Dan Komunikasi Instruksional* (Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, 1990), 73

diambil kira untuk memperoleh keberkesanan penyampaian mesej pensyarah terhadap pelajar. Penilaian penyampaian mesej pensyarah merangkumi aspek topik dan isi pengajaran, kesesuaian mesej dan bentuk mesej yang disampaikan.

Jadual 4.7 di bawah menunjukkan persepsi pelajar terhadap penyampaian mesej pensyarah.

Jadual 4.7: Penerimaan Pelajar Terhadap Penyampaian Mesej Pensyarah

Perkara	Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kadang-kadang setuju	Setuju	Amat setuju	Jumlah	min
Topik pengajaran yang sentiasa menarik dan mudah difahami	1 (0.4%)	2 (0.8%)	37 (15.4%)	136 (56.7%)	64 (26.7%)	240 (100%)	4.08
Topik pengajaran yang sentiasa segar dan semasa	0 (0%)	2 (0.8%)	39 (16.3%)	129 (53.8%)	70 (29.2%)	240 (100%)	4.11
Isi pengajaran yang relevan dengan objektif pengajaran	0 (0%)	1 (0.4%)	22 (9.2%)	146 (60.8%)	71 (29.6%)	240 (100%)	4.20
Topik perbincangan yang berkait dengan diri dan kehidupan pelajar	1 (0.4%)	1 (0.4%)	20 (8.3%)	134 (55.8%)	84 (35%)	240 (100%)	4.25
Sesuai dengan keperluan dakwah pelajar	1 (0.4%)	2 (0.8%)	20 (8.3%)	129 (53.8%)	88 (36.7%)	240 (100%)	4.25
Sesuai dengan tahap umur pelajar	1 (0.4%)	0 (0%)	13 (5.3%)	135 (56.3%)	91 (37.9%)	240 (100%)	4.31

“ Jadual 4.7 sambungan”

Maklumat yang ringkas, padat dan jelas	1 (0.4%)	1 (0.4%)	25 (10.4%)	124 (51.7%)	89 (37.1%)	240 (100%)	4.25
Bahasa yang mudah difahami	0 (0%)	1 (0.4%)	13 (5.4%)	119 (49.6%)	107 (44.6%)	240 (100%)	4.39

Berdasarkan jadual 4.7 menunjukkan min tertinggi adalah 4.39 iaitu bahasa yang mudah difahami manakala min terendah adalah 4.08 iaitu topik pengajaran yang sentiasa menarik dan mudah difahami. Jadual ini menunjukkan 100% mencapai nilai min melebihi 4.0. Ini menunjukkan para pelajar menyukai dan memahami serta menerima dengan baik mesej yang disampaikan oleh pensyarah iaitu dengan purata minnya 4.23. Menurut Michael Marland, komunikasi guru yang baik adalah kemampuan dalam menyampaikan maklumat tujuan dengan jelas, menggunakan perkataan dan bahasa yang mudah serta memfokuskan perkara-perkara yang penting. Beliau menegaskan lagi suara guru juga perlu jelas supaya saluran maklumat berlaku tanpa kekeliruan.⁷

Bagi Aspek topik dan isi pengajaran, kajian menunjukkan bahawa topik pengajaran yang berkait rapat dengan diri dan kehidupan pelajar memperoleh nilai min tertinggi iaitu 4.25 dengan jumlah 218 orang pelajar (90.8%) mengatakan bersetuju. Sementara itu, isi pengajaran relevan dengan objektif pengajaran nilai min 4.20, manakala topik pengajaran sentiasa segar dan semasa nilai min 4.11 dan topik pengajaran sentiasa menarik dan mudah difahami nilai min 4.08. Hal ini diakui oleh Nor Amira yang mengatakan bahawa setiap topik yang diajar oleh pensyarah sama ada

⁷ Michael Marland, Seni Mengelola Kelas: Tugas Dan Penampilan Seorang Guru, cet. 2,(Dahara Prize: Samarang, 1987), 101-102

aspek akidah, ibadah atau akhlak pasti dikaitkan dengan kehidupan realiti pelajar kerana kaedah ini memudahkan kefahaman dan mewujudkan situasi pembelajaran yang dekat dengan diri pelajar.⁸ Manakala aspek kesesuaian mesej yang disampaikan 94.2% pelajar (226 orang) bersetuju bahawa mesej yang disampaikan sesuai dengan umur mereka dengan nilai min 4.31 ikuti dengan mesej sesuai dengan keperluan dakwah pelajar iaitu 90.5% pelajar (217 orang) mengatakan bersetuju bersetuju dengan nilai min 4.25. seterusnya aspek bentuk mesej yang disampaikan, seramai 226 orang (94.2%) bersetuju bahasa yang digunakan mudah difahami dengan nilai min 4.39 manakala maklumat yang ringkas, padat dan jelas dalam penyampaian mesej mendapat nilai min 4.25 iaitu 213 orang (88.8%).

4.2.4 *Uslub* Penyampaian Pensyarah (Gaya Penyampaian)

Uslub atau gaya penyampaian pensyarah yang pelbagai dan bersesuaian dengan pelajar memudahkan lagi pemahaman dan penerimaan terhadap komunikasi dakwah yang disampaikan.

Jadual 4.8: Penerimaan Pelajar Terhadap *Uslub* Penyampaian Pensyarah

Perkara	Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kadang-kadang setuju	Setuju	Amat setuju	Jumlah	Min
Pensyarah sering memberi motivasi kepada pelajar	1 (0.4%)	1 (0.4%)	29 (12.1%)	124 (51.7%)	85 (35.4%)	240 (100%)	4.21
Pensyarah sering memberi nasihat yang baik kepada pelajar	0 (0%)	0 (0%)	12 (5%)	135 (56.3%)	93 (38.8%)	240 (100%)	4.34

⁸ Nor Amira Azmi, (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis, 3 Julai 2013

“Jadual 4.8 sambungan”

Pensyarah sering memberi peringatan tentang perkara yang dilarang dalam agama	1 (0.4%)	0 (0%)	11 (4.6%)	111 (46.3%)	117 (48.8%)	240 (100%)	4.43
Pensyarah sentiasa berbincang dengan pelajar tentang perkara yang tidak difahami	1 (0.4%)	1 (0.4%)	19 (7.9%)	135 (56.3%)	84 (35%)	240 (100%)	4.25
Pensyarah bertutur dengan lemah lembut	1 (0.4%)	0 (0%)	15 (6.3%)	99 (41.3%)	125 (52.1%)	240 (100%)	4.45
Tutur kata yang sopan	0 (0%)	0 (0%)	10 (4.2%)	96 (40%)	134 (55.8%)	240 (100%)	4.52
Pensyarah menyampaikan fakta dengan ringkas dan padat	1 (0.4%)	0 (0%)	22 (9.2%)	121 (50.4%)	96 (40%)	240 (100%)	4.30

Berdasarkan jadual 4.8 iaitu penerimaan pelajar terhadap *uslub* atau gaya penyampaian pensyarah mendapati 95.4% (229 orang) pelajar bersetuju bahawa pensyarah menjauhi perkataan yang kesat iaitu dengan nilai min 4.58 dan bersetuju pensyarah menggunakan tutur kata yang sopan (min=4.52). Selain itu pelajar juga bersetuju bahawa pensyarah bertutur dengan lemah-lembut (min=4.45) diikuti 228 orang (95.1%) dengan nilai min 4.43 mengatakan pensyarah sering memberi peringatan tentang perkara yang dilarang dalam agama. Seterusnya 95.1% (228 orang) pelajar bersetuju bahawa pensyarah sering memberi nasihat yang baik kepada mereka dengan nilai min 4.34 manakala 90.4% (217 orang) dengan nilai min 4.30 mengatakan pensyarah menyampaikan fakta dengan ringkas dan padat. Selain itu didapati 91.3% (219 orang) bersetuju bahawa pensyarah sentiasa berbincang dengan

pelajar tentang perkara yang tidak difahami dengan nilai min 4.25 manakala 87.1% (209 orang) dengan nilai min 4.21 bersetuju mengatakan bahawa pensyarah sering memberi motivasi kepada pelajar. Kajian mendapati secara keseluruhan pelajar bersetuju dan dapat menerima dengan baik terhadap *uslub* atau gaya penyampaian pensyarah dengan purata min sebanyak 4.38.

4.2.5 Maklum balas/Respon Pelajar Terhadap Komunikasi Dakwah Pensyarah

Berdasarkan Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar, peringkat yang terakhir adalah untuk mengukur maklum balas/respon pelajar terhadap komunikasi yang dilaksanakan. Hasil ini bertujuan untuk menilai tahap penerimaan pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah dan pembentukan sikap dengan memiliki nilai-nilai positif dalam diri sebagai pelajar Muslim umumnya dan hamba Allah khususnya.

Jadual 4.9: Taburan Maklum Balas/Respons Pelajar Terhadap Komunikasi Dakwah

Perkara	Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kadang-kadang setuju	Setuju	Amat setuju	Jumlah	Min
Komunikasi dengan pelajar baik	1 (0.4%)	0 (0%)	9 (3.8%)	130 (54.2%)	100 (41.7%)	240 (100%)	4.37
Menghormati pandangan pelajar	1 (0.4%)	0 (0%)	13 (5.4%)	122 (50.8%)	104 (43.3%)	240 (100%)	4.37
Pelajar lebih mendekati diri kepada Allah	1 (0.4%)	0 (0%)	13 (5.4%)	119 (49.6%)	107 (44.6%)	240 (100%)	4.38
Lebih mengetahui tentang rukun Islam dan rukun iman	1 (0.4%)	0 (0%)	10 (4.2%)	111 (46.3%)	118 (44.6%)	240 (100%)	4.44
Bertambah yakin dalam melakukan ibadah	1 (0.4%)	0 (0%)	9 (3.8%)	115 (47.9%)	115 (47.9%)	240 (100%)	4.43

“Jadual 4.9 sambungan”

Tidak meninggalkan solat	1 (0.4%)	1 (0.4%)	31 (12.9%)	115 (47.9%)	92 (38.3%)	240 (100%)	4.23
Kerap membaca al-Quran	2 (0.8%)	1 (0.4%)	50 (20.8%)	123 (51.3%)	64 (26.7%)	240 (100%)	4.03
Lebih menghormati ibu bapa, pensyarah dan rakan-rakan	1 (0.4%)	0 (0%)	14 (5.8%)	117 (48.8%)	108 (45%)	240 (100%)	4.38
Menjauhi maksiat	1 (0.4%)	1 (0.4%)	23 (9.6%)	110 (45.8%)	105 (43.8%)	240 (100%)	4.32
Menjaga adab berpakaian dan batas pergaulan	1 (0.4%)	2 (0.8%)	21 (8.8%)	110 (45.8%)	106 (44.2%)	240 (100%)	4.33

Jadual 4.9 ialah maklum balas/respon pelajar terhadap penyampaian komunikasi dakwah pensyarah. Kajian menunjukkan bahawa seramai 224 (93.3%) responden bersetuju dan menerima baik pengajaran yang disampaikan pensyarah pendidikan Islam manakala yang selebihnya 16 orang (6.6%) kurang bersetuju. Menurut Puan Nor Azmin selaku Ketua Kursus Pendidikan Islam, sikap pelajar yang kurang penghayatan dan memiliki pengetahuan agama hanya pada teori sahaja menyebabkan kelompok kecil ini kurang mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan mereka bahkan mereka juga tidak meminati Kursus Pendidikan Islam.⁹

Penilaian pelajar dari aspek penerimaan mereka terhadap komunikasi dakwah pensyarah, jadual 4.9 menunjukkan 230 orang (96%) bersetuju bahawa pensyarah berkomunikasi dengan baik terhadap pelajar dan hanya 10 orang (4%) kurang bersetuju.

⁹ Nor Azmin Salleh Muhammad Salleh (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

Selain itu, seramai 226 orang (94%) bersetuju mengatakan pensyarah menghormati pandangan pelajar dengan nilai min 4.37. Seterusnya penilaian terhadap nilai-nilai positif yang dimiliki pelajar hasil respon mereka terhadap komunikasi dakwah pensyarah, hasil kajian menunjukkan pelajar lebih mengetahui tentang Rukun Islam dan Rukun Iman iaitu seramai 229 orang (90.9%) dengan nilai min tertinggi sebanyak 4.44. Di ikuti seramai 230 orang (95.8%) dan nilai min 4.43 mengatakan bertambah yakin dalam melakukan ibadah. Selain itu, 226 orang (94.2%) didapati lebih mendekati diri kepada Allah dengan nilai min 4.38 manakala 225 orang (93.8%) bersetuju lebih menghormati ibu bapa, pensyarah dan rakan-rakan dengan nilai min 4.38.

Seterusnya kajian mendapati seramai 216 orang (90%) bersetuju menjaga adab berpakaian dan batas pergaulan dan selebihnya 24 orang (10%) kurang bersetuju dengan nilai 4.33. Selain itu, 215 orang (89.6%) bersetuju bahawa mereka menjauhi maksiat dengan nilai min 4.32 dan tidak meninggalkan solat 207 orang (86.2%) dan (min=4.23). Manakala 187 orang (78%) bersetuju kerap membaca al-Quran dan 53 orang (22%) kurang bersetuju (min=4.03). Bagi Azrin, amalan membaca al-Quran sama ada selepas solat atau di waktu terluang jarang dilakukan kerana sikap malas.¹⁰ Secara keseluruhan maklum balas/respon pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah, kajian mendapati pelajar dapat menerima secara positif komunikasi dakwah yang disampaikan dengan purata min keseluruhan 4.38 dalam skala setuju. Penerimaan pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah ini memberi nilai tambah kepada tugas pensyarah sebagai da'i yang bertujuan untuk membentuk sikap dan sahsiah baik dalam kalangan pelajar.

¹⁰ Azrin Jamri (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis, 3 Julai 2013

4.3 KESIMPULAN

Kajian mendapati bahawa umur pelajar majoritinya antara 18 hingga 19 tahun iaitu kelompok remaja yang sentiasa memerlukan perhatian dalam menghadapi gelombang keremajaan mereka. Selain itu, pelajar yang majoritinya adalah lelaki menunjukkan minat yang tinggi terhadap kursus pendidikan Islam yang dipelajari dan peratus kelulusan mereka terhadap kursus ini juga amat baik. Namun walaupun tahap minat dan peratus kelulusan mereka dalam pendidikan Islam amat tinggi, masalah kehadiran kurang 80% tetap wujud disebabkan sikap malas, jadual pengajian yang padat dan waktu pembelajaran pendidikan Islam kebiasaannya di awal pagi (jam 8.00) dan di sebelah petang (2.00 petang). Hasil kajian penerimaan pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah yang merangkumi aspek tugas pensyarah sebagai da'i, penggunaan media dalam penyampaian, *uslub* yang digunakan, mesej dalam penyampaian dan respon/reaksi pelajar mendapati keseluruhannya berada dalam skala bersetuju. Walau bagaimanapun merujuk kepada hasil kajian respon/reaksi pelajar masih terdapat kepincangan yang perlu diperbetulkan daripada pelbagai pihak khususnya pihak pengurusan, pensyarah dan pelajar itu sendiri demi kebaikan bersama.

BAB LIMA

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Komunikasi dakwah yang berkesan dan mampu memenuhi keperluan mad'u dalam usaha mentarbiyah mereka ke arah *amar makruf nahi mungkar* sewajarnya bertindak sebagai wahana dalam pembentukan akhlak, sahsiah dan perubahan sikap. Justeru itu, pensyarah pendidikan Islam yang berperanan sebagai da'i secara langsung perlu memiliki kemahiran dalam penyampaian dakwah melalui proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi menghapuskan kejahilan ilmu dan keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Selagi masih wujud kepincangan di peringkat pelaksanaan pasti memberi kesan pada peringkat penerimaan.

5.1 RUMUSAN

Islam diturunkan oleh Allah SWT melalui utusanNya Nabi Muhammad SAW dengan lengkap dan syumul merangkumi ruang lingkup kehidupan manusia. Rasulullah SAW merupakan pendakwah terhebat dan guru terbaik dalam menjalankan tugas menyebarkan syiar Islam. Kini, telah menjadi tanggungjawab manusia meneruskan tugas berdakwah bagi mengajak masyarakat ke arah kebenaran. Usaha berdakwah memerlukan perancangan dan strategi yang bersesuaian dengan sasaran kerana tujuan dakwah adalah untuk didekati bukan untuk dijauhi. Dakwah pada abad ini memerlukan pendekatan baru supaya dapat diterima umum di samping mengutarakan isu-isu yang relevan dengan kehendak masyarakat. Profesion seorang pensyarah pendidikan Islam prinsip utamanya adalah untuk mengajar dan mendidik serta membimbing pelajar ke arah mentaati Allah dan mengeluarkan mereka dari kejahilan, kealpaan dan kehinaan akibat daripada kekurangan ilmu pengetahuan khususnya ilmu agama.

Komunikasi dalam Islam bukan sekadar menyampai dan menerima mesej seterusnya memberi respon bahkan penyampaian maklumatnya melalui metode *habluminallah*, *habluminannas* dan *muhasabah* yang menghasilkan interaksi sosial ke arah menjalinkan hubungan silaturahim. Walaupun elemen-elemen yang mendokong konsep komunikasi Islam dan Barat adalah sama iaitu penyampai, penerima, saluran, mesej dan maklum balas, namun komunikasi dalam Islam begitu menitikberatkan nilai-nilai berlandaskan syariat dalam penyampaian supaya segala bentuk fakta mesti bertunjangan kebenaran dan menjauhi fitnah. Ini kerana maklumat yang diterima akan membentuk pegangan dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat manakala komunikasi Barat lebih memfokuskan aspek kefahaman dan keserasian yang membolehkan maklumat dicerna dan difahami bersama.

Kajian ini secara umumnya telah berjaya menjelaskan konsep komunikasi dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah. Komunikasi dakwah merupakan komunikasi yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, membawa mesej syar'i iaitu mengajak manusia ke arah mentaati Allah dengan pendekatan yang penuh hikmah demi perubahan sikap mad'u ke arah yang lebih baik. Kajian ini telah mengenal pasti semua pensyarah pendidikan Islam (16 orang) telah menyampaikan pengajaran dan pembelajaran berlandaskan konsep komunikasi dakwah. Konsep komunikasi dakwah yang dibentuk berdasarkan model komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar yang mengandungi pensyarah sebagai da'i, pelajar sebagai mad'u, mesej, media dan *uslub* sebahai *wasilah* dapat membantu pensyarah dalam penyampaian mereka. Kelima-lima elemen ini berhubungkait dalam proses penyampaian pensyarah pendidikan Islam diperingkat pelaksanaan dan telah menghasilkan penerimaan yang baik di kalangan pelajar.

Pada peringkat pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kajian telah mengenal pasti pensyarah pendidikan Islam telah menjalankan pelbagai aktiviti dan menggunakan pelbagai pendekatan bagi memenuhi keperluan psikologi, fisiologi dan dakwah pelajar berdasarkan tahap pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar itu sendiri. Proses komunikasi dakwah pensyarah yang berlaku sama ada di dalam atau di luar kelas telah menekankan tiga aspek utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak yang bersesuaian dengan mesej dakwah. Kemahiran pensyarah dalam pemilihan media yang bersesuaian dengan kehendak pelajar seperti pengajaran berbentuk virtual dan penggunaan medium komunikasi semasa berjaya menarik minat dan kefahaman pelajar yang merupakan objektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pensyarah juga berkebolehan menggunakan *uslub* yang menepati luns dakwah sepertimana firman Allah SWT dalam surah *al-Nahl* ayat 125. Namun begitu, kekurangan fasiliti dan kekurangan ilmu yang merupakan halangan utama dalam penyampaian perlu diatasi segera kerana aspek kekurangan ini mampu memberi impak yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya penerimaan pelajar terhadap komunikasi dakwah pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran, kajian mendapati pelajar meletakkan nilai kredibiliti yang tinggi terhadap tugas pensyarah sebagai da'i. Ci-ciri pendakwah yang berkaliber seperti memiliki ilmu pengetahuan yang luas, berkeyakinan dan memiliki keperibadian yang unggul menghasilkan maklum balas positif di kalangan pelajar. Manakala dalam penggunaan media komunikasi pensyarah pula, pelajar bersetuju media yang digunakan amat baik dan membantu pemahaman mereka terhadap pengajaran yang disampaikan. Walau bagaimanapun pensyarah didapati kurang

menggunakan media sosial yang lebih digemari oleh pelajar seperti *Facebook* dan *WhatsApp* bagi komunikasi yang berlaku di luar kelas.

Penerimaan pelajar dalam penyampaian mesej pensyarah pula, secara keseluruhan para pelajar dapat menerima dengan baik mesej yang disampaikan kerana pensyarah berjaya menampilkan topik-topik yang menarik dan relevan dengan keperluan dakwah mereka. Manakala aspek penggunaan *uslub* pula, pensyarah berjaya menggunakan *uslub-uslub* yang menarik minat dan pemahaman pelajar dalam pembelajaran bahkan pelajar mengakui pensyarah sentiasa menjaga tutur kata sepanjang proses penyampaian. Seterusnya aspek maklum balas/respon pelajar terhadap penyampaian pensyarah dapat dirumuskan pelajar memberi respon yang positif terhadap komunikasi dakwah pensyarah. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir pelajar yang memberi respon negatif. Hal ini di dorong oleh sikap tidak minat dan ambil mudah tentang pendidikan Islam.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Sepanjang kajian dijalankan ternyata pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah dilakukan sebaik mungkin dan dapat diterima secara positif. Komunikasi dakwah pensyarah yang berkesan amat penting kerana nilai kepercayaan dan tanggungjawab yang diberikan pelajar terhadap mereka bakal mencorakkan masa depan generasi akan datang kerana setiap yang disampaikan bakal membentuk kepercayaan dan pegangan. Justeru itu, para pensyarah perlu sentiasa memperbaiki kelemahan dan menjauhi kejahilan dalam penyampaian mereka.

Berdasarkan kajian dan keputusan yang diperolehi, beberapa cadangan dan saranan kepada pihak yang terlibat dalam usaha memperbaiki proses komunikasi dakwah pensyarah seterusnya membantu mempertingkatkan lagi tahap penerimaan pelajar terhadap penyampaian mereka. Secara umum, lima pihak terlibat secara langsung iaitu pelajar (individu), pensyarah, pihak pengurusan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan kerajaan

5.2.1 Pemantapan Pengajaran Dan Pembelajaran

Pensyarah merupakan individu yang memainkan peranan utama dalam menjayakan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian mendapati masalah kekurangan ilmu yang dihadapi oleh pensyarah perlu diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan dan pensyarah itu sendiri kerana dunia pendidikan merupakan dunia keilmuan yang menuntut para pensyarah sentiasa melalui proses belajar supaya ilmu yang disampaikan sentiasa relevan dengan tuntutan semasa. Oleh itu merujuk kepada permasalahan ini adalah dicadangkan pihak pengurusan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah memperbanyakkan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang pengajaran pensyarah bagi memantapkan ilmu dan meningkatkan kompetensi mereka.

5.2.2 Meningkatkan Kualiti Fasilitis

Pihak pengurusan PSA sewajarnya memberi perhatian dalam usaha meningkatkan kualiti fasilitis yang merupakan aspek yang penting dalam keberkesanan proses penyampaian pensyarah. Masalah kekurangan fasilitis yang dihadapi oleh para pensyarah seperti kekurangan LCD projector dan suasana kelas yang kurang selesa sewajarnya diberi perhatian utama kerana mampu menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga sejajar dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau yang bertaraf dunia. Setiap pelajar

yang menjejaki kaki ke IPT pasti mengharapkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dialami lebih menyeronokkan dan berkualiti. Selain itu, pihak Kementerian Pendidikan melalui wakilnya perlu sentiasa turun padang untuk melihat sendiri masalah-masalah yang dihadapi oleh institusi-institusi pengajian khususnya perkara-perkara yang melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran seperti meningkatkan prasarana yang kondusif dan berkualiti demi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran menyeronokkan dan bermotivasi.

5.2.3 Menggunakan Medium Komunikasi Terkini

Medium komunikasi amat penting dalam membentuk jaringan perhubungan antara pensyarah dan pelajar. Kajian mendapati sikap sesetengah pensyarah yang tidak berminat dengan penggunaan medium komunikasi elektronik semasa seperti *Facebook* dan *WhatsApp* yang menjadi fenomena terhadap pengguna telekomunikasi kini menyukarkan pelajar untuk mendapat maklum balas segera terhadap masalah yang dihadapi. Oleh itu adalah dicadangkan supaya pensyarah lebih terbuka dengan penggunaan alat komunikasi semasa dan sentiasa mengaktifkan menggunakannya supaya mudah diakses oleh pelajar. Para pensyarah perlu menghilangkan sedikit *privacy* demi kebaikan dan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

5.2.4 Menambah Baik Kurikulum Pendidikan Islam

Pihak Jabatan Pengajian Politeknik perlu menambah baik kurikulum yang ada dalam pendidikan Islam supaya transformasi yang dilaksanakan seiring dengan pembangunan insaniah pelajar. Pihak jabatan disarankan supaya memperkenalkan Modul Komunikasi Dakwah yang telah banyak diguna pakai oleh institusi-institusi pengajian lain di Malaysia. Modul ini penting dalam membantu meningkatkan lagi kemahiran *soft skill* di kalangan pelajar yang amat diperlukan dalam pengajian dan bidang pekerjaan masa

kini. Modul komunikasi Dakwah juga dapat meningkatkan lagi hubungan antara pensyarah dan pelajar kerana pemahaman terhadap komunikasi dapat memberi kesan dalam perhubungan khususnya dalam porses pengajaran dan pembelajaran.

5.3 KESIMPULAN

Komunikasi merupakan kehidupan manusia. Sama ada Islam atau Barat, peranan komunikasi dalam menyampaikan maklumat bagi menjalinkan hubungan manusia amat penting dan juga sebagai melunaskan matlamat komunikasi itu sendiri. Komunikasi menurut Barat lebih bermatlamatkan kepada perkongsian idea, perasaan dan tindakan iaitu konsep ‘penggunaan bersama’. Sesuatu proses komunikasi telah mencapai matlamat sekiranya mesej yang dihantar dapat difahami oleh penerima seterusnya memberi respon yang sejajar dengan kehendak maklumat. Manakala komunikasi Islam lebih menekankan nilai kebenaran, bermatlamat dan berprinsip ke arah mengajak manusia kepada kebaikan dunia dan akhirat berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, komunikasi dakwah di kalangan pensyarah terhadap pelajar perlu memberi impak yang besar kepada perubahan dalam kehidupan mereka dengan mengikut acuan Islam. Pensyarah sebagai agen dakwah perlu sentiasa prihatin dan memperbaiki penyampaian supaya sejajar dengan keperluan pelajar dan kehendak semasa.

BIBLIOGRAFI

Ab. Aziz Mohd Zain, *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2001.

Ab. Aziz Mohd Zin et al. *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.

Ab. Aziz Mohd Zin et al. *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Ab. Aziz Mohd. Zin. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.

Ab. Aziz bin Mohd Zin ,” Minhaj Dakwah Masakini: Suatu Pengenalan,” *Jurnal Usuluddin* 3 (1995), 80.

Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali . *Dakwah Dan Cabaran De-Islamisasi Di Malaysia*. Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd, 2008.

Abdullah Hassan Aion Mohd. *Komunikasi Untuk Pemimpin*. Pahang: PTS PROFESSIONAL Publishing Sd. Bhd, 2005.

Abdullah Hassan . *Komunikasi Untuk Pendakwah*. Pahang : PTS Pub & Dist Sdn. Bhd, 2002

Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat, Ideris Endot. *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.

Abdullah Hassan dan Aion Mohd. *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari* .Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd, 2000.

Abdullah Hassan dan Aion Mohd., *Seni Bercakap-cakap & Berbual-bual*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributots Sdn. Bhd, 2001.

Abdullah Hassan Aion Mohd. *Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah* .Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2006.

Abdul Salam Yussof. *Idea-idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali dan Konfusius* .Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.

Abd. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran* .Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors sdn Bhd, 2003.

Abdul Kareem Zaidan. *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, terj. H.M. Asywadi Syukur LC .Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam, 1982.

Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin & Al-Qasimi Ad-Dimasqi/ Penel Penterjemah, *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali* .Selangor: Illusion Network, 2007.

Ahmad Zabidi bin Abdul Razak dan Fathiah binti Saini . “*Kepimpinan Pengajaran Daripada Perspektif Islam Ke Arah Pembentukan Komuniti Sekolah Yang Cemerlang,*” *Masalah Pendidikan* ,Universiti Malaya, 2006.

Akmal Hj. Mhd.Zain . *Bimbingan Berdakwah Pendekatan Yang Berkesan Di Alaf Baru.* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers,2001.

Aminudin Basir@ Ahmad, Mohamad Sabri Haron, & Nik Yusri Musa , “*KebebasanMedia Komunikasi Menurut Perspektif Islam,*” *Jurnal Hadhari* 2 (2009), 82

Arena bt Che Kasim. *Pembangunan Manusia Menurut Islam Dan Barat* .Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Azhar Hj Walid dan Zawawi Jahya. *Pendidikan Modal Insan* . Perak: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2009.

Azlina Binti Muhammad , “ Penghuni Raudhatus sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang Dan Faktor Salahlaku” Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

Badlihisam Mohd Nasir .“*Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Dato’ Dr. Siddiq Fadhil,*” *Jurnal Usuluddin* 27,(2008):1-2

Badruzaman bin Baharom .”Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Remaja di Daerah Pontian Johor”. Laporan Kajian Peringkat Sarjana Universiti Teknologi Malaysia,Johor,2006.

Baharom Mohamad, Ali Suradin dan Za’aba Helmi Khamisan ,”Peranan Pendidikan Islam Dan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti”. Makalah, Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia , 22-23 oktober 2008.

Chua Yan Piaw. *Kaedah Pemyelidikan* Ed. Ke-2. Malaysia:McGraw-Hill Sdn.Bhd, 2011.

D.Lawrence Kincaid & Wilbur Schramm. *Asas-Asas Komunikasi Antara Manusia*,terj. Ronny Adhikarya .Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1976.

Danial Zainal Abidin. *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*,ed. Ke-2. Kuala Lumpur :PTS Publication & Distributor Sdn.Bhd, 2003.

Farah Dina Abd. Manaf dan Huzaimah Hj. Ismail. “Metode Komunikasi Dakwah,” dalam *Islam Dan Komunikasi*, ed. S.Salahuddin Suyurno, Huzaimah Hj. Ismail dan Aini Faezah Ramlan .Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara, 2007.

Faridah Binti Mohd Sairi .”Komunikasi Dakwah Kepada Golongan Remaja Di Kampung Kanchong Darat Banting Selangor”. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur,2006.

- Fuad Hassan dan Koentjaraningrat .*Beberapa Asas Metodologi Ilmiah* . Jakarta: T.P,1976.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam: Ibnu Sahnun, al-Qabsi dan Ibnu Khuldun* .Selangor:PTS Publication & Distributorn Sdn Bhd , 2005.
- Ghazali Sulaiman. “*Komunikasi Islam* ,”dalam *Islam dan Komunikasi* ,ed. S.Salahudin Suyurno et al .Shah Alam : Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara,2007).
- Ghazali Sulaiman, “ *Media Komunikasi Islam*” dalam *Islam dan Komunikasi*, ed. S.Salahudin Suyurno et al. Shah Alam : Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2007.
- Ghazali Darusalam. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1996.
- Ghazali Sulaiman. “*Media Komunikasi Islam*,” dalam *Islam Dan Komunikasi*, ed. S.Salahuddin Suyurno, Huzaimah Hj. Ismail dan Aini Faezah Ramlan (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara, 2007.
- Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel, *Pengurusan Bilik darjah dan Tingkahlaku* .Kuala Lumpur: Oxford fajar Sdn Bhd, 2009.
- Hasan Al-Bana. *Detik-detik Hidupku*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1990.
- Hashim Deraman et al., “*Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*,” dalam *Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Kepimpinan Pendidikan*, ed. Sulaiman Md Yassin, Mohd salleh Lebar dan Azlina Abu Bakar .Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd, 2002.
- Hayyun Bin Haji Nawawi .”*Metodologi Dakwah Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Kepada Pesalah Jenayah Syariah (USAT).Kajian Kes Di Daerah Melaka Tengah*”. Tesis Sarjana,Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- Huzaimah Hj. Ismail & Baterah Alias .“*Dakwah Dan Kewajipan*”dalam *Islam dan Komunikasi*, ed. S.Salahudin Suyurno et al .Shah Alam : Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara,2007.
- Ibnu Qasim dan Abu M.Baqir. *Bagaimana Menyeru Kepada Islam*,terj. Al-Ustadh Fathi Yakan .Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1987.
- Idris Awang ,*Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor:Kamil & Shakir Sdn.Bhd, 2009.
- Intelek Malay-English Dictionary. Kuala Lumpur: Arus Interlek Sdn Bhd, 1996.
- Jack G. McAuley .*Komunikasi Antara Manusia Ciri-ciri Penting Dalam Komunikasi Peribadi dan Komunikasi Awam*, terj. Mohd. Safar Hashim dan Fatimah Yusoof .Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia,1999.

- John Arul Phillipis. *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan* . Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1997.
- Jum'ah Amin Abdul Aziz. *Fiqih Dakwah*. Pajang Solo: Era Intermedia,2008.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Kamus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd, 2008.
- Kamus Bahasa Melayu*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd, 2006.
- Kamus Dewan Bahasa –Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu* , Ed. ke-2 .Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Kamus Dewan* , Ed. ke-3. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002.
- Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Ed. Ke- 4, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd, 2008.
- Kamus Melayu Global*, ed. Ke-2 .Selangor: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd,1997.
- Khairuddin Hashim, “*Konsep Virtual Dalam Pendidikan* ,”dalam Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat Dan Komunikasi ,ed. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000)
- Lokman Ab. Rahman .*Pengurusan Islam :Etika, Komunikasi dan Motivasi*. Melaka:Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), 1997.
- Mohd Ali Bin Hashim. ”Pendidikan Islam Dan Elektif Pengajian Islam Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kajian Terhadap Pembentukan Dan Pencapaian Objektifnya” .Tesis kedoktoran, Program Pegajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur,2001.
- Mahmud al-Misri Abu Ammar, *Ensiklopedia Akhlak Muhammad SAW*, Ed. Ke-2, terj. Abdul Amin, M.Abidun Zuhri, Hunainah M. Thahir Makmun dan Mohamad Ali Nursidi. Jakarta: Pena Pundi Aksara, 2011.
- Maimunah Osman, *Komunikasi Berkesan Hubungan Interpersonal* .Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, 2000.
- Mary Munter . *Guide To Managerial Communication. Effective Business Writing And Speaking*, ed. Ke-7. America:PEARSON Prentice Hall,2006.
- Michael Marland, *Seni Mengelola Kelas: Tugas Dan Penampilan Seorang Guru*, cet. 2,: Samarang: Dahara Prize, 1987.
- Mohd Azam Mahat. *Guru Pendidik, Pengajar Atau Pendakwah?* .Selangor: Karisma Publication Sdn Bhd, 2009.
- Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad. *Pengantar Komunikasi* .Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2003.

Mohd Lutfi Ahmad. "Sekolah Menengah Teknik Kajang, Selangor: Kajian Tentang Metode Pengajaran Pendidikan Islam". Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

Mohd Sabri bin Ismail, "Konsep Dakwah Dan Strategi Perlaksanaan Menurut Surah An-Nahl:125," dalam *Isu-isu Kontemporari Akidah Dan Dakwah*, ed. Mohd Sabri bin Ismail Batu Pahat:Penerbit Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Mohd Yahya Mohamed Ariffin. *Komunikasi Imam Shafie Dalam Penyebaran Islam* Makalah, Seminar Pemikiran Islam, Kuala Lumpur,1993.

Muhamad Al-Ghazaliy/Ir.Achmad Norerz,*Risalah Bandung*.Bandung, 1985
Mohd. Rumaizuddin Ghazali .*Panduan Berdakwah Kontemporari* Pahang:PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd, 2003.

Nooraini Sulaiman, Shahrulannuar Mohamed dan Sabariah Sulaiman, "Kurikulum Pendidikan Zaman Rasulullah: Pengaruhnya Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Masa Kini" .Makalah, Seminar Warisan Nabi, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM di Palm Garden Resort, IOI Putrajaya, 11-12 Julai 2007.

Norrodzoh Hj Siren. "Retorik Penulisan Dakwah," dalam *Dakwa Islam Semasa- Konsep Dan Perlaksanaan*, ed. Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Mohd. Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi .Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006

Owen Hargie dan David Dickson. *Skill Interpersonal Communication-Research, Theory and Practic*, ed. Ke-4 .New York: Routledge Taylor & Francis Group,2004.

Pawit M.Yusup. *Komunikasi Pendidikan Dan Komunikasi Instruksional* .Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, 1990.

Toto Tasmara. *Komunikasi Dakwah*. Indonesia: Cv Gaya Media Pratama, 1987
Ghazali Sulaiman, " Komunikasi Islam," dalam *Islam dan Komunikasi* , ed.S.Salahudin Suyurno et al .Shah Alam : Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2007.

Zaharah Hussin & Ab. Halim Tamuri. "Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Pendidikan akhlak" dalam. *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, ed. Ab. Halim Tamuri et al, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.

Zakaria Stapa ,"Cabaran Era Globalisasi Dan Proses Penyediaan Diri Serta Ketrampilan Para Pendakwah" Makalah, Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Malaysia - Indonesia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Rahmah Hashim , "*Industrialisasi Dan Globalisasi : Cabaran Teknologi Komunikasi Dan Kesannya Terhadap Kelangsungan Pendidikan Generasi*", *Jurnal Pendidikan Islam* 3 (2008) :49-66

Rahmah Hashim ."Ilmu Komunikasi: Kaedah Dan Teknik Dalam Dakwah Islamiah". Makalah seminar Dakwah Dan Kepimpinan Peringkat Kebangsaan, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.

- Razali Saaran. *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik* .Kuala Lumpur: Mustread Sdn Bhd, 2010.
- Roziyah Sidik. *Genius Muhammad Bin Abdullah* .Pahang:PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd,2004.
- Robert F.Mager. *Teknik Mendorong Pelajar Belajar Tanpa Membunuh Semangat Mereka- How To Learners On Without Turning Them Off*, ed. Ke-4, terj. Saad Md Yassin .Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2009.
- Robiatul Adawiyah Mohd,Kauthar Abd Kadir,Norzulaili Mohd Ghazali,Abdul Karim Toured an Ihsan M.Hasen “Sunnah Aplikasi Dan Cabaran Semasa”. Makalah, Seminar Warisan Nabi, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM di Palm Garden Resort, IOI Putrajaya, 11-12 Julai 2007.
- Salasiah Binti Hanin Hamjah .” Pendekatan Dakwah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali:Satu kajian Di Pusat Kaunseling majlis Agama Islam Negeri Sembilan” (tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2008.
- Salhah Abdullah dan Ainon Mohd. *Guru Sebagai Mentor* ,cet. Ke- 2 .Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2007.
- Samsuddin A. Rahim. *Komunikasi Asas* .Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1993.
- Saadah Wok, Narimah Ismail dan Mohd. Yusof Hussain , *Teori-Teori Komunikasi*, cet. Ke-2. Selangor:PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd,2005.
- Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II . *Comminicating Efectively*, ed. Ke-7 . New York, 2004.
- Shaikh Mohd Saifuddin Shaikh Mohd Salleh. *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi* .Kuala Lumpur,:Institut Kefahaman Islam Malaysia,2000.
- Shiekh Abu Muhammad Tolha Al-Khairi. *Teladan Sepanjang Zaman Peribadi Nabi Anugerah Suci*. Selangor: Thinker’s Library Sdn.Bhd,2009.
- S. Salahudin Bin Suyurno ,”Akhlak Komunikasi Islam Dan Penghayatan Kehidupan Beragama: Kajian Kes Di Universiti Teknologi Mara Pantai barat Semenanjung”. Tesis kedoktoran Usuluddin,Jabatan Akhidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2001.
- S.Salahudin Suyurno,Mohd Yadman Sarwan & Aini Faezah Ramlan , “ Prinsip Dan Etika Islam Dalam Komunikasi” dalam *Islam dan Komunikasi*, ed. S.Salahudin Suyurno. Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara,2007.
- H.M.Tuah Iskandar. *Mengislamisasikan Komunikasi Warta*. Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur,1997.
- Steven A.Beebe Susan J.Beebe dan Diana K.Ivy. *Communication Principles For A Lifetime*, ed. Ke-3 rev. Amerika:Person Education,Inc. ,2007.

Stewart L. Tubbs. *Human Communication: Principal And Contexts*, ed. Ke-10. New York: Mc Graw . Hill, 2006.

Sulaiman Masri. *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan :Esei, Proposal,Tesis* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd,2005.

Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar dan Azlina Abu Bakar. *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan* . Selangor: Karisma Publication Sdn bhd, 2002.

Syarifah Hanifah Binti Syed Mohd Zain. “Konsep Guru Mursyid: Analisis Terhadap Kefahaman Masyarakat Melayu Di Kota Bharu Kelantan” . Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

Syeikh Muhammad bin Nashir Al-Abudi. *Al-Quran Sebagai Penawar Tekanan Jiwa*,terj. Muhammad Nashiruddin .Johor: Perniagaan Jahabersa,2001.

Tajul Ariffin Noordin. *Pendidikan Suatu pemikiran Semula* .Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md. Yusoff. *Kaedah Mengajar & Kemahiran Interpersonal Guru* .Selangor: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd, 2007.

Toto Tasmara .*Komunikasi Dakwah* .Jakarta: CV Gaya Media Pratama,1987.

Yusuf Al-Qaradawi . *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut: 1978.

Wan Hussein Azmi. *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka,1988

Wan Hussein Azmi. *Panduan Dakwah Islamiah* .Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1998

Zaharah Hussin. “Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam,” *Masalah Pendidikan*.Universiti Malaya,2005.

Zainuddin Zakaria & Zaiadatul Hidayah Zakaria. *Komunikasi Efektif* . Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd, 2006.

Zakaria @ Mahmud Daud dan Ahmad Zaki Hj. Ibrahim, “Pemikiran Muhammad ‘Abd Al-Wahab Dan Pengaruhnya Kepada Dunia Islam Dalam Bidang Akhidah dan politik” dalam *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*, ed. Mohammad Kamil Hj. Ab. Majid . Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990.

Zulkiple Abd. Ghani, *Islam, Komunikasi Dan Teknologi Maklumat* .Kuala Lumpur :Utusan Publication& Distributor Sdn.Bhd, 2001.

Zukifli Yusof . *Sukarkah Komunikasi Anda? Seni Berhubung Dengan Orang Lain* . Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd,2000.

Zulkiple Abd. Ghani . *Islam Komunikasi Dan Teknologi Maklumat* .Kuala Lumpur:Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd,2003.

RUJUKAN SELAIN BUKU DAN BAHAN BERTULIS

Amir Aziz, (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis, 3 Julai 2013

Ainoor Mahfuzah Ahmad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Aisyah binti Abdul Razak (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Azlina Muhammad (Ketua Unit Peperiksaan Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual denga penulis , 25 April 2013

Azrin Jamri (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis,3 Julai 2013

Haslina Abdullah, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

Indra Sardi Muhamad, (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis , 3 Julai 2013

Ishak Hasan (Pegawai Disiplin Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 5 Mac 2013

Junnaini Johan (Pegawai Peperiksaan Politeknik Sultan salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual dengan penulis, 4 Mac 2013

Maktabah Syamila

Masitah Mohd Ali, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

Mek Zah Che Ahmad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 25 April 2013

Mohammad Shukri Deraman, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

Mohammad Luqman Mohammad Nasir, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Mohd Nasrin Mohd Nor, (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis, 3 Julai 2013

Muhammad Faizal Fadly Shaari (Kaunselor Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 6 Mac 2013

Nasharuddin Zainal Abidin, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Nor Amira Azmi, (Pelajar Kelas Tamadun Islam), dalam temubual bersama penulis, 3 Julai 2013

Nor Azmin Muhammad Salleh (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

Norliza Ab Halim, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Siti Noryanie Yusof, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Pengajaran Dan Pembelajaran Kanak-kanak Dari Perspektif Islam,” dalam *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Perlaksanaan*, ed. Nor Raudah Hj.Siren, Yusmini Mohd. Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya,2006), 89

Wan Norizan wan Muhammad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

Zinab Hanina Abdull Samad, (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

Zalypah binti Hassan (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 24 April 2013

Mohd Azam Mahat. *Guru Pendidik, Pengajar @ Pendakwah?* . Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd, 2009.

Salhah Abdullah dan Ainon Mohd, *Guru Sebagai Mentor*. Kuala Lumpur:PTS Publishing Sdn. Bhd , 2007.

RUJUKAN LAMAN SESAWANG

Politeknik Malaysia <http://www.politeknik.edu.my/websept07/sejarah.asp> , dikemaskini September 2007, dicapai 4 April 2013

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah <http://www.psa.edu.my/portal/index.php?lang=ms> , dikemaskini 7 Oktober 2013, dicapai pada 9 Oktober 2013

Jabatan Pengajian Politeknik, <http://politeknik.gov.my/webjpp2/index.php>. dikemaskini 5 Dec 2012, dicapai 5 April 2013

JAKIM , <http://www.islam.gov.my/pelan-strategik-jakim-2009-2014>

The Holy Quran- <http://Quran.com>